

Bil. 2

**Isnin
13 Julai 2020**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Salinan Titah Diraja (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 2)
- Pelantikan Ketua Pembangkang (Halaman 2)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 3)
- Prosedur Operasi Standard Fasa Pemulihan Persidangan Parlimen (Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 5)

USUL MENTERI DALAM NEGERI:

- Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen (Halaman 23)

USUL-USUL PERDANA MENTERI:

- Mengosongkan Jawatan Tuan Yang di-Pertua (Halaman 24)
- Memilih Tuan Yang di-Pertua (Halaman 56)

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH (Halaman 60)

USUL-USUL PERDANA MENTERI:

- Memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Halaman 72)
- Menangguhkan Mesyuarat Kamar Khas (Halaman 73)
- Melantik Jawatankuasa Memilih (Halaman 74)

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 52)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 82)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRs
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. “ Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato’ Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau] – STAR
37. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato’ Sri Ti Lian Ker – Senator
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI (PN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharyud [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR

30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
31. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN

71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
73. “ Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lepar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat

Nizam Mydin bin bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juaraah

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

**PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 13 Julai 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

SALINAN TITAH DIRAJA

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada hari Isnin, 18 Mei 2020 Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah berkenan menyampaikan titah diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan titah diraja ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan titah diraja itu dibentangkan di atas meja Majlis Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam *Penyata Rasmi*.

[Salinan titah diraja adalah seperti di lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dengan limpah kurnia mereka memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen Ke-14 dalam Mesyuarat Kedua dan Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ke-14 yang lalu seperti berikut:

1. Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020;
2. Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020;
3. Akta Mata Wang 2020;
4. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2020;
5. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020;
6. Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019;
7. Akta Perbekalan 2020;
8. Akta Kewangan 2019;
9. Akta Francais (Pindaan) 2020;
10. Akta Hak Cipta (Pindaan) 2020;
11. Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019;
12. Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2020;
13. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2020;
14. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019;
15. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019; dan
16. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua 2019 yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“19 Disember 2019

Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 2020;
2. Rang Undang-undang Kewangan 2019;
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019;
4. Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019;
5. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019;
6. Rang Undang-undang Mata Wang 2019;
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019;
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019;
9. Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pindaan) 2019;
10. Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019;
11. Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019;
12. Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019;
13. Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2019;
14. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019;
15. Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019; dan
16. Rang Undang-undang Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2019.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

PELANTIKAN KETUA PEMBANGKANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3), saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen Port Dickson telah mendapat sokongan dari kalangan Ahli-ahli Pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang. Syabas Yang Berhormat Port Dickson. *[Tepuk]*

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 5 Perenggan (3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu bahawa Yang Berhormat Datuk Mohamad bin Alamin, Ahli Parlimen Kimanis telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh Khamis, 27 Februari 2020. [Tepuk]

PROSEDUR OPERASI STANDARD FASA PEMULIHAN PERSIDANGAN PARLIMEN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia telah menjejaskan banyak pihak dan memberi kesan kepada rakyat negara ini.

■1010

Kita perlu melalui *new norm* atau norma baharu bagi mengekang penularan wabak ini. Begitu juga di Dewan Rakyat ini, Ahli-ahli-ahli Yang Berhormat turut perlu melalui norma baharu dan sentiasa mematuhi penjarakan sosial atau penjarakan fizikal. Tambahan pula terdapat 87 Ahli Dewan Rakyat yang berumur melebihi 60 tahun yang pastinya lebih berisiko.

Sehubungan dengan itu, Parlimen Malaysia telah menyediakan Prosedur Operasi Standard Fasa Pemulihan Persidangan Parlimen (SOP) yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersidang dengan selamat dan terkawal seterusnya mencegah penularan wabak ini. SOP yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pertama, hanya 174 orang Ahli-ahli Yang Berhormat duduk di dalam ruang utama Dewan Rakyat setelah mengambil kira penjarakan tempat duduk sejauh satu meter dari bahu ke bahu. Ini mungkin akan menyebabkan terdapat sedikit ketidakelesaan dengan pengadang kaki di antara tempat duduk. Saya ingat ini tidaklah begitu menimbulkan masalah.

Kedua, sebahagian ahli-ahli penyokong kerajaan *backbenchers* kerajaan ditempatkan di galeri awam di depan saya.

Ketiga, sebahagian Ahli-ahli Pembangkang ditempatkan di tempat duduk pegawai di sebelah kiri saya di sebelah belakang.

Keempat, pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan urusan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ditempatkan di tempat duduk pegawai di sebelah kanan saya di sini dengan kehadiran yang terhad.

Kelima, Ahli-ahli yang duduk di galeri awam boleh menggunakan mikrofon yang disediakan di situ atau turun ke tempat yang dikhaskan di kerusi belakang Dewan Rakyat untuk pertanyaan atau perbincangan.

Keenam, Ahli-ahli Pembangkang yang duduk di tempat duduk pegawai boleh menggunakan mikrofon yang disediakan atau ke tempat yang dikhaskan di sebelah kiri saya sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan atau perbincangan.

Ketujuh, bagi melancarkan lagi urusan persidangan mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di galeri awam dan di tempat duduk pegawai untuk menyebut nama kawasan masing-masing sebelum memulakan sesuatu pertanyaan atau perbincangan. Ini untuk memudahkan urusan pegawai Parlimen merekodkan atau untuk penyediaan Penyata Rasmi, *Hansard* sebab tidak ada video yang akan dipaparkan dengan nama.

Kelapan, terdapat beberapa *blind spot* yang terlindung dari pandangan Tuan Yang di-Pertua semasa Ahli-ahli Yang Berhormat bangun khususnya yang di sebelah kiri saya ada *blind spot*. Sehubungan dengan itu, dipohon Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri memandangi ke arah saya agar saya dapat melihat kedudukan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kesembilan, bagi urusan pengagihan dokumen Aturan Urusan Mesyuarat, rang undang-undang, laporan dan risalat di galeri awam dan tempat duduk pegawai, dokumen-dokumen tersebut akan diletakkan di kerusi bersebelahan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah pasti sudah pun dilakukan pada pagi ini.

Kesepuluh, untuk makluman, kemudahan *laptop* juga tidak dapat disediakan di galeri awam dan di tempat duduk pegawai kerana kekurangan soket kuasa bagi pemasangan *laptop* dan kesebelas, semua Ahli Yang Berhormat dinasihatkan sentiasa memakai penutup muka di dalam Dewan. Walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membuka penutup muka semasa hendak mengemukakan atau menjawab pertanyaan atau perbahasan. Ini nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya faham pasti terdapat ketidakselesaan dengan pelaksanaan SOP ini, tapi percayalah ia adalah untuk kebaikan dan kemaslahatan semua pihak. Sehubungan dengan itu, saya memohon jasa baik dan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk mematuhi SOP ini bagi kebaikan kita bersama.

Sama-sama kita berdoa agar wabak COVID-19 ini segera dibendung sepenuhnya dan tidak lagi memberi ancaman kepada kita. Dengan izin Allah SWT negara kita dapat kembali seperti sedia kala dan Parlimen dapat bersidang seperti biasa selepas ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah diletakkan jadual kementerian menjawab semasa sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan mengikut hari. Jadual ini akan diguna pakai bagi penentuan hari kementerian menjawab sepanjang Mesyuarat Kedua ini. Jadual ini boleh digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merancang kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat dlm Dewan ini.

Sebelum itu, ada satu lagi pemsyuhuran yang ingin saya bacakan. Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat ulang tahun hari lahir yang ke-95 kepada Yang Berhormat Langkawi [*Tepuk*] – Tun Dr. Mahathir, Mantan Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh. Semoga Allah SWT memberi kesihatan yang berpanjangan dan kekuatan tenaga untuk terus memberi khidmat bakti kepada Dewan Rakyat dan negara yang tercinta ini. [*Tepuk*] Ya, terus.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengenai SOP Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Mengenai SOP boleh saya mohon supaya Ahli-ahli Parlimen yang di belakang dan juga di depan diberi kemudahan tambahan. Umpamanya kemudahan mikrofon, bagi saya, bagi Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat yang mendapat kesukaran untuk menyampaikan pandangan, bantahan segera dan ini tidak terlalu sukar kerana tidak melibatkan satu struktur perubahan yang besar.

Saya mohon supaya pihak Parlimen menyejajarkan agar peranan mereka lebih berkesan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang ini saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini semua sudah diuruskan sebenarnya. Terdapat mikrofon-mikrofon yang diletakkan di belakang dan malahan Yang Berhormat yang duduk di galeri awam ini boleh turun ke bawah, ke ruang-ruang yang telah pun disediakan. Ruang-ruang ini mempunyai mikrofon.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah mikrofon sementara boleh diletakkan segera dan ini bukan suatu proses yang terlalu sukar dalam teknologi sekarang ini menyediakan bagi tiap Ahli Yang Berhormat satu mikrofon sementara itu boleh disediakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kalau tidak peranan mereka akan terjejas. Mereka tidak dapat mengemukakan pandangan segera dan terpaksa turun dan dalam perdebatan ini akan menyukarkan kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: *Cordless microphone.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi *cordless microphone* seorang satu.

Tuan Yang di-Pertua: *Cordless.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya setuju sebab saya tengok wakil rakyat rakan-rakan saya di belakang kena turun ada mungkin boleh tersungkur sebelum boleh berucap [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jaga-jaga apabila turun sebab condong sedikit, tapi saya diberitahu mikrofon di belakang itu boleh dicabut dan diberikan kepada Yang Berhormat yang ingin berucap tapi tidak apalah kita ambil maklum.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ada wayar itu Tuan Yang di-Pertua, ada wayar di belakang itu tidak boleh cabut.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kita ambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sebab kita sediakan *cordless microphone*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita Tuan Yang di-Pertua tidak boleh menafikan hak wakil rakyat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Ini zaman..

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau kita menafikan hak mereka kita zalim namanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini zaman COVID-19 Yang Berhormat, kita cuba apa yang terbaik. Jadi tidak dapat sangat yang terbaik kita akan usahakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan marah Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan tidak mengapa ada mikrofon di depan [*Ketawa*]. Baik silakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak berpantun untuk soalan pertama.

*Terbang kenyalang bersama merak:
Burung kelicap bersarang tinggi:
Walaupun negara dilanda wabak:
Ekonomi tetap dijaga rapi.*

*Seikat bagai sirih:
Serumpun bagai sera.,
Saya ucap terima kasih;
Soalan satu mohon dilerai.*

1. **Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan ekonomi semasa, prestasi pertumbuhan ekonomi negara dan kadar pengangguran masa kini.

Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 0.7 peratus pada suku pertama tahun 2020 iaitu lebih baik daripada jangkaan kebanyakan pakar ekonomi meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi dan perdagangan global yang mencabar terutamanya disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Pertumbuhan yang perlahan ini berikutan aktiviti ekonomi yang terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa I bermula 18 Mac sehingga 31 Mac 2020 bagi mengawal penularan COVID-19.

■1020

Suku kedua akan mengalami penguncupan yang ketara selari dengan perkembangan ekonomi global dan serantau.

Namun demikian, kadar pertumbuhan ekonomi suku ketiga dan suku keempat tahun 2020 dijangka akan bertambah baik selaras dengan pembukaan semula sektor-sektor ekonomi.

Langkah pemulihan ekonomi yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan juga dijangka dapat mengukuhkan kembali pertumbuhan ekonomi pada separuh kedua tahun 2020. Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

(PRIHATIN) bernilai RM250 bilion pada 27 Mac 2020 bagi merangsang ekonomi, membantu rakyat dan menggalakkan aktiviti ekonomi domestik Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) Tambahan pada 6 April 2020 bernilai RM10 bilion bagi menyokong kelangsungan perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana PKS; dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020 bernilai RM35 bilion yang bertujuan untuk memulihkan dan menjana semula ekonomi negara dalam jangka masa pendek.

Jabatan Perangkaan mengunjurkan kadar pengangguran adalah sebanyak 5.5 peratus atau 860,000 orang untuk tahun 2020. Walau bagaimanapun, pasaran buruh dijangka mulai pulih pada akhir tahun ini berikutan langkah kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang membolehkan operasi perniagaan dibuka sepenuhnya pada 10 Jun 2020.

Dalam usaha menangani kadar pengangguran yang semakin meningkat, kerajaan telah memperuntukkan hampir RM15 bilion melalui PRIHATIN dan PENJANA untuk dapat membantu hampir 3.3 juta rakyat yang terkesan dengan COVID-19. Antara inisiatif tersebut ialah seperti Program Subsidi Upah, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.

Selain itu, kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi sedang dalam proses penyediaan Pelan Pemulihan Ekonomi bagi Jangka Panjang dan akan dibentangkan pada bulan Oktober 2020. Antara lain, ia akan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan dalam pasaran buruh, reformasi institusi awam dan kerangka tadbir urus untuk pelaksanaan pendigitalan dan revolusi perindustrian keempat. Di samping pelbagai langkah yang akan diperkenalkan dalam Bajet 2021 pada 6 November 2020, kerajaan juga sedang merangka pelbagai dasar dan strategi khusus untuk menstrukturkan dan mengukuhkan semula ekonomi dan menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 tahun 2021-2025 yang akan dibentangkan awal tahun 2021.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Tahniah kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Malaysia yang dapat merangka pelan pemulihan dan juga pengukuhan ekonomi yang komprehensif.

Soalan tambahan saya. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan semua golongan yang memerlukan tidak tercicir daripada Program Jana Semula Ekonomi khususnya golongan B40 dan juga penduduk luar bandar ataupun pedalaman yang mempunyai kurang akses terutama akses *internet*? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua di sebelah kanan, dipersilakan... [*Disampuk*] Eh, eh, belum. Silakan, silakan. Maafkan saya.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab hari ini hari luar biasa.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Samarahan. Memang sebagaimana yang telah pun saya sebutkan waktu kita melancarkan program PRIHATIN sama ada di peringkat yang pertama ataupun seterusnya, antara perkara yang kita sebutkan ialah supaya tidak ada sesuatu pun rakyat kita yang tercicir daripada Program Jana Semula Ekonomi ini khususnya yang berada di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di Kota Samarahan ataupun di tempat-tempat yang lain.

Oleh sebab itulah kita telah membentuk apa yang kita panggil LAKSANA iaitu Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi dan unit ini bertanggungjawab untuk memantau supaya segala bentuk peruntukan-peruntukan yang telah pun kita senaraikan dalam pakej rangsangan ini akan sampai kepada semua kelompok masyarakat. Saya hendak sebutkan di sini, ada 53 agensi kerajaan yang berkaitan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak yang terlibat dalam program ini dan kerajaan telah pun memperuntukkan RM11 bilion pada penerima di kalangan B40 dan M40 termasuklah pada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Soal *internet*, memang ada isu. Walaupun sudah pun kita *roll out* program ini untuk dilaksanakan di seluruh negara dengan sejumlah peruntukan lebih daripada RM20 bilion, saya berpendapat ada lagi usaha yang perlu kita lakukan termasuklah di kawasan-kawasan luar bandar termasuk di Kota Samarahan dan lain-lain lagi. Walaupun saya dapat maklumat terkini bahawa Kota Samarahan kalau ambil kira daripada segi purata nasional, dia lebih baik iaitu lebih 92 peratus berbanding dengan 84 peratus di peringkat nasional. Apa pun, ada kekurangan, kita akan laksanakan dalam tempoh-tempoh yang mendatang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi beberapa penjelasan terkait dengan soal pemulihan ekonomi termasuk peruntukan yang agak besar.

Saya ingin mendapat penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah pengumuman-pengumuman yang telah dibuat sebelum ini dan selepas ini tidak memungkinkan penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan secara terbuka? Inilah kali pertama beberapa rangsangan ekonomi yang melibatkan kos yang begitu tinggi tidak dibentangkan dalam Parlimen atas alasan COVID-19, tidak mungkin dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat... [Tepuk] Dan kemudian dibuat beberapa kebijakan-kebijakan ekonomi yang besar tetapi tidak membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas. [Dewan riuh]

Saya juga ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengapakah dihalang perbahasan mengenai pemulihan ekonomi dan peruntukan besar—supaya rakyat dapat mendengar perbahasan kerana tidak semua yang dikemukakan itu sampai kepada program yang direncanakan pada peringkat awal.

Saya juga ingin mendapat penjelasan dalam soal yang sama kerana yang diumumkan oleh Perdana Menteri tadi... [Dewan riuh] Yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu besar impaknya. Dampaknya besar, jumlahnya besar. Apakah tidak munasabah untuk saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat turut dengar dan bahas?

Ini soalan dia. Mengapa kita halang perbahasan mengenai pemulihan ekonomi sementara pelantikan-pelantikan besar GLC itu terus-menerus? [Dewan riuh] Jadi saya minta jawapan yang tegas, bila nak dibentangkan? Mengapa...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Lamanya. Lamanya soalan.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Soalan, soalan!

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Politik sogok.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya dah jangka dah Yang Berhormat Port Dickson akan mengemukakan soalan seperti itu kerana perkara ini bukanlah pertama kali disebutkan.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, permasalahan besar yang kita hadapi ialah soal untuk menguruskan dan juga menangani masalah COVID-19. [Tepuk] Di seluruh negara, umum rakyat tahu bahawa dalam situasi yang amat menyukarkan dan sulit sekali itu, kerajaan tidak ada pilihan. Malahan, saya sendiri berpendapat tindakan-tindakan segera mesti diambil walaupun sebelum sesi Parlimen bermula. [Tepuk]

Hari ini walaupun perkara itu belum lagi dibentangkan—*insya-Allah*, Menteri Kewangan saya akan bentangkan dalam tempoh sesi ini juga segala perkara yang terperinci. [Dewan riuh] Ada berpuluh-puluh inisiatif yang terpaksa kita laksanakan. Ini kerana di luar sana, Tuan Yang di-Pertua mesti tahu, rakyat menunggu. Dia tak boleh nak tunggu sesi Parlimen ini. Dia nak sekarang. Bantuan ini disampaikan sekarang. Mereka menghadapi kesukaran sekarang, industri-industri dah runtuh sekarang, perniagaan-perniagaan tak boleh laksanakan sekarang. [Dewan riuh] Kalau nak tunggu hari ini, tak sempat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Parlimen boleh bersidang, Parlimen boleh bersidang.

■1030

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Jadi, walaupun begitu saya faham. Sebagai tugas Ahli Parlimen memang itu tanggungjawab, akan tetapi tugas kerajaan adalah untuk menentukan rakyat mesti dibela... [Dewan riuh][Tepuk] Pembelaan itu mesti dibuat, pembelaan itu mesti dilaksanakan. Terima kasih.

Seorang Ahli: Buatlah sidang tergepar.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Soalan tambahan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi soalan tambahan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PRIHATIN 1, PRIHATIN 2, PENJANA, jumlahnya RM295 bilion dengan RM45 bilion suntikan fiskal maka defisit kita bertambah 5.8 peratus ke enam peratus. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi defisit itu?

Seterusnya, adakah kerajaan bercadang memudahkan lesen, memperbaiki prosedur, memperbaiki proses, memotong *red tape* supaya ekonomi boleh berkembang segera ketika COVID-19 ini? Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini baharu soalan... [Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan daripada Yang Berhormat Pontian itu...

Seorang Ahli: Soalan boleh?

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: ...Memang sentiasa berada dalam pertimbangan kerajaan.

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Waktu kita hendak berbelanja, kita tahu ada paras siling yang dibenarkan oleh undang-undang dan juga oleh peraturan supaya tidak kita pecah bumbung dan melampaui had yang telah dibenarkan.

Oleh sebab itu, dalam situasi yang agak terdesak ini dan saya kira bukan sahaja di Malaysia, banyak negara lain terpaksa berbuat sedemikian kerana isu pokok ialah dengan COVID-19, hampir ekonomi dunia runtuh. Jadi mahu tidak mahu kita mencari sumber-sumber dalaman yang ada, bukan luaran untuk digunakan bagi memastikan supaya keadaan negara ini akan dapat kita bantu, menyelesaikan masalah ekonomi dan sebagainya.

Soal lesen ini memang kita telah ambil kira, arahan yang telah saya keluarkan pada Ketua Setiausaha Negara, Tuan Yang di-Pertua ialah untuk menentukan di setiap kementerian. Kalau ada perkara-perkara yang perlu disingkatkan prosesnya yang bertingkat-tingkat supaya tidak menyebabkan kelewatan, kelambatan. Keputusan boleh dibuat segera oleh pihak Pengerusi ini dan juga jawatankuasa untuk menyelesaikan masalah sebegitu supaya ia tidak mengambil masa begitu panjang.

Bermakna segala bentuk birokratik *red tape* mestilah dikurangkan dalam tempoh kita hendak menangani masalah ekonomi yang sedang meruncing sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya hadkan kepada tiga soalan akan tetapi tidak apalah, Yang Berhormat Semporna. Silakan Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya hendak membangkitkan persoalan tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tentang langkah-langkah untuk kita hendak memulihkan ekonomi.

Kita sedar dan kita tahu bahawa kebimbangan, kekeliruan di peringkat akar umbi itu agak ketara kelihatan semakin meningkat hala tuju dan bantuan yang sudah pun diumumkan. Saya amat setuju, sepatutnya perkara ini kita bahaskan oleh sebab kalau Dewan Undangan Negeri Sabah boleh bersidang tiga hari dan kita bahaskan... [Dewan riuh] Dan kita jelaskan. *Taxi driver* pun kita bagi, *Jorry driver* pun kita bagi dan ini merupakan perkara pertanggungjawaban kerana jumlahnya agak besar dan rakyat kita hendak pastikan mereka tidak berada dalam keadaan kekeliruan.

Namun demikian, saya hendak bertanya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang, walaupun tadi disebutkan kebimbangan saya tentang pengangguran yang agak besar. Kita di Sabah ada banyak syarikat yang tutup, bankrap. Hotel pun sudah tutup dan keadaan ini membimbangkan kita.

Saya hendak tanya *by sector*, berapakah jumlah pengangguran yang telah pun dicatatkan *sector by sector*? Saya tahu *it is specific*, dengan izin, cuma saya minta kerana

keimbangan ini agak menular kerana ramai di antara rakyat kita yang sekarang ini sudah sewa rumah pun tidak mampu hendak bayar. Hendak belanja untuk anak-anak pun tak mampu hendak bayar.

Akan tetapi kalau kita mendengar pengumuman-pengumuman yang telah dilakukan – *microcredit* contohnya di peringkat negeri Sabah. Ada penjelasan yang menyatakan, sudah sampai dan kita juga hendak tahu di peringkat negeri adakah usaha ini – *consolidated effort* di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga negeri-negeri yang ada. Oleh sebab kita *building a nation*. Kita hendak tahu kerjasama yang perlu kita lahirkan untuk boleh pemulihan ekonomi yang ada, sampai atau tidak sampai.

Saya hendak tanya tentang jumlah pengangguran yang ada di negara ini dan langkah-langkah yang RM3 bilion tadi, yang dinyatakan *stimulus package, will it realize those people redundant, unemployed, will be able to recover their job*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun saya jelaskan dalam ucapan awal tadi, kita telah menyebutkan bahawa untuk tahun ini disebabkan masalah COVID-19 dan sebagainya memang peratusan pengangguran itu meningkat ya, di seluruh dunia masalah besar. Di Malaysia, kadar yang diunjurkan lebih kurang lima peratus.

Sekarang ini 720,000 dan saya fikir sehingga akhir tahun boleh meningkat sampai 860,000 bilangan. Ini bukan suatu yang menggembirakan saya dan saya fikir semua di sini pun tahu. Akan tetapi persoalan penting, apa yang harus kita lakukan untuk menentukan ia tidak terus merosot.

Oleh sebab itu, segala bentuk bantuan-bantuan stimulus antara lain contohnya *Wage Subsidy* atau Program Subsidi Upah yang kita sediakan ataupun moratorium kita bagi kepada syarikat-syarikat yang berjumlah RM100 bilion yang diperuntukkan oleh bank-bank dalam negara. Ini semua sudah memberi sedikit wang kepada syarikat-syarikat dan juga pengusaha-pengusaha dan juga mereka yang terlibat dalam perniagaan untuk memberikan jumlah pekerjaan ataupun hendak menentukan jangan ada pengangguran meningkat dan bertambah.

Inilah inisiatif yang sudah pun kita mulakan dan akan kita teruskan untuk masa-masa ke hadapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sekarang saya menjemput Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

2. **Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan]** minta Perdana Menteri menyatakan, persediaan dan tindakan yang diambil kementerian dalam menangani dan mengukuhkan keselamatan siber negara hingga ke peringkat individu berikutan peningkatan kes penggodaman semasa PKP sebanyak 80.5 peratus sebagaimana yang dilaporkan oleh CyberSecurity Malaysia melalui Berita Harian bertarikh 26 Mei 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Pada awal bulan Januari 2020, Agensi Keselamatan Siber (NACSA) telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan peringatan kepada semua agensi kerajaan dan agensi kritikal negara supaya membuat persediaan untuk menghadapi ancaman serangan siber yang dijangka meningkat ketika itu berdasarkan kepada trend global berikutan penularan wabak COVID-19.

Selanjutnya, semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) NACSA dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan melaksanakan pemantauan secara rapi dan secara bersepadu dan berterusan. NACSA juga telah mengeluarkan tiga peringatan kepada semua pihak termasuk orang awam berhubung ancaman siber dan tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan risiko ancaman siber serta memberikan khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada beberapa agensi infrastruktur maklumat-maklumat kritikal negara yang menghadapi insiden serangan siber.

Pada masa yang sama Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) turut menerbitkan mesej-mesej kesedaran siber kepada pengguna internet Malaysia yang bertujuan untuk memberikan kesedaran berhubung amalan dan etika keselamatan siber yang baik bagi tujuan menghindari serangan siber.

Berhubung persediaan dan tindakan untuk mengukuhkan keselamatan siber negara kerajaan telah membangun dan melaksanakan Pelan Pengurusan Krisis Siber

Negara (NCCMP) yang menggariskan strategi bagi mengurangkan kesan serangan siber dan tindak balas yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kritikal negara.

Selain daripada itu, Pelaksanaan Strategi Keselamatan Siber Negara (NCSS) dan Pelan Induk Kesedaran Keselamatan Siber Negara (PIKKS) yang akan dilancarkan kelak ini juga akan meningkatkan lagi tahap kesedaran dan kesiapsiagaan negara dalam melindungi keselamatan siber negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan pertama. Silakan.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan keselamatan siber ini menjadi faktor terpenting dalam kehidupan seharian daripada faktor peribadi sampailah kepada keselamatan nasional. Jadi, saya mohon penjelasan tentang kenyataan Majlis Keselamatan Negara pada 1 Julai 2020 tahun ini. KPISOFT Sendirian Berhad yang berpangkalan di Houston Amerika telah diberikan peluang untuk menjalankan MySejahtera ya aplikasi MySejahtera.

Apakah risiko pendedahan maklumat peribadi dan risiko penting lagi adalah risiko keselamatan kepada pihak asing oleh sebab kalau kita melihat sesawangnya bahawa mereka berpangkalan yang induknya adalah di Amerika Syarikat, di Houston-memang mempunyai *branch* dekat Singapura.

Jadi, itu yang kita hendak penjelasan dan bagaimana kita melihat bahawa dalam sesawangnya tidak ada nama yang disebut oleh MKN dari Malaysia itu, hanya dari Singapura. Saya memohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

■1040

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Kerajaan buat masa ini sedang membangunkan satu induk digital (*master digital platform*) untuk memastikan keselamatan siber boleh dirangkumi di dalam ruang itu sendiri. Di sini, kita dalam peringkat pembangunan dan *insya-Allah* akan dilancarkan dalam masa tempoh lima tahun. Di mana satu pembangunan bersepadu akan diwujudkan melalui MAMPU dan sebagainya, termasuk juga agensi-agensi keselamatan siber. Jadinya, memang betul kita terima maklumat, hari ini 80 peratus lebih kurang ada ancaman *cyber attack*. Akan tetapi itu melibatkan saringan daripada *cyber security*. Kita sentiasa menyiasat kes-kes *attack* ini oleh agensi-agensi keselamatan yang lain. Mengikut undang-undang tertentu, ini boleh diambil tindakan supaya mereka ini dihukum mengikut undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail [Pandan]: Yang Berhormat, minta maaf. Yang Berhormat Menteri tidak menjawab. Saya hendak tanya kerana apakah yang dikatakan yang diberikan MySejahtera itu. Itu masalahnya. Ini kerana kita ada *company* daripada Malaysia, yang *local*. Mereka sepatutnya diberikan peluang dan ini tidak diberikan peluang. Kenapa diberikan kepada syarikat di luar negara yang mempunyai risiko boleh mengancam keselamatan negara kita dari segi siber dan sekarang ini adalah ancaman siber yang melanda negara kita, terutamanya semasa COVID-19.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Secara jawapan yang tepat untuk MySejahtera, kita menggunakan kepakaran tempatan iaitu KPISoft contohnya, antara satu syarikat yang digunakan, yang dimiliki oleh rakyat Malaysia yang bekerjasama dengan NAKSA dan MAMPU untuk memastikan kekurangan. Kita tidak boleh menyatakan kita ada *complete sensing towards leakages in personal data* dan sebagainya. Inilah usaha-usaha yang saya sebutkan tadi, secara jangka panjang kita membangunkan satu sistem yang lebih selamat, memastikan serangan siber ini boleh dikurangkan, dalam masa yang sama *insya-Allah* kita boleh *eliminate completely*. Kita menggunakan kepakaran tempatan iaitu KPISoft Malaysia yang bekerjasama dengan NAKSA dan MAMPU. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua, di sebelah kanan. Dipersilakan Yang Berhormat Baling. Silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sebanyak 3,906 aduan telah dilaporkan kepada Pusat Bantuan Siber 999 dalam tempoh 18 Mac hingga 30 Jun tahun ini ketika tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini meningkat melebihi 90 peratus berbanding dengan tahun yang lalu. Soalan saya, pada tahun 2017 kita telah wujudkan satu Jawatankuasa Khas Jenayah Siber yang telah ditubuhkan. Soalan saya, apakah peranan yang direncanakan

oleh jawatankuasa ini serta sejauh manakah penubuhan jawatankuasa ini memberi impak terhadap revolusi mekanisme, kaedah untuk menangani jenayah siber yang menjadi-jadi sekarang ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Jawatankuasa yang telah dibentuk telah merancang beberapa inisiatif mengenai keselamatan siber negara. Tiga inisiatif telah pun dilaksanakan dan akan dilancarkan dalam masa yang terdekat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Usaha-usaha ini boleh memberi kesedaran, terutamanya dalam peringkat kita menghadapi fasa COVID-19. Kita telah pun memberi peringatan *cyber attack* akan meningkat. Tadi disebutkan 80 peratus, Yang Berhormat menyebutkan tadi 90 peratus. Ia akan terus meningkat. Jadi, dengan adanya inisiatif begini dan akan kita lancarkan dalam tahun ini, *insya-Allah* akan boleh dibendung dengan lebih baik. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Saya ingin merujuk kepada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan KPISoft Inc. adalah syarikat Malaysia. Ini tidak tepat. Ia sebuah syarikat yang berdaftar di Amerika dan berpusat di Singapura. Ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pandan. Kembali kepada soalan Yang Berhormat Pandan juga, ia begitu signifikan, bukan hanya kepada MySejahtera. Kita lihat MYFutureJobs juga yang dilancarkan oleh PERKESO juga telah menggunakan syarikat daripada Netherlands. Begitu juga dengan skim-skim SME *digitalization* juga telah diberikan kepada banyak syarikat di luar negara dengan menggunakan duit pembayar cukai rakyat Malaysia.

Ini bukanlah suatu yang baru. Jikalau ini dibawa oleh Yang Berhormat Pandan di waktu ini, ia juga telah ditegur oleh Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan juga NEF. Persoalannya, di manakah Kerajaan Perikatan Nasional yang kononnya memperjuangkan Melayu Islam? Kenapa tidak diberikan kepada syarikat-syarikat Melayu Islam yang membangunkan perisian digital? Kita mempunyai banyak syarikat tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hebat. *Look who's talking now.*

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Kita kena buka minda sedikit. Kalau syarikat itu tertubuh di Amerika Syarikat, bukan bermakna ia milik Amerika Syarikat. Saya bagi contoh...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Masalahnya, ia membayar cukai di mana? Di Malaysia kah atau di Amerika? Kenapa mengambil syarikat Amerika dan bukan syarikat Malaysia, syarikat tempatan Melayu Islam?

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Syarikat KPISoft Malaysia...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baru nampak cerdik, Menteri ini dahulu tidak cerdik.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jadi pembangkang, cerdik sedikit.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Syarikat KPISoft Malaysia adalah milik rakyat Malaysia. Beratus, beribu syarikat yang berdaftar di luar negara adalah hak milik Malaysia. [*Tepuk*] Saya rasa itu semua orang tahu...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Persoalannya, mengapa tidak diambil syarikat yang didaftar di Malaysia?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ikutlah undang-undang. Bekas Menteri, ikutlah undang-undang, peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Bagi peluang saya rumuskan, membuka minda kepada bekas Menteri Pelajaran. Kita kena buka, kita menyebut selalu pasal *globalization, internationalization the Malaysian company*, dengan izin...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: *Internationalization* membawa syarikat kita keluar, bukan syarikat luar datang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berikan peluang Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Minta maaf. Kadang-kadang *the ecosystem* yang ada di negara kita sendiri tidak membolehkan kepakaran tempatan dibangunkan di sini. Jadinya, dengan adanya *complete ecosystem* di luar negara...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Itu terlampau bahaya. Yang Berhormat Menteri, itu memperlekehkan syarikat-syarikat tempatan yang telah pun...

[*Dewan riuh*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, semasa zaman merekalah bagi *award* itu. Mereka yang bagi *award*, hari ini mereka cakap balik. Dia yang bagi *award*! Inilah dia kerajaan yang jadi pembangkang, jadi pembangkang baru cerdik. Jadi kerajaan, tidak cerdik.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tolong rujuk 'Selangkah di Selangor'.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:

*Pergi Indonesia melalui Dumai;
Untuk cari bahan tembaga;
Biar perang ataupun damai;
Soalan saya nombor tiga.*

3. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh kementerian sebagai peneraju bidang teknologi dan inovasi negara dalam mempercepat proses digitalisasi (*digitalization*) perkhidmatan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, bidang teknologi dan inovasi di sektor awam adalah diterajui oleh Unit Pemodenan, Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama agensi kerajaan lain juga. MAMPU telah menggarap strategi pendigitalan dan mengambil kira *imaging technologies*, antaranya perkhidmatan pengkomputeran awan (*cloud computing*), perkhidmatan platform digital, kepintaran buatan (*artificial intelligence*) dan *data analytic*, data raya analitis.

Perkara ini telah digariskan dalam Pendigitalan Sektor Awam 2016-2020 dan kesinambungannya adalah Pelan Pendigitalan 2021-2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa inovasi yang menjadi fokus kerajaan ketika ini yang mana sebahagiannya telah dilaksanakan dan akan terus dipertingkatkan iaitu peningkatan dan perluasan perkhidmatan digital kerajaan yang bersepadu, terangkum dan selamat. Penggunaan analitis data raya (*data analytic*) sebagai satu perkhidmatan *decision support as a service* kepada pentadbiran kerajaan.

■1050

Collaborative strategic platform digital awam swasta dan Ekosistem Ekonomi Digital dan mengoptimumkan sumber kerajaan melalui kerjasama pengkomputeran awam, kerajaan dan swasta. Sehingga April 2020, kerajaan telah menyediakan 4,098 perkhidmatan dalam talian di mana 36.7 peratus adalah perkhidmatan secara *end to end* yang membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kerajaan tanpa perlu datang ke kaunter tetapi dengan hanya menggunakan peranti pada bila-bila masa sahaja.

Sebagai contoh, Sistem Malaysia Based membolehkan proses pendaftaran perniagaan, permohonan lesen-lesen yang berkaitan serta kelulusan diperoleh melalui satu gerbang perkhidmatan digital sahaja. Kerajaan menyasarkan peningkatan kepada 40 peratus perkhidmatan dalam talian sebegini menjelang akhir tahun 2020.

Usaha-usaha pendigitalan perkhidmatan kerajaan telah menghasilkan banyak data-data yang disimpan oleh pelbagai agensi kerajaan. Teknologi analitik data raya ataupun *big data analytics* dilihat dapat menjadi inovasi yang membuka ruang kepada perkongsian data antara agensi kerajaan dan swasta ke arah menghasilkan penemuan ataupun *insight* dengan izin dan data analitik sama ada berbentuk deskriptif, diagnostik, prediktif atau preskriptif. Penemuan tersebut boleh membantu kerajaan dalam pembuatan keputusan dan pengubahan dasar yang berpacuan data. Ia juga membuka ruang ke arah penerimaan gunaan *artificial intelligence*.

Tuan Yang di-Pertua, MAMPU juga telah mempelopori pendekatan baru bagi mempelbagaikan inisiatif digital kerajaan. Pendekatan baharu yang berkonsepkan

industry sourcing ini melibatkan *collaborative strategic* awam, swasta tanpa sebarang kos kepada kerajaan iaitu 100 peratus pembiayaan adalah daripada sumber kewangan pihak swasta yang terlibat.

Melalui kaedah ini, pulangan balik modal pelaburan pihak swasta akan didasarkan kepada mekanisme tertentu seperti caj kepada pengguna, *convenience fees* ataupun pembayaran dari pihak ketiga *through third-party agreement*. Melalui inisiatif pendigitalan ini kerajaan akan dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan seterusnya dapat memudahkan urusan rakyat dengan agensi kerajaan.

Selain itu usaha-usaha yang dijalankan ini dapat memudah cara hubungan kerajaan dengan pihak industri yang secara langsung menyokong usaha pemulihan ekonomi negara ketika ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawapan yang bagus, menarik Yang Berhormat Menteri, tahniah. Soalan saya ialah adakah digitalisasi sektor awam ini akan memudahkan pengguna jika perkhidmatan awam tidak lagi tertakluk pada waktu operasi seperti 8.00 pagi hingga 5.00 petang tetapi terbuka sepanjang masa dan penjawat awam boleh bekerja dari rumah secara fleksibel dan mengikut jadual giliran syif dengan menggunakan platform digital yang disediakan oleh setiap agensi kerajaan dan adakah kementerian akan mempertimbangkan idea yang bernas ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Saya ada sebutkan dalam menjawab soalan nombor dua tadi, Yang Berhormat Arau ya, kita sedang membangunkan satu *master digital platform* di mana ia boleh merangkumi segala bentuk *digitization* dan juga *digitalization* untuk memastikan ada *interaction* di antara agensi-agensi kerajaan dan juga sektor-sektor awam dan swasta. Jadi ini boleh membolehkan, memudahcarakan cara kita mengurus, mengoperasikan segala bentuk usaha-usaha, contoh perniagaan, usahawan dan juga pentadbiran di mana kita boleh melakukan, melangsungkan tugas-tugas itu di mana saja kita berada.

Dengan adanya sistem yang akan kita muktamadkan untuk dilancarkan ini, di mana semua, contohnya aplikasi daripada agensi-agensi kerajaan dimuatkan di dalam satu *master digital platform* dan kita boleh *interact*, kita boleh bekerja di Ipoh, kita boleh menguruskan aktiviti-aktivitinya di Kuala Lumpur. Ini adalah satu usaha-usaha kita untuk kita meningkatkan produktiviti kita dan juga mengoptimumkan *resources* yang kita ada. Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Tapi ada juga aduan berkenaan dengan kerenah birokrasi, ketidakcekapan perkhidmatan dan penyampaian, juga berkenaan isu integriti penjawat awam. Justeru soalan saya ialah, bolehkan pihak Yang Berhormat Menteri memberikan statistik kejayaan ataupun kayu ukur perbandingan penggunaan teknologi digital dalam perkhidmatan kerajaan setakat ini jika dibandingkan dengan keadaan sebelum proses digital ini. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Saya sudah nyatakan tadi peringkat penggunaan *pen-digitalization* dalam apa sahaja bentuk usaha-usaha kita telah mencapai tahap belum melepasi paras 50 peratus, *work in progress*. Banyak perkara yang perlu diambil kira. Contohnya peningkatan tadi disebutkan siber sekuriti, meningkatkan keselamatan maklumat peribadi. Ini sedang dirangka dan saya sebutkan sekali lagi akan dilaksanakan dalam masa lima tahun yang akan datang.

Jadinya kalau nak disebut penggunaan itu, contohnya *end-to-end solution* yang kita lihat hari ini masih lagi ada kelemahan. Kalau contohnya saya di Kuala Terengganu masih ada infrastruktur yang tidak boleh menyampaikan maklumat untuk membenarkan saya, contoh *print document that have applied* yang telah diluluskan. Ini boleh kita tingkatkan dan *insya-Allah* akan dipertingkatkan dalam masa lima tahun ini. Terima kasih.

4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah kementerian mempertimbangkan pemberian diskaun ke atas cukai taksiran yang dibayar kepada DBKL bagi meringankan bebanan rakyat yang terjejas dengan penularan pandemik COVID-19.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang kerana telah turut mengiringi saya sewaktu saya turun melawat dan bertemu penjaja di Bukit Bintang khususnya di Jalan Alor tempoh hari. Terima kasih juga pada soalan Yang Berhormat yang menandakan Yang Berhormat

amat prihatin sekali dengan pelbagai langkah yang telah kerajaan ambil berhubung dengan usaha untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat akibat daripada pandemik COVID-19.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai usaha telah dilakukan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara lain termasuklah mengecualikan enam bulan sewa bagi para penjaja di premis DBKL, enam bulan penangguhan bayaran kembali bagi mereka yang membeli rumah-rumah DBKL dan juga enam bulan penangguhan bayaran sewa bagi penjaja-penjaja yang menjaja di premis-premis DBKL.

Secara keseluruhan untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM100 juta kos yang telah ditanggung oleh Dewan Bandaraya dan agensi-agensi di bawah Kementerian di bawah usaha-usaha tersebut. Walau bagaimanapun, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak bercadang untuk memberikan diskaun atas cukai taksiran.

Namun begitu, bagi mereka yang mempunyai masalah, mereka boleh menangguhkan bayaran cukai taksiran atau mereka boleh membayar secara *installment* sehingga akhir Disember 2020. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua lapan. Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutama pemilik rumah, kedai-kedai berniaga menerima kesan teruk dari terhentinya kegiatan ekonomi dan *business* akibat pandemik COVID-19. Mereka berasa patutlah juga menimbangkan mereka mengecualikan taksiran oleh kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri pengecualian sewa telah diberi kepada PPR dan juga rumah awam dan juga penjaja enam bulan.

Mengapakah pengecualian yang sama tidak boleh diberi kepada masyarakat khususnya warga kota kita yang membayar cukai taksiran ini? Minta penjelasan walaupun kata tidak akan ditimbang tapi saya berharap satu taksiran diskaun yang harus diberi kepada warga kota Kuala Lumpur ini. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, cukai taksiran itu adalah dilaksanakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan dan tidak ada *provision* dalam Akta Kerajaan Tempatan untuk memberikan diskaun. Walau bagaimanapun seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan membolehkan premis-premis ataupun tuan milik premis yang premis mereka gagal untuk disewakan, mereka boleh membuat permohonan pengecualian di bawah seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan dan itu boleh dipertimbangkan.

■1100

Begini juga di bawah seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan– bagi pengecualian boleh diberikan bagi premis-premis yang bermaksud ataupun yang digunakan untuk kemudahan-kemudahan awam, rekreasi dan sosial. Jadi, bagi perkara-perkara yang spesifik di bawah kerajaan atau di bawah Akta Kerajaan Tempatan, DBKL akan mempertimbangkannya. Akan tetapi, memberikan diskaun secara *across the board*– tidak ada *provision* sedemikian dalam akta yang saya maksudkan.

Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua, di sebelah kanan, kalau ada.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Sini, sini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:...Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelah kanan dahulu. Tidak ada ya? Sebelah kiri, silakan Yang Berhormat .

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebulan lalu telah tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, tidak dijawab. Saya minta temu janji kerana hendak berbincang macam mana hendak memulihkan ekonomi di Kuala Lumpur. Jadi, soalan saya adakah Kementerian atau pihak DBKL sanggup memberi *microfinancing* kepada para penjaja di Kuala Lumpur. *Microfinancing* tanpa *interest*. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Surat Yang Berhormat memang diterima dan saya telah pun memberikan satu tarikh untuk Yang Berhormat datang ke pejabat saya. Akan tetapi, saya minta maaf kerana tarikh itu telah bertembung dengan satu mesyuarat yang penting dan saya telah memaklumkan kepada pejabat saya untuk memberikan satu tarikh yang baharu untuk Yang Berhormat datang bertemu dengan saya. Terima kasih.

Berhubung dengan pemberian *microcredit*, Kementerian bekerjasama dengan pelbagai Kementerian yang lain. Satu mesyuarat telah diadakan dengan Kementerian

Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan juga beberapa kementerian lain untuk membolehkan program bantuan *microcredit* yang sedia ada di dalam sistem yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian termasuk yang akan dilaksanakan oleh kementerian sendiri melalui yayasan, akan dilaksanakan Yang Berhormat *insya-Allah*–, itu akan kita laksanakan. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan. Soalan tambahan– belakang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan. Ini masalahnya– terlalu jauh. *Blind spot*. Ya, silakan, Yang Berhormat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Setiawangsa ingin bertanya pandangan pada pihak kementerian sama ada bersetuju untuk mempertimbangkan pengecualian cukai taksiran untuk golongan mahasiswa.

Dasar ini dilaksanakan misalnya di *England* yang mana mereka yang belajar di sana dan status sebagai *full-time student* tidak perlu bayar *council tax*, dengan izin. Kita tengok siswa-siswa kita yang belajar di banyak IPTA dan IPTS, mereka menyewa di luar dan mereka terpaksa menanggung beban sebab COVID-19, dengan masalah yuran dan sebagainya. Kalau dapat dipertimbangkan dari sudut diskaun cukai pintu, sudah tentu akan meringankan beban mereka. Jadi adakah pihak kementerian bersedia mempertimbangkan perkara tersebut.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Sepanjang yang saya tahu, *council tax* adalah berbeza dengan cukai taksiran yang kita laksanakan. Walau bagaimanapun, kalau ada mahasiswa memiliki bangunan yang saya rasa biasanya kalau dia *student*, dia tidak ada lah memiliki bangunan...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Kalau penyewa– penyewa pun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Mungkin dia penyewa? Sewaan cukai tidak dikenakan kepada penyewa, Yang Berhormat. Cukai dikenakan kepada tuan milik bangunan. Walau bagaimanapun, saya akan cuba teliti pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Kesihatan menyatakan penglibatan Malaysia dalam usaha sama sektor perkhidmatan kesihatan yang dibangunkan dengan negara-negara lain ketika ini bagi mengekang wabak COVID-19.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba] : Tuan Yang di-Pertua, pertama kali saya ingin mengucapkan kepada semua rakyat Malaysia termasuk rakyat Malaysia di luar negara dan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama menangani wabak COVID-19 di negara kita dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan lisan Yang Berhormat Bachok– kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan *Whole-of-Government approach* dalam menangani penularan COVID-19, di mana setiap kementerian mempunyai peranan masing-masing termasuk hubungan kolaborasi dengan negara-negara asing dan agensi-agensi pertubuhan antarabangsa.

Bermula pada pengesahan kes pertama wabak COVID-19 di Malaysia pada 25 Januari 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengukuhkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa secara dua hala iaitu bilateral, serantau (*regional*) dan pelbagai hala (*multilateral*) dalam sektor perkhidmatan kesihatan bertujuan mengekang dan mengawal penularan wabak COVID-19. KKM juga telah mengambil langkah agresif untuk berkolaborasi dengan badan-badan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), *United Nations International Children's Fund, Development-8 (D-8)* dalam usaha mengekang wabak COVID-19.

Antara bentuk kerjasama yang telah dilaksanakan oleh Malaysia di pelbagai peringkat adalah sesi perkongsian maklumat secara berterusan berkenaan status terkini COVID-19 di antara negara Malaysia dan WHO. Bagi menyampaikan maklumat berkenaan negara asing yang disahkan dijangkiti COVID-19 disampaikan secara berkesanan, KKM bersama semua *focal point International Health Regulations (IHR) 2005*, negara-negara ahli WHO– KKM telah mengukuhkan platform komunikasi secara berterusan bagi memastikan maklumat warga asing yang dijangkiti COVID-19 yang sedang dirawat dimaklumkan kepada negara-negara ahli masing-masing dengan kadar segera. Kerjasama KKM dalam menangani COVID-19 diperkukuhkan lagi dengan

komitmen Malaysia menyertai “*Solidarity Trial*” di peringkat WHO. Kerjasama Malaysia dalam menangani COVID-19 di peringkat antarabangsa diteruskan secara serantau melalui platform ASEAN, di mana Malaysia telah dijemput untuk terlibat secara aktif dalam pelbagai topik perbincangan, perkongsian kepakaran dan maklumat berkenaan langkah-langkah mengawal penularan COVID-19.

Di peringkat bilateral, KKM telah mengukuhkan platform kerjasama dua hala bersama negara-negara lain semasa wabak COVID-19, antaranya melalui Jawatankuasa Kerja Mengenai COVID-19 di antara Malaysia dan Singapura, lawatan pasukan pakar perubatan Republik Rakyat China ke Malaysia pada 18 April hingga 3 Mei merupakan salah satu contoh kerjasama dua hala antara Malaysia dan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 April, tiga kementerian iaitu Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian kesihatan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri telah mengadakan kerjasama untuk mewujudkan akses kepada vaksin COVID-19. Kolaborasi ketiga kementerian dibentuk untuk mencari peluang mewujudkan kerjasama strategik melibatkan badan-badan antarabangsa agensi dan syarikat tempatan bagi membolehkan Malaysia memperoleh kemudahan untuk pembangunan vaksin dan perubatan mencegah COVID-19.

KKM akan terus memberi komitmen dalam memastikan Malaysia dapat manfaat kerjasama antarabangsa melalui pelbagai platform termasuk mesyuarat dua hala antara KKM dengan kedutaan di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Bachok. Silakan.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan seluruh petugas barisan hadapan kerana berjaya memimpin negara kita menghadapi penularan pandemik global COVID-19 dengan cemerlang. Semoga Allah Taala memberkati perjuangan kita, [*Tepuk*] lalu kita berjaya keluar dengan jayanya, *insya-Allah*. Perhatian saya adalah berkait dengan pembangunan kesihatan mental yang turut menjadi isu global dalam sektor perkhidmatan kesihatan pasca penularan gelombang kedua COVID-19. Kita sedar bagaimana tindakan seluruh negara mengekang pergerakan rakyat sepanjang memerangi COVID-19 ini telah menyebabkan tekanan mental dan tekanan hidup yang tinggi yang boleh menjadi bencana kedua yang lebih bahaya.

Soalan saya, sejauh manakah isu ini dibangkitkan dan diberi perhatian dalam kerjasama global mahupun serantau yang melibatkan penglibatan khusus oleh Malaysia dan apakah fokus utama yang diberikan dalam memerangi isu ini, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Kerjasama kerajaan Malaysia dengan negara-negara asing terutama sekali membuat persiapan atau kesiapsiagaan awal menghadapi COVID-19 memang telah pun dilaksanakan seawal pada tahun 2019 melalui *Malaysia Strategies for Emerging Diseases and Public Health Emergency (MYSED) II Workplan (2017-2021)*.

■1110

Antara objektif ialah memastikan bahawa kesiapsiagaan menghadapi kejadian kecemasan kesihatan awam termasuklah perkara yang berkaitan dengan *mental health* ataupun *mental illness*.

Kita telah pun memaklumkan kepada semua yang terkesan dengan COVID-19 melalui penubuhan CPRC ataupun *Crisis Preparedness and Response Centre* yang mana telah dapat menghubungkan para petugas di sektor kesihatan awam dan perubatan menangani masalah *mental illness* ataupun *mental health* di kalangan rakyat Malaysia.

Perkara tersebut telah pun mendapat sokongan penuh daripada NGO-NGO dalam negara dalam menangani kes wabak COVID-19 termasuk masalah mental.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri soalan saya memandangkan kementerian dan kerajaan mengumumkan kaedah diplomasi sains kerana di Malaysia tidak ada lagi keupayaan untuk kita membangunkan vaksin bagi penggunaan manusia. Kita akan berhadapan dengan banyak penyakit zoonotik yang menjangkiti haiwan kepada manusia.

Pada tahun 2009 Malaysia menghadapi kesukaran mendapatkan vaksin bagi pandemik selesema, kalau kita melihat ada kerjasama antara syarikat tempatan

Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP), TIDREC Universiti Malaya dan juga Institut Penyelidikan Perubatan. Apakah status terkini daripada pihak Kementerian Kesihatan sendiri bagi memastikan cukupnya dana dan dukungan untuk Malaysia membangunkan vaksin bagi kegunaan manusia sendiri.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba: Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh. Berkenaan dengan diplomasi sains terhadap pembangunan vaksin yang perlu untuk memberi pelalian kepada kes-kes atau wabak yang mudah dijangkiti. Buat masa ini cadangan pelaksanaan penyelidikan melibatkan sebenarnya kolaborasi dengan negara-negara lain seperti China, Thailand, Amerika Syarikat dan pihak IMR – *Institute Medical Research* melalui CRM – *Clinical Research Malaysia* telah pun berusaha sebenarnya untuk menangani cabaran membangunkan vaksin terutama sekali terhadap COVID-19.

Sebenarnya Malaysia adalah salah satu antara 39 negara yang menyertai WHO Solidarity Trials dalam kajian rawatan COVID-19 termasuk pembangunan vaksin dan sehingga kini fasa ketiga *clinical research on COVID-19* vaksin dengan syarikat Sinovac Biotech China telah pun dilaksanakan dan juga fasa ketiga *inactivated COVID-19 vaccine* China iaitu syarikat Sinopharm sedang kita usahakan.

Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah untuk melaksanakan fasa ketiga penggunaan vaksin iaitu *clinical trial* fasa ketiga dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi perlulah kita laksanakan dahulu seperti memohon kelulusan Agensi Regulatori Farmaseutikal Negara dan melepasi Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MIRC) dan ia perlu dilaksanakan di bawah KKM. Terima kasih.

6. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh mana pihak kementerian serius untuk menggantikan industri kelapa sawit dengan industri buluh.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]: *Bismillahi Rahmani Rahim, alhamdulillah. [Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan oleh Yang Berhormat Kemaman pada 16 Julai 2020 dan Yang Berhormat Pokok Sena pada 13 Ogos 2020 mengenai pelan strategi dan tumpuan bagi membangunkan industri buluh serta prospek masa depan bagi industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tiada hasrat untuk menggantikan komoditi utama negara iaitu kelapa sawit dengan tanaman buluh. Apa yang dilakukan oleh kementerian ialah memperkasakan lagi industri sawit dengan kajian teknologi terkini sawit, memperluaskan pasaran luar negara, mempelbagaikan produk nilai tambah makanan berasaskan sawit di peringkat antarabangsa dan juga apa yang kita buat ialah untuk menambah satu lagi menerokai peluang menjadikan buluh sebagai satu komoditi masa depan di samping pelbagai lagi produk komoditi yang lain.

Bagi membangunkan industri buluh, kementerian telah menyenaraikan buluh sebagai salah satu tanaman hutan yang perlu dikomersialkan menerusi program pembangunan ladang hutan bersama dengan lapan lagi spesies hutan yang lain yang telah diluluskan pada tahun 2005 lagi dengan peruntukan sebanyak RM1.045 bilion tetapi untuk buluh disenaraikan pada tahun 2014 dengan saiz minimum 20 hektar dan juga bermula pada tahun 2020 dengan saiz minimum diturunkan pada empat hektar. Baki terkini peruntukan untuk Program Perladangan Ladang Hutan ini ialah RM85 juta lagi.

Kementerian saya sedang dalam proses mengubah Skim Pinjaman Mudah yang berbentuk konvensional sebelum ini kepada pembiayaan berasaskan Islam atau patuh syariah. Untuk membangunkan lagi industri ini kementerian sedang dalam proses menghasilkan satu Pelan Tindakan Pembangun Industri Buluh Malaysia untuk tahun 2021 hingga 2030 dan satu bengkel telah dibuat melibatkan pelbagai pihak dibincangkan pada 30 Jun 2020.

Selain itu, kementerian juga telah merancang strategi jangka masa pendek dan panjang antaranya membangunkan piawai antarabangsa berkaitan buluh R&D dengan FRIM dan juga promosi seperti penganjuran World Bamboo Day dan ASEAN Bamboo Symposium yang terakhir dibuat pada 2016 dan juga membina pelbagai infrastruktur dan bangunan ikonik berasaskan buluh antara yang terakhir akan dibuat di Kuala Terengganu sebagai satu projek penyelidikan dan juga meneruskan pembangunan industri buluh ini untuk RMKe-12.

Kita melihat peluang daripada buluh ini untuk menghasilkan papan lapis, perabot, makanan, pabrik, kraf tangan, kutleri, pembinaan, ekopelancongan dan juga

bahan bakar seperti pembuatan arang dan palet. Semua ini adalah satu peluang yang mesti diteroka oleh rakyat Malaysia dalam industri ini. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan saya gembira kerana pihak belah sana tidak lagi mentertawakan industri buluh ini yang cuba dipolitikkan. *[Tepuk]* Ada yang bertanyakan spesies yang mana yang boleh digunakan untuk menjadi ekzos paip kereta terbang. *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat Parit Sulong tidak ada dalam Dewan.

Jadi saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri unjuran dari segi perbelanjaan ataupun modal yang akan kita gunakan dan hasilnya kepada negara dalam jangka masa yang terdekat dan juga dalam masa sederhana supaya ianya dapat memberikan gambaran betapa pentingnya industri ini supaya dia dapat menggalakkan terutamanya anak-anak muda kita yang bakal disediakan dengan mungkin dengan modal permulaan perniagaan yang sepatutnya disediakan supaya minat anak-anak muda dalam industri yang mempunyai masa depan yang baik ini dapat diseegerakan, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Terima kasih sahabat saya daripada Lumut. Isu ditertawakan itu barangkali merujuk kepada cara menjawab bila dikaitkan buluh dengan sawit. Adapun saya menegaskan bahawa sawit satu isu yang perlu kita perkasakan dan buluh satu isu yang mesti kita perkasakan. *[Tepuk]*

Itu perbezaan pendekatan antara saya dengan Yang Berhormat Seputeh. *[Dewan riuh]* Boleh rujuk ini, terpulang kepada *public* untuk menentukan, berbincang dan boleh lihat apa yang dibincangkan di peringkat *public* dan juga media. Tidak perlu bising di sini. Namun untuk industri buluh saya melihat prospeknya begitu ada tetapi kalau kita lihat tahun 2017, nilai eksport buluh ialah RM20 juta malangnya tahun 2018 menurun kepada RM9 juta dan lebih menurun lagi pada tahun 2019. *[Tepuk]*

Maka saya melihat ini kegagalan pada waktu yang lalu. Maka bagi saya industri ini perlu dipacu dengan cara yang begitu bijak dan berhati-hati dan prospeknya sangat besar. Oleh sebab itulah yang pertama sekali ialah yang saya kempen besar-besaran ialah untuk menanam buluh kerana telah disediakan suatu pembiayaan mudah yang boleh memberi untung jangka masa panjang kerana hari ini bekalan buluh hanya bergantung kepada bekalan hutan yang diambil oleh orang kampung atau orang asal sahaja tiada bekalan yang konsisten. Kita perlukan ladang kerana ladang ini boleh memberikan *income* yang baik yang saya telah sebut dalam peringkat media menghasilkan *income* sehingga RM64,000 setahun. Terima kasih.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Parit. Parit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tan Sri, Baling ini penting.

■1120

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Yang Berhormat Baling bagi belakang dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling bangun lambat. Okey silakan.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit ya.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya, apakah status projek kerjasama di antara kementerian Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak membangunkan industri buluh secara kluster dengan menubuhkan tapak semaian buluh di Ulu Kinta seluas 1.7 hektar. Sejauh manakah perancangan insentif pinjaman mudah yang disediakan untuk pengusaha, khususnya membangunkan ladang buluh memberi kesan kepada kadar eksport buluh negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit. Yang pertama sekali untuk pembangunan tapak semaian dan juga makmal tisu kultur buluh di Lahat Perak telah ditandatangani antara MTIB dengan *Forest Plantation Development* Sdn. Bhd. pada 3 Julai 2020. Dalam masa yang sama, kita kembangkan lagi perbincangan dengan Kerajaan Negeri Kedah menerusi syarikat KBioCorp Sdn. Bhd. iaitu syarikat pembuat tisu kultur di bawah Kulim Teknologi Park Corporation Sdn. Bhd. di Kedah.

Kita juga bergerak lebih jauh lagi, kita bincang Kerajaan Negeri Terengganu untuk membina satu model ladang buluh di tanah keluasan sekitar 15 hektar. Ini antara

yang kita usahakan dan menerusi projek perladangan buluh tadi yang masih lagi berbaki RM80 juta yang kita serahkan, beri kepada rakyat.

Cuma isunya ialah kesedaran untuk memohon kerana melibatkan status tanah. Setakat ini belum ada lagi syarikat yang diberi kelulusan untuk pembiayaan ini kerana melibatkan status tanah. Saya mengharapkan ramai yang tampil untuk memohon peruntukan ini dan lagi penting ialah kita telah menukar daripada *conventional method* kepada sistem pembiayaan patuh syariah. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh bagi satu soalan lagi Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan Hang Tuah Jaya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baling ini banyak buluh, banyak getah, banyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira sebab Yang Berhormat Menteri telah mengambil keputusan untuk meneruskan dasar dan hala tuju penanaman buluh yang ditetapkan oleh kerajaan pimpinan Pakatan Harapan. Lalu Yang Berhormat Menteri kata idea ini kurang cerdik tetapi sekarang saya percaya Menteri sudah cerdiklah sekarang ini. [Ketawa] Saya hendak khusus kepada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh 2021-2025.

Jadi saya ingin bertanyakan apakah kerangka asas pelan ini dan apakah program-program yang dianggap sebagai *game changer*, dengan izin yang mungkin telah diberikan maklum balas dalam dialog ataupun perbincangan pemegang taruh dalam industri ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Saya mengambil inisiatif untuk menyambung kerana melihat kegagalan yang lalu dalam meneruskan dan menyemarakkan industri ini sedangkan peluang yang sangat besar yang boleh kita mengambil peluang kegagalan menguruskan berkempen. Maka apa saya sebut ialah berkempen besar-besaran, pertama sekali berkempen pada sudut penanaman. Ini kerana selagi mana buluh diambil secara biasa sahaja menerusi ladang hutan, daripada orang asal dan orang kampung maka tidak ada bekalan yang konsisten dapat kita bekalkan kepada industri ini. Pelabur tidak boleh masuk untuk melabur di peringkat hiliran.

Maka yang pertama saya punya *concern* ialah untuk memastikan perladangan itu berlaku secara komersial dan bajet yang disediakan, pembiayaan yang disediakan. Ini kempen pertama saya. Adapun untuk kita pergi lebih jauh lagi ialah kita jangan melihat buluh hanya kepada buluh semata-mata tetapi daripada apa yang boleh kita hasilkan, papan lapis dan sebagainya, arang dan sebagainya daripada produk hiliran daripada buluh. Ini yang mesti kita buat. Maka kelemahan yang lalu, saya akan baiki dan kita akan sempurnakan untuk kebaikan rakyat kerana ia boleh memberi pendapatan yang baik untuk rakyat *Malaysia insya-Allah*. Terima kasih kepada saudara.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan seterusnya saya menjemput Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli.

7. **Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah program yang disediakan oleh Agensi Nuklear Malaysia dalam usaha meningkatkan kemahiran teknikal berteraskan sains dan teknologi nuklear kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Ahli Yang Berhormat Dungun atas soalan berkenaan dengan nuklear. Nuklear Malaysia menawarkan khidmat teknologi nuklear dalam pelbagai sektor ekonomi, dalam usaha meningkatkan kemahiran teknikal berteraskan sains dan teknologi nuklear kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan juga dalam proses pemulihan ekonomi. Nuklear Malaysia menawarkan tiga program utama iaitu satu konsultasi dan kerjasama R&D dan juga *commercialization* dan inovasi. Kedua, khidmat kepakaran teknikal dan ketiga ialah latihan.

Bidang kepakaran Nuklear Malaysia merangkumi pelbagai sektor terutamanya dalam sektor industri pertanian dan perubatan. Sebagai contoh dalam bidang pertanian, mungkin kita tidak kaitkan dengan teknologi nuklear tetapi Nuklear Malaysia telah

memperkenalkan dua *variety* padi yang baru dikenali dengan nama NMR151 dan NMR152 yang mempunyai tahap *tolerant* yang tinggi terhadap penyakit serta keadaan cuaca yang tidak menentu, di samping mampu mengeluarkan hasil yang tinggi. Kalau biasanya 4 tan satu hektar tetapi padi nuklear ini dapat menghasilkan 9 tan satu hektar.

Kita sedang bincang dengan pihak Kementerian Pertanian untuk padi ini diklasifikasikan sebagai padi sah. Nuklear Malaysia bersedia berkongsi kepakaran yang dimiliki dalam penghasilan benih baru tanaman dan kaedah pengurusan pertanian yang cekap ataupun *precision agriculture* dengan golongan petani dan peladang. Untuk sektor perubatan pula, Nuklear Malaysia mempunyai kepakaran menghasilkan *Radioisotope Samarium-153* untuk tujuan penjagaan *palliative* bagi pesakit kanser tulang dan Iodine-131 untuk rawatan kanser tiroid sebagai contoh untuk diaplikasikan dalam sektor perubatan.

Bagi sektor industri pula, loji Altron dan sinar gama di Nuklear Malaysia telah menyediakan perkhidmatan penyinaran bagi peralatan perubatan, produk farmasi makanan. Jadi contohnya *catheter medical glove* dapat kita buat *radiation* supaya menepati standard eksport dan juga herba dan rempah buah-buahan kosmetik, silikon wafer dan kabel taut silang. Gama *greenhouse* pula menyediakan khidmat penyinaran tumbuhan dan bahan kultur tisu untuk tujuan pembiakbakaan pertumbuhan yang boleh dimanfaatkan oleh sektor pertanian juga.

Selain perkhidmatan kepada industri, Nuklear Malaysia juga menawarkan program latihan untuk aplikasi sains dan teknologi nuklear dalam pelbagai bidang. Bidang-bidang di antaranya termasuk bidang perubatan, industri, pembuatan, pengurusan alam sekitar. Sebagai contoh, setiap pekerja sinaran perlu dilatih di Nuklear Malaysia. Kita juga latih *radiation protection officer* di mana-mana industri yang ada kesan *radiation*. Kita melaksanakan penilaian tanpa musnah, terutamanya dalam sektor kimpalan dan sehingga kini sebanyak 50,988 peserta telah dilatih oleh Nuklear Malaysia.

Nuklear Malaysia juga merupakan penyedia latihan dalam bidang sains dan teknologi nuklear yang berdaftar di bawah HRDF sejak tahun 1996.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan pertama Yang Berhormat Dungun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Kita melihat dalam satu penerbitan tahunan sebuah penerbitan telah menyebutkan iaitu bagi tahun 2018, KII menyenaraikan kedudukan Malaysia dalam tangga ke-35 dari senarai negara berpendapatan sederhana yang menunjukkan kemajuan dari segi inovasi. Soalnya, adakah kemampuan yang perlu dalam kita menyediakan sumber manusia dalam memajukan bidang ini.

Berdasarkan sains *outlook* 2017, nisbah pelajar yang mendaftar di dalam aliran sains Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sekolah kerajaan menunjukkan bahawa peraturan pelajar dalam bidang STEM berbanding sastera ialah 46.54 peratus. Data ini pula merangkumi pelajar dalam aliran pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Jika pelajar TVET ini diasingkan, maka nisbah pelajar aliran sains berbanding sastera sebenarnya masih rendah. Ini menunjukkan betapa usaha untuk meningkatkan minat kesedaran dan pembabitian masyarakat dalam sains dan teknologi perlu ditingkatkan. Soalnya adakah ada usaha-usaha ke arah melibatkan sumber manusia dan keupayaan dalam bidang ini. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Soalan tambahan ini keluar sedikit daripada tajuk nuklear dan lebih kepada satu soalan umum berkenaan dengan modal insan dan juga pembangunan pendidikan dalam bidang STEM.

■1130

Saya jawab berkenaan dengan sains nuklear, sebagai contoh, memberi gambaran bahawa bidang seperti nuklear ini sebenarnya dapat menarik minat daripada rakyat tempatan.

Berdasarkan kepada rekod modal insan dalam sistem KRSTE.my sejak Jun 2020, jumlah modal insan dalam bidang sains nuklear adalah sebenarnya ramai iaitu 432 orang. Definisi modal insan STI yang diguna pakai berdasarkan kepada *Canberra Manual* iaitu seorang yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat *tertiary* dalam

bidang STI atau seseorang yang bekerja dalam bidang STI walaupun tidak memiliki sebarang kelayakan dalam bidang tersebut.

Nuklear Malaysia juga bekerjasama dengan universiti tempatan. UKM ada *Bachelor of Science* dalam *nuclear science*. UTM, *Bachelor Nuclear Engineering*. Universiti Malaya ada peringkat sarjana dan PhD.

Jadi untuk rumuskan perkara tersebut dan menjawab soalan, ya memang betul kita ada sedikit cabaran untuk menggalakkan anak-anak muda kita yang masih lagi agak ke belakang dalam terlibat dalam bidang STEM secara umumnya, tetapi minat dan juga daripada segi kursus-kursusnya sudah ada di universiti-universiti tempatan awam. Saya harap ia akan membudayakan lagi sains dan teknologi supaya lebih ramai minat dalam bidang STEM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri. Saya jemput sekiranya ada soalan tambahan kedua. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok. *[Ketawa]*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, daripada jawapan tadi, disebut Nuklear Malaysia antara lain tiga fungsinya adalah khidmat perunding bagi R&D. Kemudian, saya semak balik, dalam *National Key Result Area*, R&D, sebenarnya Nuklear Malaysia ini tidak ada pun dalam kedudukan 10 yang pertama.

Kemudian, daripada segi *IP filing*, juga tidak termasuk dalam 10 yang pertama. Dalam bidang pengkomersialan juga tidak ada langsung. Jadi, saya tengok macam *out of synch* antara jawapan tadi dengan polisi kerajaan yang ada. Mohon sedikit pencerahan. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang betul daripada segi pengkomersialan teknologi nuklear ini agak tidak banyak waktu ini. Jadi apabila saya telah melawat Agensi Nuklear Malaysia baru-baru ini, saya telah melihat kepada teknologi yang ada di situ. Memang banyak IP, memang ada banyak penyelidikan tetapi masalah di Agensi Nuklear, seperti mana juga masalah di institut penyelidikan yang lain, adalah untuk kita *commercialize* teknologi dan juga penyelidikan yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Malaysia, di peringkat *experimental development* iaitu di peringkat sebelum *commercialization*, perbelanjaan kita adalah hanya 15 peratus daripada *gross expenditure on R&D*. Maksudnya, kebanyakan daripada perbelanjaan kita dalam penyelidikan dan pembangunan adalah di peringkat *fundamental* dan *applied research*. Manakala di negara-negara maju ataupun negara-negara yang sama taraf dengan kita, mereka telah memberi banyak lagi tumpuan perbelanjaan kepada *experimental development* iaitu hampir 50 peratus. Itu sebelum *commercialization*.

Jadi, cabaran yang saya ada sebagai Menteri Sains dan Teknologi adalah bagaimana untuk meyakinkan kita supaya perbelanjaan kita, sama ada daripada sektor awam ataupun sektor swasta, disalurkan lebih kepada peringkat *experimental development* iaitu untuk membawa penyelidikan, membawa IP itu ke tahap *commercialization*. Jadi, itu gambaran umum.

Gambaran di peringkat nuklear pula, saya akui bahawa mungkin ada sedikit kelembapan untuk kita *develop* teknologi nuklear ini, mungkin sinonim dengan tenaga nuklear dan sebagainya, tetapi sebenarnya banyak aplikasinya. Saya akan melihat bagaimana untuk meningkatkan lagi pengkomersialan daripada teknologi nuklear. Terima kasih.

8. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan status semasa Persidangan APEC 2020 sama ada Persidangan Kemuncak APEC 2020 masih mengikut jadual dan apakah matlamat-matlamat APEC 2020 yang telah dikenal pasti.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Terima kasih Yang Berhormat Penampang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan Yang Berhormat Sibn dan juga Yang Berhormat Bangi memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan berhubung status Persidangan APEC 2020, ketidaktentuan akibat penularan COVID-19 telah memberikan impak yang besar kepada perancangan Malaysia sebagai penganjur mesyuarat-mesyuarat APEC sepanjang tahun 2020.

Walau bagaimanapun, Malaysia terus tekad melaksanakan tanggungjawab dan amanah sebagai Pengerusi APEC bagi tahun ini. Dalam hal ini, Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi meneruskan program-program kerja APEC dengan mengguna pakai format persidangan secara maya atau digital di peringkat kumpulan kerja dan pegawai-pegawai kanan APEC.

Malaysia telah berjaya menerajui rundingan di kalangan anggota ekonomi APEC serta memuktamadkan kenyataan Menteri-menteri Perdagangan APEC mengenai COVID-19 secara maya sepenuhnya. Kenyataan ini telah dikeluarkan pada 5 Mei 2020 yang membuktikan keupayaan Malaysia dalam menjayakan keberhasilan APEC secara maya.

Malaysia dengan sokongan padu anggota ekonomi APEC sedang giat meneruskan pelaksanaan agenda APEC 2020 yang berlandaskan konsep kemakmuran bersama atau *shared prosperity*, selari dengan tema, dengan izin, *Optimizing Human Potential Towards A Future of Shared Prosperity* yang telah dipersetujui oleh anggota ekonomi APEC. Tema ini bermatlamat untuk mewujudkan kerjasama yang seimbang dan adil di kalangan ekonomi APEC ke arah pembangunan yang lebih inklusif.

Pencapaian paling utama bagi penganjuran APEC 2020 adalah penghasilan visi pasca 2020 APEC yang dipimpin oleh Malaysia selaku Pengerusi APEC dan akan dilancarkan oleh para pemimpin APEC pada hujung tahun 2020. Visi baharu APEC ini sedang dirangka bagi menggantikan Matlamat Bogor yang akan berakhir pada tahun ini. Visi baharu ini akan menjadi panduan jangka panjang kepada anggota ekonomi APEC dan akan menjadi satu sumber rujukan utama dalam melaksanakan inisiatif ekonomi di rantau Asia Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan tentang status perbincangan visi baharu ini yang akan menggantikan Matlamat Bogor.

Malaysia sedang giat menganjurkan sesi perbincangan, libat urus dan mesyuarat bersama anggota ekonomi APEC, ahli akademik dan wakil industri secara berterusan bagi merangka visi pasca 2020 APEC. Pada bulan Disember 2019 dan Februari 2020, dua mesyuarat khusus secara fizikal bersama pegawai-pegawai kanan APEC telah dianjurkan dan satu sesi dialog bersama pemegang taruh berkenaan visi pasca 2020 APEC.

Bagi memastikan visi baharu ini dapat dimuktamadkan dan dilancarkan pada hujung tahun ini, MITI meneruskan beberapa siri perbincangan dan mesyuarat berkaitan penyediaan dokumen penting ini di peringkat pegawai-pegawai kanan secara maya di sepanjang tempoh PKP.

Malaysia juga sedang menimbang kaedah penganjuran yang terbaik dan berkesan bagi Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC pada penghujung tahun ini bersesuaian dengan situasi pasca pandemik COVID-19. Visi pasca 2020 APEC akan dilancarkan semasa sidang kemuncak ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Penampang. Soalan tambahan pertama.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri. Berkenaan dengan pengganti *Bogor Goals*, adakah jenama nama sudah ditentukan? Sebab, ada banyak cadangan waktu kerajaan yang lepas iaitu, satunya, nama *goal* ataupun visi baharu ini dinamakan sebagai *Kinabalu Goals*. Saya harap Menteri dapat pertimbangkan.

Soalan saya, Yang Berhormat Menteri, adalah ini. Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa sidang kemuncak ini akan masih diadakan pada November. Adakah kerajaan membuat keputusan seperti mana New Zealand telah membuat keputusan untuk mengadakan *virtual summit* sebagai pengganti, dengan izin, *the usual APEC Summit* yang diadakan? Terima kasih.

■1140

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Berhubung Visi Pasca 2020 APEC, nama yang akan dikemukakan mestilah tertakluk kepada *consensus* anggota ekonomi APEC kerana dokumen ini bukanlah satu dokumen yang dihasilkan oleh Malaysia sahaja tetapi perlu mendapat *consensus* dan persetujuan daripada negara-negara anggota APEC.

Keduanya, saya mengambil perhatian tentang *concern* ataupun keprihatinan Yang Berhormat tentang apakah kaedah yang berkesan untuk penganjuran APEC pada tahun ini. Saya telah menyatakan bahawa kerajaan sedang menimbangkan beberapa pilihan. Pertama, kita buat *virtual* sepenuhnya tetapi sudah tentulah ada juga cabaran yang perlu dihadapi kerana kita ada lapan *time zone* di antara anggota ekonomi APEC. Kita telah berjaya di peringkat pegawai dan saya percaya perkara ini boleh dipertimbangkan.

Kedua, opsyen yang sedang kita dipertimbangkan ialah menggunakan hibrid. Mungkin sebahagiannya boleh hadir bagi negara-negara yang telah diisytiharkan zon hijau dan negara-negara yang belum lagi mungkin mereka terpaksa membuat secara *virtual* ataupun yang ketiga, kita mungkin menimbangkan untuk mengambil slot pada tahun 2023, yang belum ada penganjur pada tahun yang berkenaan. Jadi perkara-perkara ini sedang dalam pertimbangan kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Penampang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua. Masa masih ada lagi, saya menjemput Yang Berhormat Serian untuk... [*Dewan riuh*] Kita beri peruntukan satu jam, 30 minit. Pukul 11.48 baru cukup satu jam, 30 minit. Sila Yang Berhormat Serian.

9. Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah usaha-usaha bagi membantu para pekebun kecil persendirian komoditi lada, sawit dan getah kerana harga komoditi-komoditi tersebut terlalu rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, kalau sudah merasakan cukup, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan akan ditamatkan sekarang.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.42 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

MENGOSONGKAN JAWATAN TUAN YANG DI-PERTUA

11.44 pg.

Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

“Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil ketetapan untuk Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof mengosongkan jawatannya atas alasan terdapat pencalonan lain bagi jawatan Tuan Yang di-Pertua.”

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya usul oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas. Saya menjemput, saya beri tempoh masa 10 minit.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ketua Pembangkang dulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya berikan dua dari sebelah sini dan dua dari sebelah sini...

11.45 pg.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, ini soal yang penting bagi Ahli Parlimen. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua jangan mengambil keputusan yang terlalu pantas dan gopoh untuk menghalang Ahli-ahli Parlimen daripada berbahas. [*Dewan riuh*] Ini soal besar, bukan soal teknikal. Dengar dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mendengar dan menjawab dan sebelum Ahli-ahli Parlimen memutuskan dengan mengundi.

Jadi tidak ada sebab mengapa kita hendak menghadkan kepada dua orang dan menghadkan masa yang terbatas kerana ini isu ini isu besar bagi negara. Pertama kali berlaku dalam sejarah.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Ada sesiapa di sebelah sini ingin berbahas?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak minta...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: On kan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Tuan Yang di-Pertua, jawab dahulu sebelum saya berbahas. Saya tanya, jawab dahulu sebelum saya berbahas. Apakah boleh dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Buat sahaja ruling.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: ...Bagi sedikit kelonggaran Ahli Parlimen berbahas. Ahli Parlimen di sebelah Perikatan Nasional menjawab atau berbahas, kemudian mengundi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Itu pernyataan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya terima untuk – saya buka masa untuk berbahas sekarang ini sebab itu saya menjemput Yang Berhormat untuk berbahas...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Buat sahaja *ruling* dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Ruling, ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Lima minit, 10 minit, setengah jam...

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, dari segi masa dan jumlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi peluang tadi 10 minit untuk perbahasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak cukup. Ini isu yang besar. Tidak pernah berlaku...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Apa salah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Apa salah Tuan Yang di-Pertua yang hendak dia ditukar? Apa alasannya? [*Dewan riuh*] Takkan sekadar kerana ada calon yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya membenarkan Ketua Pembangkang tempoh masa 10 minit, *you see your point*.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Berapa orang pembahas Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua tidak menjawab. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh berbahas.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: ...Bagi ruang Parlimen, beri ruang kepada Ahli Parlimen berbahas. Saya hendak tanya, apakah keputusan membolehkan Ahli-ahli Parlimen berbahas dalam isu yang penting belum pernah berlaku dalam sejarah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Keputusan daripada Speaker, Speaker buat keputusan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: ...Bagilah ruang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Ruling* daripada Speaker bukan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Sudahlah jahat, khianat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah beri peluang untuk berbahas. Sekarang ini bagi peluang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Tidak boleh macam ini Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Keputusan saya muktamad.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri ruang untuk berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *I give you 10 minutes.* Sila, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua. Ketua Pembangkang perlu diberikan peluang dahulu...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Contoh, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ikut peraturan... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Beri peluang kepada Ketua Pembangkang.

Seorang Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri dua orang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Baik, terima kasih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada, dengar. Kita tengok prestasi Speaker yang ada dan prestasi Timbalan Tuan Yang di-Pertua yang ada. [*Dewan riuh*] Menjawab pun tidak boleh. Kita tanya soalan, selepas Perdana Menteri minta keputusan, dia bagi orang lain berbahas. Baik, saya akan teruskan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Dahulu siapa lantik Speaker itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri sepuluh minit.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Baik Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Aturan Mesyuarat nombor tiga, nombor empat khususnya nombor empat (1) dan juga kepada usul yang telah pun dibentangkan oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang dicadangkan dan dibentangkan seperti berikut, "*Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil ketetapan untuk Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof mengosongkan jawatannya atas alasan terdapat pencalonan lain bagi jawatan Tuan Yang di-Pertua.*"

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada usul yang telah pun dibentangkan. Alasan yang diberikan yang membolehkan usul ini dicadangkan adalah terdapat pencalonan calon yang lain.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada Peraturan Mesyuarat 3 dan 4. Di mana dengan cukup jelas dinyatakan, izinkan saya untuk baca, '3. *Bila-bila jawatan Tuan Yang di-Pertua itu kosong, baik dengan sebab dibubarkan Parlimen atau dengan lain-lain sebab, maka Majlis, sebaik-baik cukup bilang ahlinya, hendaklah memilih Tuan Yang di-Pertua*'. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pencalonan itu tidak boleh dikemukakan melainkan ada kekosongan.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jadi, dalam keadaan tersebut kita sebagai pembangkang di sini hendak tahu, di manakah kekosongan itu?

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jikalau tidak ada kekosongan, maka pencalonan tidak boleh dibuat. Kalau ada kekosongan Tuan Yang di-Pertua, notis perlu diberikan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan kekosongan supaya kita juga boleh cadangan supaya calon kita diangkat. Jadi, ini adalah *procedure* yang sangat *basic*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Di manakah kekosongan itu? Jikalau tidak ada kekosongan, maka usul yang dibawa itu tidak boleh dibentangkan. Saya minta untuk satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, cukup terang dan jelas Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Nanti kita minta akan dijawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Kita buat *ruling*.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Speaker* lah jawab? *Speaker* yang patut beri *ruling*, bukan Menteri. Bukan Ahli Parlimen sebelah sana.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Penjelasan, penjelasan?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri kebenaran untuk Yang Berhormat Kota Bharu untuk menjawab, sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Speaker* telah buat *ruling*...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...*Speaker* lah jawab.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dia menggunakan *Standing Order*, saya minta dia yang menjawab. [Dewan riuh]

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Duduklah Yang Berhormat Khalid bin Abd. Samad.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ini macam mana ini? *Who's running the House?* Siapa yang mempengerusikan Dewan ini?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya yang mempengerusikan Dewan ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Adakah kerajaan? Eksekutif?

[Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: [Perkataan kurang jelas].

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya ingin menjelaskan kepada Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kaulah bodoh, pengkhianat, bodoh, pengkhianat, bodoh.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Eh! Apa ini?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Bahawa pada 26 Jun, pada 26 Jun 2020...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Siapa yang mempengerusikan Dewan ini?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memasukkan satu usul...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Speaker* yang kena jawab...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, sila duduk. Saya mempengerusikan— oleh sebab dia menunjukkan *Standing Order*, saya minta supaya Yang Berhormat Kota Bharu untuk menjawab. Silakan.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tidak boleh.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Bodoh!

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Usul ini telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, diterima oleh...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: *Speaker* bodoh!

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...diterima oleh Tuan Yang di-Pertua. Usul ini telah diterima oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua jawab dengan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sebagai satu usul yang mengikut peraturan. Jadi, tidak ada sebab mana-mana pihak mempersoalkan usul ini kerana telah diterima oleh Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua sendiri jawab, bukan dia.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulau]: Biarkan dia jawab, jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua kena buat *ruling*.

[Dewan riuh]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Perlembagaan dan juga *Point of Order*, *Standing Order* dibuat berdasarkan Perlembagaan. Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi di dalam negara ini. Oleh itu, usul ini adalah teratur, *the motion is in order*, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Sekarang ini adalah— Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah *floor* Ketua Pembangkang, saya bagi dia masa untuk teruskan. Ada beberapa peringkat...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua belum buat *ruling* lagi. Apa keputusan Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Undi teruslah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ada dinyatakan, jawatan Tuan Yang di-Pertua kosong. Ada soalan berdasarkan peraturan Tuan Yang di-Pertua belum jawab, jawab itu dahulu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Baru saya bahas. Ini ada *Point of Order*. Berdasarkan 3, kita boleh bincang setelah jawatan Tuan Yang di-Pertua kosong.

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ini hendak campak di mana ini, hendak campak di mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya mohon jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat nanti menjawab semasa penggulungan nanti.

[Dewan riuh]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.
[Sambil buku Peraturan Mesyuarat]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Baik. Tuan Yang di-Pertua minta jawab semasa penggulungan. Ini peraturan Parlimen apa ini? Ada *specific question*, buat *ruling sekarang*. Bukan semasa penggulungan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Ketua Pembangkang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Peraturan Mesyuarat 43, Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]* Tuan Yang di-Pertua yang perlu membuat keputusan, bukan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput daripada sebelah sini untuk memulakan perbahasan.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Bodoh! Bodoh!

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua kena buat *ruling* dahulu.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta— saya sudah beri masa selama 10 minit, saya minta sebelah sini pula, selama 10 minit. Silakan.

[Dewan riuh]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *Speaker* perlu menjawab dahulu *Standing Order* oleh Yang Berhormat Puchong.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tolong ikut peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta Tuan Yang di-Pertua jawab dahulu *Point of Order* oleh Yang Berhormat Puchong.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan rendahkan martabat Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua berat sebelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Ruling* saya untuk teruskan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta Tuan Yang di-Pertua hormati *Point of Order* dan *Standing Order*, peraturan mesyuarat Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Oleh sebab telah ada cadangan dan telah diterima usul...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kena buat *ruling* atau *Standing Order* dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Krau. Peraturan Mesyuarat 3.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, jawab kepada soalan Yang Berhormat Puchong dahulu.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah beri selama 10 minit untuk Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Masa telah hampir habis, saya hendak berikan kepada sebelah sini pula.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, kita kena menghormati peraturan mesyuarat. [*Dewan riuh*] Jikalau *Point of Order* tidak dijawab, peraturan mesyuarat tidak dihormati.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Seorang Ahli: Ini bukan perbahasan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua.

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan. Saya bagi satu minit.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, Okey. Sebelum saya mula, saya cuma hendak *put on record*. Ada soalan kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua tentang kekosongan, Peraturan Mesyuarat 3 yang Tuan Yang di-Pertua tidak jawab dan minta saya teruskan. Saya hendak rekod, ini ialah kali pertama dalam sejarah Parlimen, ada persoalan tidak dijawab oleh Tuan Yang di-Pertua. Sama ada dia takut hendak jawab atau dia tidak layak untuk jawab.

Seorang Ahli: Memalukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Port Dickson, saya sebut tadi— Yang Berhormat Port Dickson saya sebut tadi ada lain-lain sebab, ada usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disokong oleh...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hanya tinggal satu minit dan masa pun telah berjalan, saya hendak berikan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Baik, baik terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Baru 10 minit, belum *start* lagi masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa saya yang *time*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sekarang *you* hebat, sekarang *you* gagah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya teruskan, seperti saya sebutkan tadi, dalam sejarah Parlimen di Malaysia, ini adalah kali pertama seorang Tuan Yang di-Pertua yang bertugas dengan cemerlang disingkirkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa usul, tidak memberi apa-apa penjelasan. Apa sebabnya? Apakah kerana tidak ada kelayakan? Adakah salah guna kuasa? Ataupun pelanggaran hukum? Tidak ada. Jadi, oleh yang demikian, saya hendak jelaskan dalam sejarah kita. Kalau berlaku dahulu sama ada setelah pembubaran Parlimen ataupun dalam kes Tan Sri Nik Ahmad Kamil pada tahun 1977 ataupun Tun Syed Nasir pada tahun 1982 apabila Tuan Yang di-Pertua meninggal dunia semasa sidang Parlimen.

■1200

Maka Perdana Menteri pada keesokannya, Tun Hussein Onn pada ketika itu, pada mulanya telah mohon menangguhkan sidang selama dua minggu. Begitu juga pada bulan Mac, apabila Tun Syed Nasir meninggal kemudian ditangguhkan ke atas usul Perdana Menteri, Tun Mahathir pada ketika itu, tetapi ada pilihan raya, maka digantikan dengan yang baharu. Kali ini, tidak ada perkara yang berlaku.

Oleh yang demikian, kita hendak beritahu atau beri pendapat saya. Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Ariff telah menjalankan tugas dengan cemerlang. Dalam sejarah Parlimen, dia bentuk *select committees* yang belum pernah dilakukan sebelumnya, *caucus Parliament* mengenai *governance* dan memberikan ruang membawa perubahan yang sedang diteruskan.

Jadi, bila ada usul dari Perdana Menteri, kemudian tidak memberikan penjelasan dan minta kita putus begitu sahaja, jangan kira soal parti lah. Kalau bagi penjelasan yang kuat, kita boleh pertimbangkan. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen

sebelah yang pernah *served* dalam *select committees* dan yang pernah *served* dan berjumpa Tan Sri Yang di-Pertua, tahu dalam beberapa kes, dia mengambil keputusan yang sangat profesional. Saya bagi beberapa pandangan yang dia tidak bersetuju berdasarkan tafsiran beliau tentang Perlembagaan dan peraturan mesyuarat.

Jadi, untuk itu saya mohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan melakukan kesilapan ini. Ini kerana bagi pendapat kami, yang mencemarkan kemuliaan Dewan yang mulia ini. Kalau ada seorang Yang di-Pertua yang berjalan dengan penuh kewibawaan, punyai *impressive credentials* dan *track record* yang baik, kita hendak gunakan kuasa sewenang-wenang kerana kita anggap kita punyai majoriti, maka menyingkirkan sidang ini atas alasan ada calon baharu. Saya hendak beritahu, setelah tiga bulan, katalah Speaker yang baharu datang, kemudian atas alasan calon baharu, tukar lagi. Alasan itu sangat tidak munasabah. Alasan ada calon baharu itu yang dipilih oleh Perdana Menteri sangat tidak munasabah.

Jadi, saya hendak tekankan, kita boleh pertimbangkan, jika Perdana Menteri mengemukakan alasan yang kukuh mengapa seorang Yang di-Pertua yang menjalankan tugas dengan baik dan cemerlang mahu digugurkan dan ini digugurkan, mahu digugurkan tanpa sebarang alasan. Saudara, apa *conscience* kita sebagai Ahli Parlimen? Termasuk Timbalan Yang di-Pertua yang biasa bekerja dengan Yang di-Pertua? Apa *conscience* kita? Di mana salah dia mahu diaibkan begitu rupa? Di mana kesalahan dia yang menyebabkan dianggap salah untuk meneruskan tugas ini.

Jadi, saya harap rakan-rakan Ahli Parlimen dalam hal ini kerana dia tidak akan menjejaskan kedudukan dan kekuatan Kerajaan Perikatan Nasional. Akan tetapi, saya harap betul-betul, terkeluar daripada pertimbangan peribadi atau parti, saya tidak fikir munasabah untuk Ahli Parlimen menggunakan kuasa mereka memecat seorang Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang begini cemerlang. Saya minta semua termasuk Yang Berhormat Menteri Agama *prick your conscience* di mana boleh kita terima selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kita pecat orang tidak ada sebab dan lantikan ini saudara, dulu pun dalam pengalaman kita ada beberapa keputusan yang kita tidak setuju keras dengan keputusan-keputusan Tuan Yang di-Pertua sebelum ini. Akan tetapi dalam kes Tan Sri Ariff, selama menjalankan tugas – selain daripada menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua di Dewan, menjalankan tugas dengan tekun, percaya bahawa Parlimen harus diangkat martabatnya, percaya bahawa staf diberikan kemudahan yang baik dan dapat pengiktirafan yang baik oleh kerajaan, percaya bahawa jawatankuasa-jawatankuasa yang banyak dikemukakan. Pernah bila saya ketemu dia tekankan kepada saya "*Perlu*". Dia kata Yang Berhormat supaya kita pastikan penyertaan dari parti-parti yang lain termasuk pembangkang.

Ini suara Yang di-Pertua. Ya, ya. Saya cakap benar. Bila kita jumpakan nama jawatankuasa, dia cadangkan supaya penyertaan ahli-ahli mewakili semua parti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan boleh?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Dia hendak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Port Dickson benarkan. Yang Berhormat Pasir Salak, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ringkas sahaja. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Port Dickson, sahabat saya lama. Apa Yang Berhormat hendak ini sebenarnya? *What is your real intention? We have changed the government, give a chance lah. We have changed the government, we-* kita ikutkan kehendak kerajaan dahulu. Sekarang kerajaan ini, ikutlah kehendak kerajaan kita pula.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu *as simple as that*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Baik, sambung Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *As simple as that*.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua ialah jelas, saya hendak tanya mengapa seorang Yang di-Pertua yang ada kewibawaan dan rekod yang cemerlang mahu disingkir tanpa sebarang alasan? Mengapa anggota Ahli Parlimen ini pak turut sehingga tidak boleh fikir ada usul penting, tidak payah bagi apa-apa alasan?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya hendak tanya mantan Perdana Menteri pun ada di sini. Apakah mungkin seorang Perdana Menteri usulkan hal yang penting tidak payah bagi alasan dan gugurkan dia? Itu kerana pertimbangan politik semata-mata. Jadi, saya harap ada waktu, beri penjelasan dulu kemudian kita bahas.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kita minta supaya Perdana Menteri bangun berikan alasan mengapa mesti digugurkan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh bagi alasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Port Dickson, saya hendak, saya hendak masuk.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh bagi alasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak, boleh saya – Yang Berhormat Port Dickson? Yang Berhormat Port Dickson, berikan. Okey. Maaf, Port Dickson.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Beri peluang sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh tanya.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Saya mengamati ucapan Yang Berhormat Port Dickson, alasan yang diberi oleh Perdana Menteri memang tidak ada alasan melainkan adanya calon yang lain. Kita hendak minta berikan satu kesalahan yang dilakukan oleh Tan Sri Speaker. Satu kesalahan yang menyebabkan usul ini merupakan satu usul yang perlu disokong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Yang Berhormat Shah Alam ni balik kepada perangai yang lama ya. Balik kepada perangai lama ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Yang perlu disokong oleh kami sebagai Ahli Parlimen.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam ini balik kepada perangai lama ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, balik perangai buruk lama itu.

[Dewan riuh]

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Tidak jelas]* ...Gantung Yang Berhormat Shah Alam.

[Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Beri alasan yang tidak boleh diterima...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bukan kerja Perdana Menteri. Ini sekadar Timbalan Yang di-Pertua dah cukup.

[Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Kami tak tukar selagi tidak lakukan apa-apa kesalahan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam lagi biadab, panggil orang celaka...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Port Dickson rumuskan. Saya bagi peluang seminit untuk...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hello, kilang Carlsberg, duduklah kilang Carlsberg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh, boleh saya tanya Yang Berhormat Port Dickson?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Port Dickson.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Port Dickson, satu minit Yang Berhormat Port Dickson. *Just* rumuskan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Port Dickson, minta.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh saya tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit saya bagi kepada Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya telah tegaskan...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, boleh bagi jalan?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Port Dickson, ada soalan sedikit.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Usul ini...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Port Dickson.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Mohon penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Pertama kali berlaku dalam sejarah. Keduanya, kita berikan satu penghinaan kepada seorang Yang di-Pertua yang telah menjalankan tugas yang baik dan dihormati bukan sahaja oleh Ahli Parlimen tetapi oleh rakyat, seorang tokoh yang disegani dan kita mahu singkirkan tanpa sebarang alasan. Saya tidak kira alasan yang lain.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Port Dickson, soalan. Penjelasan sedikit Yang Berhormat Port Dickson.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan? Yang Berhormat Port Dickson boleh bagi jalan? Boleh?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Alasan itu mesti dikemukakan oleh orang yang mencadangkan usul itu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang Berhormat, yang mencadangkan usul itu adalah Perdana Menteri.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Perdana Menteri mesti ada kesediaan, kesungguhan dan keberanian untuk menjelaskan alasan sebelum kita bahas.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ketua Pembangkang.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Port Dickson, soalan sedikit Yang Berhormat Port Dickson.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Puteh untuk mengemukakan, 10 minit perbincangan.

12.09 tgh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan dan terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang telah saya kira sentiasa membangkang. Apa yang berlaku di hadapan kita perlu kita profesional. Ya.

■1210

Jangan kita balik perangai sebagai mana perangai yang lepas. Kita kena ingat bahawa kerajaan bertukar. Kemudian, calon yang dikemukakan ini— kita kena ingat, lebih baik daripada calon yang sedia ada. *[Dewan riuh]* Mengapa kita mengangap...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]* Yang Berhormat Pasir Puteh boleh mencelah? Yang Berhormat Pasir Puteh, boleh mencelah?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Mengapa kita perlu pertikaikan? Itu pandangan daripada pembangkang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Pasir Puteh minta penjelasan?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pembangkang berpandangan bahawa ini adalah lebih baik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pasir Puteh bagi mencelahlah?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya akan bagi laluan. Saya ada 10 minit. Sekejap, saya akan bagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya akan bagi.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]* Yang Berhormat Pasir Puteh, pencelahan Pasir Puteh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Baik, dalam teknikal kita Demokrasi Berparlimen. Kita hendak menguruskan perjalanan Parlimen ini dengan baik.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Betul.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sejarah Parlimen kita diketuai oleh Yang di-Pertua Dewan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Betul.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Semua mereka ini baik— baik. Saya tidak nafikan— baik. Akan tetapi, jangan sekali-kali kita menafikan calon yang mendatang ini seolah-olah tidak baik. Ini satu penghinaan kepada orang selepas daripada ini.

[Dewan riuh]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kalau hendak tukar, tukar Timbalan Tuan Yang di-Pertua dulu. Timbalan Tuan Yang di-Pertua harus ditukar.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Boleh mencelah Yang Berhormat Pasir Puteh?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi Yang Berhormat Baling.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Tanjong Malim.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Kalau kita melihat...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya tidak diganggu. Ini adalah *floor* Yang Berhormat Pasir Puteh! Sila Yang Berhormat Pasir Puteh!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Minta mencelah, bukan ganggu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pasir Puteh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya bagi Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Selepas itu Baling, ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, selepas itu saya ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila Yang Berhormat Tanjong Karang, dapat laluan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Pasir Puteh, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dua perkara ini berbeza? Satu Perlembagaan negara, satu peraturan mesyuarat. Apa yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ialah di bawah Perlembagaan. Perlembagaan kata tadi bawah Perkara 57— dalam Perkara 57, kalau kita lihat— Perkara 57(2)(c) “*Jika pada bila-bila masa Dewan Rakyat membuat ketetapan sedemikian*”.

Maksudnya ialah kalau Dewan Rakyat mahu buat ketetapan tanpa memberi sebab— dalam Perlembagaan ini— bermakna dalam Perlembagaan ini mengatakan Dewan Rakyat boleh tukar Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak ada sebut pun kata memberi sebab.

Jadi, kerana itulah usul ini kita hendak kosongkan dulu tanpa memberi sebab, seperti dalam Perlembagaan ini. Berbeza dengan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini isu keadilan. Bagilah keadilan kepada Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Bagilah penjelasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat sikit sahaja.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Yang Berhormat setuju? Apa yang dibuat oleh Perdana Menteri itu mengikut Perlembagaan yang telah ditetapkan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pasir Puteh, perkara yang sama...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya sangat bersetuju... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, bagi Yang Berhormat Pasir Puteh. Ini *floor* Yang Berhormat Pasir Puteh.

Beberapa ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hendak tambah sedikit, tambah sedikit.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sekejap saya akan bagi. Memang saya bersetuju sebagai mana yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang dan saya telah ada di dalam ucapan saya...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta laluan, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...tetapi telah didahulukan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa ini adalah satu teknikal yang biasa dan bukan isu kita hendak menghina sesiapa. Kita hendak— tidak. Ini adalah perjalanan biasa di dalam Parlimen di dalam negara kita ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Pasir Puteh minta laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya bagi kepada Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, saya hendak bercakap ini Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan praktikal. Tadi, Yang Berhormat Tanjong Karang cakap berkaitan dengan teori.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Port Dickson tadi— tidak ada sebarang masalah. Apa yang telah berlaku yang Perlembagaan tadi itu, dalam buku. Apa yang saya hendak beritahu ini, apakah bezanya bilamana seorang wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat yang tidak pernah bersalah apa-apa pun di Port Dickson,

meletakkan jawatan dan memberi peluang kepada Yang Berhormat Port Dickson sekarang. Apa bezanya? Hari ini kita buat— Yang itu menghabiskan duit rakyat, pembayar cukai— yang ini tidak ada. Ini antara kita sahaja. Apa bezanya?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Baling, Tuan Yang di-Pertua letak jawatan kah tidak? Tuan Yang di-Pertua letak jawatan kah tidak?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua tidak letak jawatan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Itu sama reda. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, minta Yang Berhormat Pasir Puteh teruskan. Hanya ada empat minit lebih sahaja.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Baling.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Pasir Puteh, minta laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Oleh sebab itu, daripada awal saya mengatakan bahawa, bila kita menjadi Ahli Yang Berhormat, yang telah dipilih oleh rakyat, biar kita profesional. Dalam semua keadaan, biar kita profesional.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Jadi, sebab itu dalam isu pertukaran Tuan Yang di-Pertua Dewan ini, adalah satu benda yang biasa. Kalau kita profesional, saya kira pembangkang mereka tidak akan membangkang secara membabi buta. Ia tidak membangkang.

Ini adalah pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh saf kepimpinan pemerintah negara. Tentunya, ada kebaikan-kebaikan yang akan kita kecapai selepas daripada ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta laluan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tidak berhasrat untuk mengaibkan seseorang. Ini kerana, kita kena ingat bahawa sebelum daripada ini, kalau kita hendak komen, kalau kita hendak kritik individu, kita boleh kritik.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Pasir Puteh, sudah tunggu lama Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Akan tetapi, kami pihak kerajaan, kita lebih berwibawa...

Beberapa ahli: [Ketawa]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Kita lebih berintegriti. Kita tidak suka mencerca...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Janganlah buat lawak.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Kita tidak suka mencerca seseorang dan kita mengharapkan *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, apabila dia dikosongkan, akan datang seorang Tuan Yang di-Pertua yang lain, yang tentunya ada kelebihan masing-masing dan kelebihan ini, *insya-Allah* akan digunakan di dalam 'Dewan Negara' kita.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Dewan Negara? Dewan Rakyatlah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Bagi kita perlu ingat bahawa kita ada integriti masing-masing.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Kalau kita hendak cakap benda yang dahsyat sebagaimana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, isu langkah Kajang...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Langkah Kajang...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Berikan ruang kalau...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh, ada hendak celahan. Terpulang Yang Berhormat Pasir Puteh hendak bagi kah tidak bagi?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tak nak bagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sini, sini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagi saya.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Kalau saya bagi pun, tidak ada manfaat. Kalau saya bagi pun tidak ada guna.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, bagi saya, Sepang.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Biar kita ada integriti perkara tersebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagi Sepang boleh? Apa, *gentleman* lah sikit. Bagi Sepang boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Baik, saya tidak bagi sebelah ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apalah penakut.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tidak bagi, sila duduk.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Apa jadi hendak jadi profesional tadi?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat ada giliran masing-masing. Yang Berhormat ada giliran masing-masing.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Allah, Yang Berhormat Shah Alam pun lompat juga. Tidak payah meraunglah Yang Berhormat Shah Alam.

[Dewan riuh]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Pasir Puteh, minta laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh, apa yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar Dewan kita ini lebih mantap dan kita boleh bersidang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan menjerit macam orang baru lepas minum sahaja.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...dalam keadaan yang terbaik. Saya mohon daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah pembangkang supaya terimalah benda ini dengan profesional, dengan baik dan jangan kita mengungkit perkara-perkara yang dipertikai...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bukan kita pertikaikan. Cuma nyatakan prosedur. Tidak ada orang letak jawatan, itu sebabnya kita pertikaikan. Tuan Yang di-Pertua tidak letak jawatan. Jawatan itu belum kosong.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Kuala Krai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia letak jawatan fasal apa? Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Berhormat Kajang letak jawatan fasal apa? Itu duit rakyat.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat– Yang Berhormat Pasir Puteh sila rumuskan, ada seminit sahaja lagi. Yang Berhormat Pasir Puteh, sila rumuskan. Seminit sahaja.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Port Dickson, Pilihan raya kecil kerana letak jawatan– kerana langkah Port Dickson.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Berani tidak? Yang Berhormat Pasir Puteh tidak profesional.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya rumuskan perbincangan saya pada hari ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan layan Carlsberg itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pasir Puteh tidak berani bagi laluan, tidak profesionallah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya merakamkan jutaan terima kasih dan sokongan penuh saya kepada usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Alasannya apa? Hendak sokong, apa alasannya?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Keduanya, saya hendak– kepada Ketua Pembangkang berkenaan dengan...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Berkenaan alasan, apa alasannya?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Apa alasannya? Hendak sokong fasal apa sebab?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Bila kerajaan bertukar, maka kena akur sebagai Yang Berhormat akur...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak profesional langsung! Tidak ada alasan! Hendak minta sokong! Tidak ada alasan!

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Pasir Puteh masa telah tamat. Saya janji tadi dua orang Yang Berhormat sebelah sini dan dua orang Yang Berhormat daripada sebelah sini. Jadi saya mohon minta seorang Yang Berhormat lagi daripada pihak sini yang hendak berbahas. Sila Yang Berhormat Langkawi, 10 minit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Alasannya Yang Berhormat Langkawi letak jawatan. Ah, ini jawab.

■1220

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Alasan dia memang Yang Berhormat Langkawi letak...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling. Sila duduk Yang Berhormat Baling. Sila Yang Berhormat Langkawi teruskan.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang usul ini. Jika ini adalah usul, saya belum pasti sama ada ini usul ataupun tidak kerana ia diadakan dalam keadaan yang tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan kita ataupun Aturan Mesyuarat kita. Saya baca, saya tak nampak ada ditulis di situ bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh tukar Yang di-Pertua tanpa sebab fasal ada calon lain.

[Dewan riuh]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Fasal saya sudah lupa.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini seperti kata saudara daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Port Dickson.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Yang Berhormat Port Dickson tadi iaitu ini perkara besar— untuk kita bahas dua orang sahaja daripada parti lawan. Ini seolah-olah menutup mulut parti lawan. Ada yang bercakap berkenaan dengan Parlimen. Parlimen komposisinya ialah parti kerajaan dan parti lawan. Untuk kerajaan sahaja membuat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Macam Tun buat dululah.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tak mungkin.

[Dewan riuh]

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa-apa pun terima kasihlah Tun letak jawatan.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Ini adalah usul daripada kerajaan dan kita mesti ikut usul. Dalam Parlimen tak ditentukan bahawa semua yang datang daripada kerajaan itu akan dipersetujui oleh Parlimen. Memang pun menjadi hak parti lawan untuk menyoal sebabnya sesuatu usul itu dibawa. Kita sudah tanya akan sebabnya yang kita hendak gugurkan, hendak buang Yang di-Pertua. Apa salahnya? Oh salahnya ialah kerana ada orang lain berminat hendak jadi Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Langkawi...

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Itu alasan yang diberi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Langkawi, bagi pencelahan Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi, saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Langkawi minta penjelasan sedikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terpulang kepada Yang Berhormat Langkawi hendak bagi atau tak nak bagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hendak cakap benda yang berasas, Yang Berhormat Langkawi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Langkawi, bila Yang Berhormat Langkawi menjadi Perdana Menteri kenapa perlu tukar Ketua Hakim Negara, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Ketua Polis Negara— kenapa? Jadi sepatutnya tak payah, kita teruskan sahaja kalau mereka didapati tidak ada apa-apa kesalahan. Ini pun sama juga. Dia tidak bersalah tetapi kita pilih untuk tukar. Jadi kita undilah Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, kita bukan bincang berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Langkawi. Sama ada kita bincang berkenaan dengan Yang Berhormat Baling pun bukan soalnya. Soalnya ialah usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan usul ini begitu *loose* sekali, tidak ada ikut peraturan sama sekali.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Beri laluan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi cucu, bagi cucu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Bakal Perdana Menteri menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Semporna, sila.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan kerana saya lihat perbincangan dan perbincangan yang dibangkitkan kita lupa asas negara ini. Negara ini merupakan berdiri atas tiga *pillars* yang ada. Pertama; Raja kita, Yang di-Pertuan Agong. Kedua; Parlimen. Ketiga; Eksekutif

yang ada. *These are the fundamental foundation of this country. There is separation of power. Executive cannot intervene in Parliament.*

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: Salah...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *Parliament is the supreme...*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat Semporna, salahlah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tun, ada perbezaan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Salahlah Yang Berhormat Semporna, aduh.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kuasa Menteri pun hilang. Akan tetapi Parlimen Yang di-Pertua, ada kedaulatan dia. Dalam Perlembagaan...

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]: Calon Perdana Menteri layak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Wang mana? Wang, wang. Duit curi mana?

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Sila Yang Berhormat Langkawi teruskan. Ada lima minit setengah lagi. Sila.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, kita pada hari ini membincangkan sesuatu yang bukan normal. Mungkin sekarang ini kita tidak patuh kepada yang normal. Ada normal yang baharu. Ini normal yang baharu yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ialah untuk dia tukar Yang di-Pertua dalam Dewan dan tidak ada peruntukan di sini untuk tukar. Kalau mati, ya. Kalau sakit tidak boleh kerja, ya. Akan tetapi ini kerana ada calon yang lain. Saya pun ada calon yang lain untuk Perdana Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Undilah. Kita masuk undilah. Tidak ada masalah. Kita kan sistem demokrasi, kita undi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: *[Ketawa]* Menjeritlah. Awak boleh menjerit tetapi ini tidak menukarkan kenyataan. Kenyataan ialah usul ini tidak harus dikemukakan dalam Dewan ini. Kita tidak ada sebab apa pun untuk menukar. Kalau Yang di-Pertua sudah meninggal, ya. Akan tetapi belum ada sebab dan apabila kita bahas, oleh sebab mereka tidak dapat pendekkan lagi mungkin kepada dua saat ataupun tiga saat ucapan, maka mereka menjerit. Ini cara merekalah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sana mula dulu Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudahlah Yang Berhormat Langkawi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam itu menjerit-jerit macam *Carlsberg*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertua mestilah neutral. Tidak memihak kepada mana-mana pihak. Kalau dia hendak dipilih oleh kerajaan supaya memihak kepada kerajaan, itu bukan Yang di-Pertua namanya. Itu adalah orang kerajaan dan kalau hendak berpihak kepada...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Kerajaan semasa, adalah lebih baik perlu kita anggap Perdana Menteri adalah Yang di-Pertua. Dia boleh memihak kepada diri dia. Saya dapati bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Muar hendak mencelah. Yang Berhormat Muar hendak mencelah di belakang.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Langkawi, beri Muar mencelah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang Berhormat Muar pergi lompat pagarlah.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Cucu, cucu. Cucu hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Sila Yang Berhormat Muar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tanya atuk kenapa letak jawatan. Bagi cucu mencelah.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Langkawi tadi menekankan pentingnya untuk Yang di-Pertua bertindak secara neutral...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudahlah Yang Berhormat Muar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pentingnya hapuskan rasuah.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Perkataan yang diguna pakai adalah neutral. Kalau kita lihat...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Muar, sudahlah

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Ariff semasa kemelut pemilihan Perdana Menteri walaupun mendapat surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa tersebut untuk memanggil sidang Parlimen khusus...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Muar salah nasihat pada Yang Berhormat Langkawi, itu fasal dia letak jawatan *time* itu. Sudahlah Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tan Sri Ariff tidak tunduk kepada eksekutif. Tan Sri Ariff menolak cadangan Perdana Menteri pada masa tersebut, menunjukkan beliau tidak tunduk kepada mana-mana eksekutif tidak kira...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Itu masalah Pakatan Harapan.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: ...Yang Berhormat Langkawi ataupun eksekutif yang baharu. Persoalannya, *precedent* telah pun ditunjukkan oleh Tan Sri Ariff di mana dia tidak takut dan tidak tunduk kepada mana-mana Perdana Menteri. Adakah sebab utama...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Muar, sudahlah. Mengarutlah Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: ...Kita ingin menukar Tan Sri Ariff kerana kita ingin memilih Yang di-Pertua yang tunduk kepada eksekutif. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Pegawai Tan Sri Ariff anak-anak pemimpin...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Langkawi, ada satu minit 15 saat lagi. Sila. Minta *switch on mic*.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Apa yang kerajaan hendak tukar ialah kerana dia tidak mengikut telunjuk kerajaan. Akan tetapi ini bukan tugas Yang di-Pertua untuk ikut apa yang dikehendaki oleh kerajaan. Saya dapati bahawa berkali-kali ditukar agenda mesyuarat kita. Pertama, pada mulanya ada termasuk satu usul daripada saya berkenaan dengan usul tidak percaya kepada Perdana Menteri. Akan tetapi itu digugurkan atas paksaan. *[Dewan riuh]*

Kenapa hendak takut? Kenapa hendak takut? Kamu ada lebih bilangan dalam Dewan ini. Patut dengar sebab-sebab kenapa kita tidak ada kepercayaan kepada kerajaan sekarang ini.

■1230

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mahu habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Ini kerana kita dapati bahawa kerajaan ini tidak demokratik sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, terima kasih Yang Berhormat masa sudah habis, terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tidak boleh ada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasihlah Yang Berhormat Langkawi...

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Sesiapa yang menentang kerajaan.

Seorang Ahli: Letak jawatan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah itu, sudah banyak kali dah.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Kalau ada, mereka akan disingkir dan ini adalah dari...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak mahulah dengar cerita dongeng ini lagi. *[Ketawa]*

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Sekali lagi kita dapati bahawa usaha dibuat untuk...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cerita dongeng sahaja hari ini, sudahlah itu. Dulu kata kita cerita dongeng...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Sekarang Tun pula cakap cerita dongeng, malulah sikit.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tidak usahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Yang Berhormat Langkawi masa telah tamat.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Ya, kalau nak menjerit, tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Akan tetapi bila menjerit di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Akan tetapi saya nak kata bahawa kerajaan ini tidak *tolerant* sama sekali terhadap sesiapa yang tidak menyokong. Bahkan calon-calon ditanya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kita belajar daripada kerajaan dahulu.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Pilih ataupun tidak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Enough is enough* lah, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itulah Tun, kenapa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua kita dengar Tun punya, tidak habis-habis daripada dahulu sampai sekarang.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Calon yang baharu ini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau nak berhenti, berhenti lah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kenapa Tun letak jawatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kenapa Tun letak jawatan, hari ini kan sudah menyesal. Kenapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik. Yang Berhormat Langkawi masa telah tamat. Baik. Terima kasih Yang Berhormat Langkawi, terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau berdiri kau.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Bukan sahaja kepada kerajaan tetapi saya lihat apabila kita ada pembukaan Parlimen, kita tidak di benar membuat apa-apa ucapan, sedangkan Parlimen adalah gedung bercakap. Kalau...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Macam Speaker dululah punya perangai.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Tak boleh bercakap, apa maknanya Parlimen.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua dahulu bagi dua minit sahaja Yang Berhormat Langkawi, dua minit sahaja selepas itu dia tutup *mic*. Ini sudah dapat dekat 15 minit sudah.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Ya, tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput pembahas terakhir yang keempat daripada pihak- sila Yang Berhormat Arau, 10 minit.

12.32 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Selalunya bila kita buat keputusan tengah marah, kita akan buat keputusan yang silap. Jadi semua biar bertenang supaya kita buat keputusan yang lebih baik. Saya tidak mahu berucap benda yang sama. Kita mengulangi-mengulangi benda yang sama...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta bertenang dan minta laluan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Akan tetapi kena sebut sedikit kepada kerajaan yang begitu adil dan saksama, Tun.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia bagi usul Tun nombor 27 iaitu Usul Tidak Percaya kepada Yang Amat Berhormat Pagoh. Ada sini, tetapi saya punya yang menyokong Yang Amat Berhormat Pagoh, nombor 30. Sepatutnya saya nombor 27, Tun nombor 30. Makna kata dia bagi keadilan yang sehebatnya kepada pihak sana. Jadi tahniah. Ya, sila.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah aturan peraturan untuk Parlimen iaitu *government matters will be heard first*, selepas itu baharu parti lawan, dan parti lawan kali ini saya yang mula bagi satu usul dan usul saya itu didahulukan kerana saya yang hantar usul itu lebih awal daripada yang lain, yang cuba nak menyokong kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju. Usul kerajaan dan juga penyokong kerajaan, selalunya berada di atas. Akan tetapi usul Tun diawalkan, nombor 27, saya nombor 30. Demikianlah adilnya kerajaan ini.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Itu menunjukkan Tuan Yang di-Pertua baik, Speaker telus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ada lagi Tun?

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, orang yang menyokong kerajaan bukan kerajaan. Usul kerajaan bermakna ia datang daripada kerajaan, bukan daripada pihak lain. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi... Bertenang, bertenang. Itu sebab...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Patutlah Yang Berhormat Mersing kata UMNO tidak laku. Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Setuju, setuju, UMNO tidak laku. Tahniah, tahniah Yang Berhormat Mersing.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei, tipu sijil pun hendak cakapkah?

Seorang Ahli: Tidak laku di Sabah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, tahniah. Saya cukup setuju Yang Berhormat Mersing kata UMNO tidak laku.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nak lebih baik sijil tidak lakulah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu sebab disebut penyokong kerajaan, sudah pasti penyokong kerajaan akan dapat awal, itu biasa. Saya pernah berkhidmat dengan Yang Berhormat Tun begitu lama, itu yang dibuat. Dulu saya Pengerusi *Backbenchers*, tahun 86, tahun 90, Tun menjadi Perdana Menteri, saya ikut peraturan itu. Kami *Backbenchers* dibagi peluang awal daripada pembangkang. Masa itu DAP tujuh kerusi sahaja, kami makan dengan goreng pisang ya, okey.

Okey, mari tajuk ini balik, pemilihan Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali kita kena ingat, usul ini diterima oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tidak terima, kita sudah tidak bincang, dia terima. Makna kata dia bagus. Saya puji kepada Tuan Yang di-Pertua kerana terima usul ini dan kita berbahas dan kita tahu Tun bahawa Tun, bila kita tukar kerajaan macam-macam kita buat. Kita pilih Pesuruhjaya SPRM bukan daripada pegawai kerajaan, kita ambil orang luar, *lawyer* ya, 'Latoya' masuk jadi Pesuruhjaya SPRM.

Dato' Seri Panglima Abdul Azeed bin Abdul Rahim [Baling]: Apa 'Latoya'? 'Latoya'. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita ambil AG bukan daripada *career service*, kita ambil daripada *lawyer* biasa untuk jadi Peguam. Tun minta penjelasan? Okey, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila Yang Berhormat Langkawi beri penjelasan, telah diberi laluan oleh Yang Berhormat Arau.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Usul itu diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, bukan yang ada atas kerusi sekarang ini, yang nak kena buang. Saya fikir mungkin kerana dia terima usul saya itu, maka dia akan dibuang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Arau.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti sekejap, bagi saya jawab satu-satu ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya nak supaya- bertenang sekejap. Saya akan bagi yang ini dulu ya, sekejap. Kita jawab dengan cara elok.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak perlulah jawab itu, ini bukan berdebat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semua ini berlaku kerana Tun, kerana Yang Berhormat Langkawi. Ini kerana Yang Berhormat Langkawi berhentilah yang menyebabkan berlaku pertukaran Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tun, kami puak-puak Barisan Nasional dan juga PAS serta JPS, kami diminta untuk menyokong Tun sebagai Perdana Menteri, tetapi malangnya Tun berhenti.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi Tun lari, *U-turn*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bila Tun berhenti menyebabkan kami terpaksa pilih calon yang lain untuk jadi Perdana Menteri.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sepatutnya Tun jangan berhenti, Tun cadanglah Yang Berhormat Port Dickson kah dan sebagainya tetapi Tun berhenti.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bila Tun berhenti apa pilihan yang ada. Kami terpaksa memilih dan mencadangkan Yang Amat Berhormat Pagoh untuk menjadi Perdana Menteri. Apabila berlaku pertukaran sudah pasti...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terpaksa ya, terpaksa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Berlaku pertukaran, pertukaran yang lain termasuklah apa yang kita akan buat sekejap lagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau, betullah itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya. Perlahan, perlahan. Bertenang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kinabatangan mencelah, ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Arau, yang sebetulnya apa Yang Berhormat Arau cakap memang betullah. Semua punca ini bermula daripada Yang Berhormat Langkawi. Yang di-Pertuan Agong sudah baca, sudah nasihat, Yang Berhormat Langkawi jangan berhenti, dia berhenti juga. Dia berhenti, mesti cari pengganti.

Seorang Ahli: Siapa suruh berhenti?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kami tidak paksa Tun berhenti, kami mahu Tun lagi, tetapi sudah berhenti, terimalah. [*Ketawa*] Sekejap Tun, saya belum habis tanya lagi. Yang Berhormat Arau duduk dulu. Kemudian, sekarang sudah menyesal. Kerajaan baharu ditubuhkan maka Perdana Menteri hendakkan pasukan dia yang baharu. Bukan soal apa salah, kita bekerja...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat Mersing.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Ini soal dulu Tun lantik juga SPRM daripada *outsider*, Latheefa Koya lah, Tommy Thomas, *rock and roll* lah, macam-macam, tidak juga kita pertikaikan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita tidak marah pun.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita tidak marah pun. Kita bukan marah dengan Tuan Yang di-Pertua yang ada tetapi Perdana Menteri hendakkan Tuan Yang di-Pertua yang sehaluan dengan hala tuju dia, hala tuju kerajaan untuk kepentingan rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi...

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Pertanyaan daripada Yang Berhormat Kinabatangan itu boleh dimasukkan dalam ucapan saya. Ada lagi Tun?

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: / *explain* fasal apa saya berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada tiga minit setengah lagi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Ya. Fasal saya pilih-pilih...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak payah *explain* lah Yang Berhormat Langkawi, tidak payah *explain* lah.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Saya pilih-pilih juga dengan siapa yang saya hendak kerjasama. Apabila saya diberi pilihan untuk bekerjasama dengan UMNO dan UMNO pada masa itu bukanlah UMNO yang ditubuh dahulu. UMNO itu sudah di *hijack* oleh orang-orang tertentu dan saya tidak boleh kerjasama dengan UMNO sebab itu saya tidak boleh terima.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: UMNO satu sahaja, dulu Tun yang ajar kami macam mana hendak jalankan UMNO. Kami ikut Tun punya ajaran.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Mersing pun kata UMNO tidak laku. [*Dewan riu*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dengan ini...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dengan ini saya isytiharkan tidak dibenarkan gangguan lagi...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ... Sebab saya tinggal dua minit ya. Okey, yang pertama sekali...

■1240

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cukuplah, cukup. Sekejap lagi kita berbahas. Kita ada masa cukup panjang kita berbahas. Pertama sekali...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Setiausaha Dewan pun tukar ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini ialah...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Setiausaha Dewan pun tukar ya, bukan Speaker sahaja. Setiausaha Dewan pun tukar. Maka, Riduan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau boleh, Yang Berhormat Shah Alam pun kita mahu tukar akan datang.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Apa punya kerajaan ini? Kerajaan yang nak menguasai Dewan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tutup *mike* dia.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kebebasan Dewan dinafikan. Hendakkan Speaker...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam pun kita akan tukar pada pilihan raya akan datang.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Yang ikut arahan. Apa ini? Setiausaha Dewan pun bertukar. [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya hendak minta Yang Berhormat Arau teruskan. Hanya tinggal dua minit sahaja lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta perangai Yang Berhormat Shah Alam ini dibuat sesuatu. Dia belum dapat kebenaran, dia bercakap macam orang mabuk sahaja. [*Ketawa*] Yang Berhormat, apa ini?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Dia profesional. Dewan yang bebas...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kamu mabuk di luar boleh, bukan dalam Dewan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Memberikan kenyataan mengikut peraturan dan undang-undang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi saya habis cakap. Tengok! Hei! Kamu...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak ada kesalahan yang dilakukan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak siumankah?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak ada kesalahan, tukar sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini, saya tidak beri kebenaran, kamu bercakap. Apakah ini satu peraturan?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tengok itu, tengok itu, nampak?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam ganti Yang Berhormat Jelutong sekarang, era ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tetapi yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua, pemilihan Speaker, kita ikut peraturan. Kita bagi notis. Padahal masa PH pilih Speaker dulu yang PH sedang pertahankan sekarang, tak ikut notis. Yang Berhormat pakai umum sahaja, tak cukup 14 hari, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Dah kosong. Jawatan ini tak kosong lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang itu, kurang daripada 14 hari. Akan tetapi, kerajaan sekarang kerajaan yang tenang, tertib berjaya atasi masalah pandemik COVID-19 yang mana semasa PH dibiarkan macam itu sahaja. Kita kata "*Jangan pelancong masuk*", dibagi masuk dan mereka telah memulakan masalah...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ini, Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan menghina Dewan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau, sekejap Yang Berhormat Arau. Baling.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Boleh tak kita bayangkan, Yang Berhormat Arau, kalau Menteri Pertahanan dulu *handle* isu COVID-19 ini, Menteri Kesihatan *handle* isu COVID-19 ini? Ya Allah, peninglah.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Saya minta Yang Berhormat Arau tarik balik penyataan itu. Tarik balik kerana zaman Pakatan Harapan, ancaman COVID dikawal...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kerajaan telah berjaya menangani masalah COVID dan...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ancaman COVID dikawal! Tak ada kes sehingga menjadi pandemik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita juga ucap tahniah tanda penghargaan kerana telah menyelesaikan masalah rakyat.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Itu hakikat yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan sendiri!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dapat RM30! Mabuk! RM30! Akan tetapi, lihat apa yang kerajaan bagi...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan lagi. Saya minta Yang Berhormat Arau rumuskan, Yang Berhormat Arau. Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita rumuskan bahawa yang kita buat ini terbaik. Sepatutnya kita nak tukar, tukar tiga orang. Akan tetapi, ini kita tak tukar. Itulah kehebatan kerajaan sekarang ini untuk memilih yang terbaik... *[Dewan riuh]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sebab 'pak turut', sebab 'pak turut'.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang seorang lagi lompat.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Dia dah jadi barua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Timbalan Speaker...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Dia dah lompat, dia dah jadi barua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Patut tukar Timbalan Speaker ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini sebab yang ada ini yang terbaik. Yang akan dipilih juga yang terbaik. Jadi, semua diminta bertenang. Kita berlaku adil kepada rakyat supaya rakyat tengok kita memilihnya dengan cara tertib dan bersopan-santun. *Insyah-Allah*, kami akan menang dengan begitu besar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk penggulungan. Sila menggulung. Yang Berhormat Kota Bharu, sila.

12.43 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya bagi pihak kerajaan mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Memang usul ini satu usul yang dibenarkan perbahasan dan ketentuan berapa orang nak berbahas, itu adalah kuasa budi bicara kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Langkawi dan akhirnya Yang Berhormat Arau dan beberapa ahli yang mencelah. Antaranya Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Muar dan Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan, saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa— Yang Berhormat Langkawi dan juga Yang Berhormat Port Dickson mengatakan bahawa perkara ini adalah perkara yang pertama kali di dalam sejarah Parlimen Malaysia. Memang itu benar. Akan tetapi, perkara yang pertama kali bukanlah perkara yang *illegal*. Perkara yang pertama kali boleh dilaksanakan berdasarkan kepada Perlembagaan dan juga undang-undang serta peraturan yang ditetapkan di dalam Parlimen.

Sebagai contohnya, dalam negara kita tak pernah berlaku Perdana Menteri Interim. Akan tetapi, bila ia dah berlaku kali pertama, ia kita terimalah. [*Tepuk*] Begitulah juga masalah yang ada di hadapan kita, bukan memecat Speaker. Masalah di hadapan kita adalah satu usul mengosongkan kerusi Speaker untuk digantikan dengan Speaker yang lain. Itu perkara yang perlu dibuat...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kota Bharu, boleh mencelah? Boleh minta penjelasan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan? Apa bezanya?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa usul ini, pertamanya, berdasarkan kepada Perlembagaan. Yang Berhormat rakan bijaksana saya, *my learned friend* dari Puchong, jangan melihat kepada *Standing Orders* sahaja. *Standing Order* dibuat berdasarkan Perlembagaan Perkara 92. Dalam Perlembagaan mengatakan bahawa...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekejap. Perkara 57(2) mengatakan bahawa, Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa dipilih berdasarkan kepada tiga perkara. Pertama, apabila Dewan Rakyat bermesyuarat buat kali pertama selepas Pilihan Raya Umum. Tahun 2018, 16 Julai 2018 bila Yang Berhormat Langkawi menjadi Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi menukar Speaker yang ada sebelum ini kerana ia kerajaan yang baharu, mengikut cita rasa kerajaan Yang Berhormat Langkawi. [*Dewan riuh*]

Kedua, keadaan yang kedua, Speaker boleh ditukar ialah apabila dia berhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat melainkan oleh sebab pembubarannya. Itu yang kedua.

Ada yang ketiga. Ketiga yang disebut, jika pada bila-bila masa Dewan Rakyat membuat ketetapan sedemikian. *When the House resolve*. Ini yang ketiga. Inilah keadaannya. Kita membawa isu pengosongan dan pemilihan Speaker baharu ke dalam

Dewan, bukan dipecat sewenang-wenang. Ia mengikut *Standing Orders* yang dibuat berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Sila, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya cukup setuju dengan apa yang disebut dalam Artikel 57. Akan tetapi, saya ini memberi fokus kepada apa yang disebut dalam usul. Dalam usul yang dibawa seperti mana dihuraikan dalam kertas di hadapan kita, cukup jelas dinyatakan bahawa sebab, alasan kita ini hendak minta kekosongan kerana ada calon yang baharu. Calon.

Kalau kita lihat kepada *Standing Orders*, pencalonan itu hanya boleh dibuat sekiranya ada kekosongan. [*Dewan riuh*] Faham tak? Apabila itu berlaku, dua perkara sampingan perlu berlaku. Satu, notis perlu diberikan berkenaan dengan kekosongan itu. Kemudian, Ahli-ahli Parlimen lain juga ada hak untuk cadangkan nama untuk isikan kekosongan itu. Jadi, Artikel 57 itu adalah artikel yang memberikan kuasa, tetapi prosedur dia termaktub di dalam *Standing Orders*, Aturan Mesyuarat. Itu yang kita bawa.

Jadi kita fikir, kalau kita lihat kepada usul yang dibawa, cukup jelas usul itu tak berasas. Usul itu bersandarkan kepada bahawasanya ada kekosongan kerana ada calon yang lain. Walhal, calon itu tidak boleh dicalonkan kerana tidak ada kekosongan lagi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Puchong.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh Tanjong Karang?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih. Saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Puchong bahawa ia dibuat berdasarkan Perkara 57(2)(c) iaitu apabila diputuskan oleh Dewan. Akan tetapi, saya tidak bersetuju apabila Yang Berhormat Puchong mengatakan bahawa selepas dia kosong, baru boleh bagi notis 14 hari. Itu *ridiculous*, tidak betul. Ini kerana berdasarkan *Standing Orders* 4(1)— saya mohon baca— "*Tiap-tiap ahli yang hendak mencadangkan nama seorang Ahli Dewan itu atau seorang yang layak dipilih menjadi Ahli Dewan itu yang hendak dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, hendaklah memastikan terlebih dahulu iaitu ahli itu suka berkhidmat jika ia dipilih, dan juga hendaklah memberitahu kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat*". Bukan sebelum pengosongan.

Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri— saya hendak jelaskan, ini fakta ya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak kerajaan telah memberikan satu notis nama baharu untuk calon Speaker pada 29 Jun iaitu melebihi atau mencukupi 14 hari daripada 13 Julai. Sedangkan, pihak pembangkang tidak menamakan mana-mana calon, tetapi... [*Dewan riuh*] Akan tetapi, Yang Berhormat, oleh sebab— Yang Berhormat dengar saya ya. Oleh sebab pihak pembangkang menentang usul ini, maka adalah dianggap calon yang dikemukakan oleh pembangkang adalah Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof untuk Speaker dan juga Tuan Nga Kor Ming sebagai calon Timbalan Speaker.

■1250

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sudah ada.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *You cannot have two bites of a cherry.* Tidak boleh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Tidak jelas*]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dua cadangan. Itu tidak boleh. Ini adalah menurut Perlembagaan dan juga *Standing Order*.

Kedua, Yang Berhormat Puchong. Saya nak tanya Yang Berhormatlah. [*Disampuk*] Usul ini telah diterima oleh Tuan Yang di-Pertua. Bukan Timbalan Yang di-Pertua. Diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu usul yang *in order*. *The papers are in order*. Menurut peraturan dan ia diterima dan dimasukkan di dalam usul yang hendak dibahaskan. Tidak ada kecacatan kepada usul ini. Tidak ada sama sekali berdasarkan Perlembagaan dan juga *Standing Order*. Itu jelas.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Ya, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Apa lagi yang nak dipersoalkan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri bersandarkan kepada hujah itu, itu menunjukkan bahawa sebenarnya Yang Berhormat Menteri ini tidak ada hujah yang bermerit. Ini kerana kalau kita lihat

kepada apa yang disebutkan di dalam *Standing Orders*, ia cukup jelas. [*Dewan riuh*]
Come on.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini masalahnya, masih sama lagi perangai.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *I got, I got your point. I got your point brother...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Dak, dak. Sat, sat.* Saya belum habis lagi. Bagi saya dulu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya, saya— Alasan ini. Kita hendak bagi alasan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya dulu. Ya. *Dak, dak.* Saya dulu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ini saya hendak bagi alasan. Alasan kerajaan adalah apabila kerajaan bertukar...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sudah, sudah baca yang Yang Berhormat jawab tadi. Sila duduk.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ia sudah tentulah memerlukan kepada pertukaran...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mana itu usul?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Jawatan-jawatan utama termasuklah *Speaker*. Apabila Perikatan Nasional mengambil-alih kerajaan, secara *legal*, secara *legal*...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya. Secara luar biasalah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Diakui oleh Yang di-Pertuan Agong...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan pintu belakang.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Pada bulan Mac tahun 2020. Pada persidangan 18 Mei 2020, kita membenarkan *Speaker* untuk mempengerusikan persidangan kita. Kita tidak ada tukar atau tidak ada pecat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, satu soalan, ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Akan tetapi selepas itu Yang Berhormat, selepas itu— Sekejap, saya tidak bagi lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Selepas itu, penilaian dibuat oleh pihak kerajaan bahawa Tuan Yang di-Pertua dirasakan dengan alasan-alasan yang munasabah di pihak kerajaan, tidak boleh memenuhi [*Dewan riuh*] hasrat dan juga inspirasi kerajaan yang sedia ada, pilihan yang ada kepada kita, kita bawa kepada Dewan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Yang Berhormat boleh mengundi, sama ada saya hendak beritahu sebab atau tidak, selepas ini kita boleh mengundi. Selesai masalah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Kami ada calon sendiri dan Yang Berhormat juga ada calon sendiri. Tidak ada masalah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Dak, dak*— Saya. Okey. Baik.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Timbalan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri menyebut, Yang Berhormat Menteri sebut bahawa semua ada calon. Saya hendak tanya satu soalan. Adakah notis kekosongan diberikan kepada sesiapa? [*Dewan riuh*] Mana notis itu?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Peraturan mesyuarat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Dak, dak.* Mana notis itu?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Peraturan mesyuarat mengatakan Setiausaha Dewan berdasarkan 27(4)...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mana ada notis?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak perlu memberikan notis mengenai pengosongan itu. Tidak perlu. *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tidak. Tidak betul, tidak betul.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Dak, dak.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *You can check...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *You can check.* Mana ada yang perlu berikan notis 14 hari? Tidak ada kan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau tidak ada notis— Ya, ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak ada.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu sebabnya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *You show me and I show you the provision. You show me what is your provision. [Tepuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no.* Notis...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak ada.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]* Saya ingin menamatkan penghujahan saya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no...*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Pertama, usul ini berdasarkan Perlembagaan dan juga *Standing Order...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Kedua, usul ini tidak cacat. Ketiga, telah diterima oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ini adalah masa untuk dibuat pengundian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Notis tidak diberikan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, penggulungan telah pun dinyatakan. Sekarang, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di bawah Perkara 57(2)(c) Perlembagaan Persekutuan di No. 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah disetujui. *[Dewan riuh]*

[Masalah dikemuka bagi diputuskan]

Beberapa Ahli: Belah bagi, belah bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita perlu ada usul untuk *extend* pukul 1.00 tengah hari. Sila. Usul untuk *extend beyond 1.00 o'clock.*

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.54 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat, berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon dan mencadangkan:

"Bahawa Mesyuarat ini, pada hari ini, tidak akan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari ini bagi membolehkan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di No. 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang."

Tidak akan ditangguhkan sekarang bagi memudahkan perkara.

Seorang Ahli: Hendak makan, keluarlah.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Setiausaha, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya takut mereka tidak bagi makan apa.

[Perbahasan usul disambung]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada lebih daripada 15 orang, maka kita akan buat belah bahagian. Sila Setiausaha.

Seorang Ahli: Sejuk, sejuk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Semenjak jadi kerajaan ini, sampai...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, usul belum diluluskan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Belah bahagian sekarang. Sila Setiausaha dan Bentara jalankan tugas untuk belah bahagian.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila ambil tempat masing-masing. Keputusan belah bahagian telah berada di tangan saya.

Ahli-ahli Yang bersetuju 111 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Tidak bersetuju 109 orang... *[Dewan riuh]*

Ahli yang tidak hadir 1.

Jadi, Ahli Yang Berhormat, usul dipersetujukan.

Senarai Ahli-ahli Yang Bersetuju:

1. YAB. Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
2. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
3. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
4. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
5. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
6. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
7. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tapah)
8. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof (Alor Gajah)
9. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
10. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
11. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
12. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
13. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
14. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa (Ketereh)
15. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
16. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong)
17. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)
18. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong)
19. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
20. YB. Dato' Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
21. YB. Dato' Kamarudin Jaffar (Bandar Tun Razak)
22. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
23. YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
24. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
25. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
26. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
27. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
28. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
29. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
30. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun (Titiwangsa)
31. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli)
32. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
33. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
34. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
35. YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau)
36. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
37. YB. Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit)
38. YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj. Samsudin (Masjid Tanah)
39. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
40. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
41. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
42. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
43. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
44. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
45. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
46. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
47. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
48. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
49. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
50. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
51. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
52. YB. Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
53. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
54. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
55. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
56. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
57. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
58. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
59. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
60. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
61. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
62. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
63. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
64. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
65. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
66. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
67. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)

68. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
69. YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem (Serian)
70. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu (Tambun)
71. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)
72. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya)
73. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
74. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
75. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
76. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
77. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
78. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
79. YB. Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan)
80. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
81. YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
82. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
83. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
84. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
85. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
86. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jejebu)
87. YB. Dato' Haji Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
88. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
89. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
90. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
91. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun (Beaufort)
92. YB. Dato' Hasbullah Osman (Gerik)
93. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said. (Pengerang)
94. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
95. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
96. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
97. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
98. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris (Libaran)
99. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
100. YB. Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir (Setiu)
101. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
102. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
103. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
104. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)
105. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh (Sabak Bernam)
106. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
107. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
108. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
109. YB. Datuk Mohamad bin Alamin (Kimanis)
110. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
111. YB. Tuan Jugah Ak Muryang @ Tambat (Lubok Antu)

Senarai Ahli-ahli Yang Tidak Bersetuju:

1. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
2. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
3. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu)
4. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Lumut)
5. YB. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
6. YB. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji (Raub)
7. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Farkharudy (Kota Belud)
8. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
9. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
10. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
11. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
12. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
13. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Segambut)
14. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
15. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
16. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
17. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
18. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
19. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
20. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
21. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
22. YB. Datuk Wira Haji Mohd Anuar Mohd Tahir (Temerloh)

23. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
24. YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)
25. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
26. YB. Tuan Ong Kian Ming (Bangi)
27. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
28. YB. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
29. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
30. YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)
31. YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
32. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
33. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
34. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
35. YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
36. YB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
37. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Jerlun)
38. YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)
39. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
40. YB. Dato' Ir. Haji Amiruddin bin Hamzah (Kubang Pasu)
41. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
42. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
43. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
44. YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
45. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
46. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
47. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
48. YB. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Pulau)
49. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
50. YB. Datuk Ignatius Darell Leiking (Penampang)
51. YB. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
52. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
53. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
54. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
55. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
56. YB. Datuk Liew Vui Keong (Batu Sapi)
57. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
58. YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Kuala Langat)
59. YB. Puan Fuziah binti Salleh (Kuantan)
60. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
61. YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
62. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
63. YB. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
64. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
65. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar)
66. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
67. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
68. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
69. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
70. YB. Datuk Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
71. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
72. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
73. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin (Sepang)
74. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
75. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
76. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
77. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
78. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
79. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
80. YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Tuaran)
81. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
82. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
83. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
84. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
85. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
86. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
87. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
88. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
89. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
90. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
91. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)

92. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
93. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
94. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
95. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
96. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
97. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
98. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari. (Putatan)
99. YB. Datuk Christina Liew Chin Jin (Tawau)
100. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
101. YB. Tuan Wong Ling Bui (Sarikei)
102. YB. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri)
103. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
104. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
105. YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading)
106. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
107. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
108. YB. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
109. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)

Senarai Ahli-ahli Yang Tidak Mengundi:

1. YB. Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat) – mempengerusikan mesyuarat

Senarai Ahli-ahli Yang Tidak Hadir:

1. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan dan kita kembali semula jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.11 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan jawatan Yang di-Pertua telah kosong, maka mengikut Peraturan 57(1) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 3, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, maka urusan Dewan hendaklah diteruskan dengan memilih Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha, silakan.

USUL

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Peraturan Tetap. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Tetap 4 yang menyatakan dalam pemilihan seorang Yang di-Pertua, mesti dikeluarkan notis untuk semua Ahli-ahli diberikan peluang untuk menamakan calon masing-masing. Mereka yang mencalonkan nama itu mesti memberikan notis sekurang-kurangnya 14 hari kepada Setiausaha Dewan. Dengan bacaan ini, ini bermaksud Dewan yang mulia ini mesti ditangguhkan sekurang-kurangnya 14 hari daripada sekarang supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat diberikan peluang yang termaktub di dalam peraturan. Kalau tidak, ia tidak adil kepada setiap Ahli Dewan yang lain yang tidak menamakan mana-mana calon sebelum ini kerana tidak ada kekosongan.

Pada hemat saya dan tafsiran yang saya baca ialah calon hanya boleh dinamakan selepas adanya kekosongan. Harap Tuan Yang di-Pertua memberikan satu *ruling* ataupun petua atau keputusan yang muktamad kerana ini sangat penting untuk masa depan. *This is a precedent*. Kita tidak boleh mengabaikan undang-undang atau peraturan yang begitu jelas dalam peruntukan *Standing Order* atau perintah tetap kita.

Kalau kita sendiri yang buat peraturan, kita sendiri tak ikut peraturan, apa akan jadi kepada masa hadapan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya jemput Yang Berhormat Kota Bharu.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua. Sungai Buloh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya ingin membetulkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas tadi. Saya juga *Standing Order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia *Standing Order* juga.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya ingin membacakan ayat yang tidak dibaca oleh Yang Berhormat Beruas iaitu jika tiap-tiap Ahli yang hendak mencadangkan nama seorang Ahli Dewan itu, atau seorang yang layak dipilih menjadi Ahli Dewan itu yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah memastikan terlebih dahulu iaitu Ahli itu suka berkhidmat jika ia dipilih.

Dan juga hendaklah memberitahu kepada Setiausaha, ini penting— hendaklah memberitahu kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat. Perkataan 'sebelum Mesyuarat' tidak dibaca oleh Yang Berhormat Beruas. Jadi Mesyuarat yang dimaksudkan Tuan Yang di-Pertua adalah 13 Julai. Jadi notis perlu diberi sebelum [*Tidak jelas*] 13 Julai.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Kalau tak ada kekosongan, macam mana nak namakan calon?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sepenuhnya dengan bacaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Kota Bharu dan bagaimanakah pencalonan secara bertulis 14 hari sebelum Mesyuarat boleh dibuat, melainkan Dewan yang mulia ini ditangguhkan seperti yang telah tadi Yang Berhormat Port Dickson memberi contoh-contoh masa lampau. Oleh sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Bharu, bagaimana...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Macam mana contoh, *you* kata ini kes yang pertama. Mana ada contoh? *This is the first case*. Mana *got* contoh?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, bukan. *No, no, no*. Tadi ada...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Are you agree this is the first case? And all...*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *No*. Pilihan - *removal of Speaker, this is the first case*. Cara memilih pernah dibuat. Berbeza kan? *Removal of Speaker, this is the first case*, tetapi untuk pemilihan *Speaker* kita sudah buat banyak kali. Setiap kali mesti ada sekurang-kurangnya 14 hari notis secara bertulis. Bagi tahu Dewan ini bagaimana ini boleh dibuat tanpa...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tahun 2018 semasa Pakatan Harapan, *number of...* [*Tidak jelas*] Tak ada notis. Tidak ada notis. *Bulldoze* sahaja.

[*Dewan riuh*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bagi Yang Berhormat Kota Bharu, tolong sebagai seorang peguam, bagi tahu saya dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat bagaimana ini boleh dibuat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tahun 2018, tidak ada notis 14 hari tetapi Kerajaan PH *bulldoze* sahaja pada hari itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kekosongan hanya bermula pada hari ini. Kekosongan hanya

berlangsung, bermula pada hari ini, sebelum ini tidak. Jadi, 14 hari notis itu hanya akan [Tidak jelas] [Dewan riuh]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita undi sahaja, undi sahaja. Tak payah bincang lama-lama, buang masa. Kita ada banyak...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tempoh 14 hari selepas pengosongan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, tidak. Kekosongan hanya bermula pada hari ini sahaja.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Where is the provision in the Standing Order?*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan 4(1).

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *You told me.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kota Bharu, *you are a lawyer.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tak ada, tak ada. Minta buat *ruling.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You are a lawyer, come on.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kekosongan hanya bermula pada hari ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan buat *ruling.* Dalam tempoh 14 hari memang hanya ada satu nama sahaja. Dan tidak ada. Penjelasan telah dibuat tadi oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Saya minta Setiausaha teruskan.

■1440

Setiausaha: Saya telah menerima satu cadangan untuk pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Cadangan itu datangnya daripada yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh Isnin, 29 Jun 2020.

Yang Amat berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No. Timbalan Yang di-Pertua. Kami [Tidak jelas] siapa-siapa.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:baru berlaku tadi. Baru berlaku tadi. [Tidak jelas] tidak apa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami tidak diberi peluang untuk mencalonkan sesiapa.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Akan tetapi kami minta 14 hari untuk menamakan calon.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, kami tidak diberi peluang untuk mencalonkan sesiapa.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Kami minta 14 hari untuk kita...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya, saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meneruskan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *Point of order.*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of order.*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *Point of Order, Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *plea of Point of Order.* Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* di sini. Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Mic, mic.*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ahli Parlimen Santubong telah menyatakan dalam Bernama bahawa tempoh 14 hari perlu diadakan. Kelmarin sudah diterbitkan di Bernama Ahli Parlimen Santubong bekas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta terus Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meneruskan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *Point of Order.* Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order. [Dewan riuh]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Md. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berbahagia Datuk Azhar bin Azizan @ Harun dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 4(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua kena beri 14 hari. Tidak boleh menafikan hak kepada mana-mana ahli.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan kami tidak diberi peluang untuk mencalonkan sesiapa.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...beri 14 hari Tuan Yang di-Pertua. Perlu ikut peraturan...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Setiausaha teruskan, Setiausaha.

Setiausaha: Oleh kerana seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Datuk Azhar bin Azizan @ Harun dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Majlis Mesyuarat dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Azhar bin Azizan @ Harun masuk ke Dewan.

[Yang Berhormat Datuk Azhar bin Azizan @ Harun masuk ke dalam Dewan dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian menuju ke Kerusi]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No.* Kenapa kami tidak diberi peluang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kami minta penjelasan. Kenapa kami tidak diberi peluang untuk calonkan sesiapa?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Inilah kerajaan Perikatan Nasional. Tidak ikut peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapa nafikan hak kami untuk mencalonkan sesiapa? Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sangat memalukan, tidak mengikut peraturan. Parlimen membuat undang-undang sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Datuk Azhar bin Azizan @ Harun.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Setiausaha Dewan Rakyat, jangan keterlaluan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Parlimen buat undang-undang kita mesti ikut undang-undang, peraturan yang ditetapkan. Mana boleh tidak ikut peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kami mohon penjelasan kenapa kami tak diberi peluang untuk mencalonkan sesiapa?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya ingin mengatakan bahawa tidak adil dalam keadaan seperti ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *This is not fair. You never give us an opportunity to make our proposal...*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Satu pencemaran kepada Parlimen.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Menafikan hak untuk memilih Yang di-Pertua.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapa kami tidak diberi peluang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua baharu, saya minta mengikut undang-undang, peraturan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Mesti ada maruah. Tak ada maruahlah. Tak ada maruah! Tak ada maruah!

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Sudahlah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tak ada maruah.

Setiausaha: Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan mengangkat sumpah...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hidup Tuan Yang di-Pertua! Hidup Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Malu Tuan Yang di-Pertua! Malu Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memalukanlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Malu Tuan Yang di-Pertua! Malu Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kalau tidak ada maruah, keluar dewanlah!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh, memalukan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Malu Tuan Yang di-Pertua! Malu! Malu Tuan Yang di-Pertua! Malu Tuan Yang di-Pertua!

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa ini? Apa ini?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Malu Tuan Yang di-Pertua! Malu Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Awaklah malu!

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Kalau tidak puas hati boleh keluar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bedebah!

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Peraturan 36(6) menghina Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Tarik balik.

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH

Tuan Yang di-Pertua: Saya Azhar bin Azizan @ Harun, setelah dipilih memegang jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Mana ada pilih, tak ada pilih pun.

Tuan Yang di-Pertua: *[Tidak jelas]* ...dengan sesungguhnya bersumpah ... *[Tidak jelas]*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Belum selesai lagi. Ada masalah belum selesai lagi. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: ...Bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan ini dengan jujur, dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya sebagai Ahli Parlimen tidak diberi peluang untuk menamakan calon Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Taat setia kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya. *[Tepuk]*

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, sekarang Tuan yang di-Pertua boleh halau siapa yang tak baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei, awak semua ini kurang sopanlah.

Beberapa Ahli: Sudahlah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa yang mengundi Tuan Yang di-Pertua ini?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Standing Order* pun dia tak mahu layan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa yang mengundi untuk Tuan Yang di-Pertua ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita hormat *[Tidak jelas]* semua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa yang undi untuk Tuan Yang di-Pertua ini? Siapa yang undi?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of Order* pun dia tidak layan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mana undi dia? Siapa yang undi untuk Tuan Yang di-Pertua ini?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of Order* pun dia tak hormat. Yang Berhormat Arau orang yang lama. Arau sudah tahu orang lama.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pagoh, *you should be responsible for this.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pagoh, *it's on you. It's on you* Yang Berhormat Pagoh. *You did this. It's on you.* Yang Berhormat Pagoh, Perdana Menteri *it's on you.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kami yang pilih, Yang Berhormat tak ada calon. Kita satu calon sahaja.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Who voted for this Speaker?*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You sit down.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Who voted for this Speaker? You also voted for him.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini semua adalah angkara Yang Berhormat yang tahu diri. Sendiri mahu ingatlah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Shut up and sit down* Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik, *shut up.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Keep quiet and shut up.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik *shut up*, tarik balik *shut up.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sudahlah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik *shut up*. Saya cakap baik-baik. Tarik balik *shut up*.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Why don't he shut up? Keep quiet and sit down.*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat duduk. *Shut up and sit down!*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan kurang ajar, jangan kurang ajar.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Woi, duduk!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Shut up and sit down.*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Baling jangan kurang ajar!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pohon *decorum* sedikit. Ini Parlimen ya. Ini Parlimen.

[Dewan riuh]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Shame on you!*

Tuan Yang di-Pertua: Ini Parlimen ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Arau, *shame on you.*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus Tuan Yang di-Pertua, bagus.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Shame on you.* Malu! Jadi barua macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Parlimen ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Parlimen.

[Dewan riuh]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bagi kita 14 hari untuk calon, calon kita.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Minta mengikut peraturan semua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Shame on you.* Campur tangan. Campur tangan eksekutif dalam legislatif. Macam mana...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tangguh 14 hari adalah pemilihan...

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bagi kita 14 hari untuk calonkan calon kita.

Tuan Yang di-Pertua: Minta turut peraturan...

[Dewan riuh]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tak ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan...

[Dewan riuh]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bagi kita 14 hari untuk calonkan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Campur tangan. Campur tangan eksekutif dalam legislatif. Macam mana... *[Pembesar suara dimatikan]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang kita beri kepada pemilihan Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tangguh, tangguh. Tangguh 14 hari untuk kita namakan calon kita.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, teruskan pemilihan Timbalan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua sudah dipilih, apa lagi meroyan sana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan dengar cakap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan, Ahli-ahli Yang Berhormat... [*Dewan riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat tolong diam. Tolong diam.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kami tidak hormat, tidak pilih. Tak diundi!

[*Dewan riuh*]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa undi *you*? *Who voted for you*?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak hormat keluar!

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kami tidak hormat, tidak pilih. Tak diundi!

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa undi *you*? *Who voted for the Speaker*?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak hormat keluar!

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kalau menang dengan pemilihan, okey!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa undi untuk Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: ...Tuan Timbalan Yang di-Pertua telah membuat...

[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Timbalan Yang di-Pertua telah membuat keputusan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Control mic, control mic.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa yang kira undi? Bila masa undi? *When did we vote for this Speaker, can somebody tell me? When did we vote for this Speaker? All of you there.*

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua... [*Sambil mengangkat buku Peraturan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan 46...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *All of you there.*

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan 46...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *When did we vote for this Speaker?*

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Halau, halau. [*Dewan riuh*] Halau mereka, halau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua *control mic.* Jangan bagi mereka bercakap. Sekarang kita teruskan pemilihan Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau jadi Yang di-Pertua lah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan teruskan dengan ucapan saya ya.

[*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apalah, tiada standard punya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tidak payahlah berucap. Tak mahu dengarlah.

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera... [Dewan riuh]*

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tidak dipilih pun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kerajaan pintu belakang, Tuan Yang di-Pertua pun pintu belakang ke?

[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini Tuan Yang di-Pertua tebuk atap ke ini?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ini Tuan Yang di-Pertua tebuk atap.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak ada orang lantik *you*-lah. Malulah.

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat semua... [Bercakap dengan bentara]*

■1450

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT di atas limpah dan kurnia-Nya saya diberi pengiktirafan yang tinggi seperti pada hari ini. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mencadangkan saya untuk dipilih menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: *Nobody appointed you.*

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan-

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *You dare not even face competition, Tuan Yang di-Pertua. You dare not even face competition. This is the problem. You dare not face competition.*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong diam. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana melantik saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Terima kasih saya juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam proses pelantikan saya, walaupun tidak menyokong pelantikan saya. Ini kerana, dengan mengambil bahagian dalam proses itu, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyubur dan menyemarakkan lagi amalan Demokrasi Berparlimen kita.

[Dewan riuh]

Pelantikan ini adalah satu penghormatan yang tinggi kepada saya. Namun, saya sedar bahawa ia juga adalah satu amanah negara kepada saya. Sepertimana ikrar yang telah saya bacakan tadi, saya akan berusaha sebaik mungkin untuk menjalankan tugas dan memenuhi amanah tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan keahlian Dewan yang mulia ini yang dipenuhi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang amat berpengalaman, para peguam yang tersohor dan para cendekiawan yang ternama, saya tidak perlu lagi menyentuh tentang konsep pembahagian kuasa iaitu *separation of powers* yang kita amalkan dan kedudukan Parlimen di dalam skema pentadbiran negara. Ini kerana saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat semua sudah tentunya lebih arif daripada saya tentang hal tersebut.

Walaupun begitu, saya rasa tidak keterlaluan...[Disampuk]

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kita ada hak! [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: ...untuk kita mengingatkan diri kita bahawa Parlimen perlu diperkasakan untuk menjadi satu institusi seperti mana pihak kerajaan memenuhi tanggungjawabnya untuk mentadbir negara dengan lebih sempurna dan berkesan. [Disampuk]

Yang Berhormat Shah Alam!

[Dewan riuh]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: [Bangun] Tuan Yang di-Pertua. Datuk Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan dengar cakap mereka. Teruskan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Halau Yang Berhormat Shah Alam keluar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila keluar Dewan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Apa ini Tuan Yang di-Pertua, hari pertama *you* masuk.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Halau, halau keluar.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *You dare not face competition.*

Tuan Yang di-Pertua: Sehingga habis hari ini.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sila keluar Dewan. Yang Berhormat saya hukum—Sehingga habis persidangan Dewan pada hari ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila keluar. Sila keluar. Siapa lagi yang hendak keluar?

[Yang Berhormat Shah Alam berjalan keluar meninggalkan Dewan]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Atas alasan apa? Atas alasan apa?

[Dewan sangat riuh]

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Apa salah Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Yang di-Pertua. Apa salah Yang Berhormat Shah Alam? Bercakap tentang demokrasi. Tuan Yang di-Pertua, apa ini? *Where is the rule of law?* Tak malu ke—Parlimen. Tuan Yang di-Pertua tebuk atap. Tuan Yang di-Pertua tebuk atap.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lebih baik keluar dari ganggu Dewan. Itu yang lebih baik. Terima kasih. *Bye-bye.*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya sambung sekarang?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Hey*, tipu sijil pun hendak bercakap juga?

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun begitu, saya rasa tidak keterlaluan untuk kita mengingatkan diri kita bahawa Parlimen perlu diperkasakan untuk menjadi sebuah institusi di mana pihak kerajaan memenuhi tanggungjawabnya untuk mentadbir negara dengan sempurna dan berkesan. Harapnya di sinilah tempatnya dasar-dasar dan undang-undang yang menjamin kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran rakyat

dapat diperkenalkan kerajaan. Di sinilah juga segala tindak tanduk kerajaan dapat dipersoalkan dan diperhalusi.

Pada masa yang sama, saya terpanggil untuk mengulangi apa yang dititahkan oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah, di dalam Titah Baginda di *Harvard Club of Malaysia* pada 19 September 1987 yang bertajuk “*Checks and Balances in a Constitutional Democracy*”. Saya petik di dalam bahasa asal; “*But I would like to emphasize that just as the party in power must act responsibly, so much the opposition. The opposition for its part is obliged to present reasonable argument to criticize but not to obstruct.*”

Saya rasa penekanan Almarhum amat relevan sekali. Bukan sahaja Parlimen merupakan satu medan di mana pihak kerajaan perlu membuktikan kebertanggungjawabannya di dalam menggubal dasar dan undang-undang negara demi kepentingan negara. Pihak pembangkang pula mempunyai beban untuk sama-sama menyumbang ke arah kebaikan bersama negara kita dengan hujah-hujah yang munasabah dengan kritikan dan bukannya halangan. Sesungguhnya Parlimen ke-14 ini merupakan satu era baharu. Rata-rata berpendapat bahawa majoriti tipis di pihak kerajaan membawa ketidakstabilan. Namun, saya berpendapat majoriti tipis itu merupakan pemangkin analisa dan perdebatan yang lebih bermakna dan dinamis. Namun, matlamat tersebut tidak akan dapat dicapai sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak meninggalkan politik dan prinsip kepartian di dalam menjalankan tugas di Parlimen.

Negarawan dan ahli falsafah Ireland yang terkemuka Edmund Burke pernah berkata dan saya petik di dalam bahasa asal; “*Your representative owes you, not his industry only, but his judgement; and he betrays, instead of serving you, if he sacrifices it to your opinion, Parliament is not a congress of ambassadors from different and hostile interests; which interests each much maintain, as an agent and advocate against other agents and advocates; but Parliament is a deliberative assembly of one nation, with one interest, that of the whole; where, not local purposes, not local prejudices ought to guide, but the general good resulting from the general reason of the whole. You choose a member indeed; but when you have chosen him, he is not a member of Bristol, but he is a Member of Parliament.*”

[Tepuk]

Sesungguhnya, Parlimen itu bukannya satu kongres yang dipenuhi dengan duta-duta yang berkepentingan secara bermusuhan di mana kepentingan masing-masing perlu dipertahankan. Parlimen sebaliknya ialah satu himpunan perbincangan untuk satu negara dengan hanya satu kepentingan iaitu kepentingan menyeluruh untuk kepentingan bersama, yakni kepentingan negara.

[Tepuk]

Sekiranya Edmund Burke bercakap di sini pada hari ini dan mengambil kira keadaan tempatan, maka sudah tentulah ayat beliau yang terakhir akan mungkin berbunyi seperti berikut; “Kamu sememangnya memilih Ahli tetapi apabila kamu memilih beliau dia bukannya Ahli dari Langkawi, dari Pagoh mahupun dari Port Dickson. Akan tetapi, dia merupakan seorang Ahli Parlimen.

[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam negara kita menghadapi pandemik COVID-19 dan kesannya terhadap ekonomi, satu keadaan yang tidak pernah negara kita mahupun negara-negara lain di dunia ini hadapi sebelum ini, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dengan sempurna demi kebaikan dan kepentingan negara kita Malaysia.

Saya mengambil kesempatan ini, untuk menghargai jasa-jasa perkhidmatan sahabat saya, Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Mohamad Arif bin Md Yusof kepada Dewan Rakyat khasnya dan institusi Parlimen amnya. [Tepuk] Saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat memberi kerjasama yang baik kepada saya sebagaimana yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Mohamad Arif bin Md Yusof sebelum ini agar kita dapat bersama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dengan adil dan saksama.

■1500

Saya akhiri ucapan ringkas ini dengan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih atas pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Semoga Allah SWT mempermudah tugas kita bersama. [Tepuk] Saya berjanji akan cuba menunaikan tugas-tugas saya dengan saksama seperti mana ikrar yang telah saya lafazkan tadi. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Speaker* haram.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Shame, shame on you* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *you are not supposed to—* Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, semua nasihat tadi betul tetapi Tuan Yang di-Pertua tak ikut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nasihat tadi semua untuk diri Tuan Yang di-Pertua kah?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Masalahnya semua nasihat tadi sangat baik, kita semua sanjung tinggi. Malangnya pelantikan tadi tidak ikut semua nasihat yang Tuan Yang di-Pertua baca.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua cakap saja tetapi tak buat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Harap Tuan Yang di-Pertua memperbetulkan keadaan. Bagilah kita hak untuk membuat pengundian. Kalau selepas itu Tuan Yang di-Pertua dilantik, kita sanjung tinggi dan sokong sepenuhnya. Ini yang kita mesti pelihara untuk Dewan yang mulia ini. Kalau tidak, ini jadi satu *precedent* yang amat buruk untuk masa depan Majlis Parlimen kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of Order.*

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha telah menerima surat peletakan jawatan yang ditandatangani sendiri oleh Timbalan Tuan Yang di-Pertua kepada Setiausaha. Maka jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua telah kosong di bawah Perkara 57(2A) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, mengikut Peraturan Mesyuarat 6, maka urusan Dewan hendaklah diteruskan dengan memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha, silakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *can you hear my Point of Order, please?*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, bila ada peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua kena dengar. Tuan Yang di-Pertua orang baharu, kena dengar dulu. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau ada peraturan mesyuarat, *you have to listen first.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya persilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mana boleh. Eh! Belajarlah sikit.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of Order overtakes all...*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Takkan Tuan Yang di-Pertua tak tahu bila *Point of Order— when Point Of Order is raised, you have to listen.*

Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin]: *[Tidak jelas]....* Tuan Yang di-Pertua.... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, *there is a Point of Order.*

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: ...saya mohon mencadangkan untuk menarik balik usul di nombor 4 seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada *Point of Order*, ya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bila ada cadangan atau teguran *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua kena dengar dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya. Ada *Point of Order*?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula dengan Peraturan Mesyuarat 4. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak tahu apa yang terjadi dalam Parlimen, di mana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun telah mengatakan *due process* dalam pemilihan Yang di-Pertua hari ini. Sebenarnya tidak ada *due process* tersebut diikuti hari ini langsung. *This has to be taken into account. You might not know before that but at least...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini pemilihan Timbalan Yang di-Pertua, fasal apa cakap fasal pelantikan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya jawab?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana peraturan, peraturan mesyuarat berapa ini?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *in your speech...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak! Sekarang pemilihan Timbalan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Ada beberapa Tuan Yang di-Pertua telah mengatakan, *you created history as a Speaker with so much of noise getting the job and on top of it, in the process you have also asked somebody to be out of this Dewan. Itu pun historic juga. Saya harap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua— we got nothing against you personally, but I think this is the office that matters. I hope Tuan Yang di-Pertua, you will go back and look at— dig your conscience and look at the...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cakap Melayulah. Kalau tak tahu cakap Melayu, *don't speak in this Parliament* lah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Adakah ia perlu diubah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya buat *ruling*?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Ubahsuai supaya tindakan susulan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Mengikut Peraturan Mesyuarat 46, setelah sesuatu masalah itu telah diselesaikan oleh Pengerusi Mesyuarat, maka tidak boleh lagi didebatkan perkara tersebut.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kepada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah selesai.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, no, my...*

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah selesai. Saya telah mengambil sumpah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, hak saya telah dicabuli. My rights has been...*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi perkara itu telah selesai.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You are the new Speaker, you must understand that...*

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ..Peraturan Mesyuarat 4 *has not been observed. The very primary rights...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat merujuk kepada peraturan, saya juga merujuk kepada peraturan. Peraturan Mesyuarat 46 dengan terang mengatakan apabila sesuatu masalah itu telah diselesaikan oleh Pengerusi, maka tidak ada lagi perdebatan tentangnya. [*Tepuk*] Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, I'm...*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of Order.*

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maaf, ya.

Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang sekali lagi iaitu saya mohon mencadangkan untuk menarik balik usul di nombor 4 seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya— oh!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh? Saya minta izin untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *Point Of Order* ini dibangkitkan selepas usul dibaca dan dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Pagoh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekiranya saya boleh Tuan Yang di-Pertua, saya buat rujukan kepada apa yang dicadangkan. Di situ dinyatakan— ini cadangan berlima.

"Saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan ia juga menetapkan bahawa ia mengikut Peraturan Mesyuarat 6(2) yang dibaca bersama peraturan 4(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih."

Tuan Yang di-Pertua, *I'm not sure if you have it before you but it's item number 5.* Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 3, khususnya ia akan dibaca dengan 4(1). Saya meminta pandangan dan juga panduan daripada Tuan Yang di-Pertua kerana kemungkinan di sini ada lompangan yang perlu kita lihat sebagai Ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan prosedur apabila seseorang itu dicadang untuk dilantik sebagai Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua, izinkan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat 3— saya tidak pasti sama ada Tuan Yang di-Pertua ada. Peraturan Mesyuarat 3 menyatakan, saya bacakan Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. *"Bila-bila jawatan Tuan Yang di-Pertua kosong, baik dengan sebab dibubarkan Parlimen atau dengan lain-lain sebab, maka Majlis, sebaik-baik cukup bilang ahlinya, hendaklah memilih Tuan Yang di-Pertua"*.

Then, of course we go on to 4 yang menyatakan bahawa aturan memilih itu— I'm not going to read the whole thing Tuan Yang di-Pertua. *Just to come to the point which is the last two sentences, "Juga hendak memberitahu kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat"*. Ini juga perkara yang telah pun dibangkitkan dan dihujah oleh sahabat saya, Menteri dari Kota Bharu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya ini, sekarang kita lihat bagaimana hari ini ada satu pengumuman dibuat iaitu peletakan jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Maka perkara itu hanya berlaku sekarang, hari ini. Baru saya rasa setengah jam yang lalu surat dikemukakan kepada— *I stand corrected* Setiausaha, surat dikemukakan. Jadi soalnya kekosongan itu hanya berlaku sekarang, tidak sebelum daripada ini. Oleh kerana tidak sebelum daripada ini, maka kita ini tidak ada kekosongan yang membolehkan kita ini mencadangkan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bagi saya peluang. Kita ini hendak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Sudahlah!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Pasar Salak, *you...*

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, tak apa, silakan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak ini macam ini. Tuan Yang di-Pertua kena biasa dengan dia. Dia memang tak tahu apa-apa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia ini memang cari fasal sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Abuse of Standing Order, abuse of this.* Jangan bagi peluang lagi macam ni.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of Order.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Gangguan-gangguan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You don't like the Tuan Yang di-Pertua, you get out!*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, *you get out! You get out* Yang Berhormat Pasir Salak!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sabar, sabar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, teruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baliklah, nanti calit balik baru tahu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* kepada *Point of Order* yang dikeluarkan Yang Berhormat Puchong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of Order, saya cakap Point of Order.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Biar saya habis dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pemilihan, bukan *Point of Order.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Sebab Yang Berhormat merujuk kepada perkara 3. Perkara 3 ialah pemilihan Tuan Yang di-Pertua tetapi pemilihan Tuan Yang di-Pertua ada di bawah perkara 6 Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak rujuk perkara 6, ini *Point of Order* kepada *Point of Order* tadi. *It is not about* perkara 3, perkara 6. Sekarang kita duduk di bawah perkara 6 Timbalan Speaker.

■1510

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Arau. Mungkin Yang Berhormat tidak faham undang-undang, biar saya bagi sedikit nasihat. Kalau Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini undang-undang tidak boleh pakailah.

Tuan Yang di-Pertua: *To the point.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *To the point.* Kalau Yang Berhormat ..

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan semua *lawyer* pandai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat merujuk kepada Perkara 3, pemilihan Speaker tapi Tuan Yang di-Pertua telah menyebut tadi..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bahawa kita memilih Timbalan Yang di-Pertua, Perkara 6. Yang Berhormat saya terpaksa ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini *lawyer* Puchong, tak boleh pakai..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi tidak faham undang-undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya terima kasih. Silakan, *to the point please*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya bangkitkan ini berkenaan atur cara pelantikan dan juga cadangan berkenaan dengan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua. Tadi saya sebut, fasal itu saya rujuk kepada 3, 4 dan juga sekarang untuk *Deputy Speaker* 6(1). *So, it's all together as one*.

Jadi soalan yang berbangkit di mana kita ada keadaan sebegini. Di mana kekosongan berlaku akibat daripada tindakan letak jawatan Timbalan Yang di-Pertua itu, maka soal dia kita kena putuskan, sama ada *vacancy* itu berlaku sekarang. Kalau *vacancy* berlaku sekarang, soal ia adalah sama ada ataupun tidak, usul ini yang pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Pagoh ini adalah teratur kerana ia dimasukkan sebelum ada kekosongan. Itu satu.

Kemudian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya juga minta panduan dan difikirkan perkara ini berkenaan dengan sama ada ataupun tidak, kita ada hak untuk minta supaya kita diberikan peluang untuk juga cadangkan nama kita memandangkan kekosongan itu hanya berbangkit sekarang. Jadi ini dua perkara yang saya minta supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya buat *ruling*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya telah perhatikan Aturan Mesyuarat 4(1) Yang Berhormat. Sebenarnya tidak ada yang diperkatakan di dalam 4(1) bahawa sesuatu pencalonan itu hanya boleh dilakukan selepas kekosongan. Ia mengatakan bahawa apabila seseorang itu ingin mencalonkan, maka beliau mesti membuat satu notis kepada Setiausaha, 14 hari sebelum tarikh mesyuarat. Dia tidak kata sesuatu pencalonan itu hanya boleh dibuat selepas kekosongan.

Jadi sebelum ini terdapat satu pencalonan untuk Timbalan Yang di-Pertua yang baharu yang telah dibuat oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi pihak yang di sebelah sini tidak mencalonkan sesiapa. Malah kita pun tahu bahawa sebelum ini terdapat banyak sekali kenyataan daripada pihak di sebelah sini bahawa mereka akan terus menerus menyokong Timbalan Yang di-Pertua yang telah meletakkan jawatan iaitu Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming. Jadi, itulah calon saya rasa di sebelah pihak sini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya celah sikit. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua hendak jelaskan nombor 3, bila-bila jawatan Tuan Yang di-Pertua itu kosong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dan 6 (1) [*sambil menunjukkan senaskah dokumen*].

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: So, kosong, baru boleh calonkan, yang Perkara 4 (1) *procedural*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Malim, saya faham. Peraturan 3 cuma mengatakan bahawa apabila kosong, maka apabila cukup bilang pada kali yang pertama itu, maka Timbalan Yang di-Pertua ataupun Tuan Yang di-Pertua perlu dilantik. Itu sahaja, tapi dia tidak kata bahawa pencalonan hanya boleh dibuat selepas kekosongan. Tidak ada, tidak ada.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun..

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua, Sungai Buloh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan jawatan Timbalan Yang di-Pertua telah kosong..

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. *Point of Order*.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua, Sungai Buloh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah buat *ruling*, saya telah buat *ruling*, saya telah buat *ruling*..

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, saya hendak tambah saya punya penjelasan. Kalau..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan jawatan seorang Timbalan Yang di-Pertua telah kosong, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 6 (1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, urusan Dewan diteruskan..

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu tidak rasional

Tuan Yang di-Pertua: Dengan memilih Timbalan Yang di-Pertua. Setiausaha, silakan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat penjelasan tentang *ruling* tadi.

USUL

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Memilih seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya telah menerima satu cadangan untuk pemilihan seorang Timbalan Yang di-Pertua. Cadangan itu datangnya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh Isnin, 29 Jun 2020.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan pemilihan seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

[Dewan riuh]

Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 6(2) yang dibaca bersama Peraturan 4(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, kalau begini, tadi kata memartabatkan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah buat *ruling*.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi cara ini

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Beruas, *ruling* sudah dibuat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi ini satu prosedur yang sangat memalukan...

Tuan Yang di-Pertua: *Ruling* sudah dibuat Yang Berhormat Beruas.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa pun prosedur Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*. Apa lagi yang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Speaker baru bagi nasihat supaya Dewan ini dibetulkan dengan baik.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Beruas ikut undang-undanglah. Apa mahu langgar undang-undang Yang Berhormat Beruas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keputusan sudah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah buat *ruling*, kalau tidak setuju, tolong berikan notis...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tulis notis.

Tuan Yang di-Pertua: Khusus substantif untuk mempersoalkan *ruling* saya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nama sahaja peguam, tidak faham-faham.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebab itu saya nasihat tadi ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana hanya ada seorang ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6 (2) dibaca bersama Peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang [*tepuk*] dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu saya mempersilakan..

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tahniah, tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengambil tempat yang telah disediakan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi pelantikan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudahlah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua tidak ada di sini tidak apa. Kalau tadi Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tunggulah kami sibuk hal pilih, Tuan Yang di-Pertua ini Timbalan Yang di-Pertua. Diamlah *you*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dulu macam inilah kita kena.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Allah bayar *cash*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang, Yang Berhormat Kota Bharu untuk membuat satu usul.

USUL

MENANGGUH MESYUARAT KAMAR KHAS

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (4) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat Kamar Khas pada hari ini ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan. Terima kasih.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

USUL**MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M.76**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, Usul Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat. Perdana Menteri dengan ini mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya dengan ini mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat berikut:

- (i) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Ahli Parlimen Gombak;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Ahli Parlimen Larut;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, Ahli Parlimen Petra Jaya;
- (v) Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, Ahli Parlimen Marang; dan
- (vi) Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen Port Dickson.

dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bahagian Peraturan Mesyuarat 76 untuk tempoh Parlimen Keempat Belas, bagi menggantikan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Ahli Parlimen Bera;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan;
- (iv) Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Ahli Parlimen Kota Raja;
- (v) Yang Berhormat Datuk Ignatius Darell Leiking, Ahli Parlimen Penampang; dan
- (vi) Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Ahli Parlimen Cheras.

Saya mohon mencadangkan.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

■1520

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya mohon penjelasan. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya ingin tahu, ini sekadar penjelasan. Tadi saya dengar senarai nama yang dibaca tadi. Tidak ada Ahli Parlimen wanita dalam jawatankuasa tersebut. Di bawah Pakatan Harapan, Yang Berhormat Pandan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pandan, wanita.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pandan menganggotai jawatankuasa tersebut akan tetapi kali ini tak ada seorang pun wanita dalam jawatankuasa tersebut.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa atau tidak cukup wanita yang berkaliber?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Dalam Perikatan Nasional ini?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Gelap tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa perkara tersebut boleh dibangkitkan semasa perbincangan ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi mohon, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Semasa perbincanganlah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bolehlah jawab sekarang, sudah umumkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, sebab sekarang belum dibahas ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi sudah diumumkan. Kalau dia ada sebab biarlah dia sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah saya panggil bahas dahulu. Boleh tidak? Tolong...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Tidak jelas]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bagus sangatlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Masalah sekarang ini ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas maka saya jemput. Saya mulakan perbincangan, saya jemput di sebelah sini dahulu. *[Dewan riuh]* Dibuka untuk perbincangan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebelum Tuan Yang di-Pertua, atas peraturan. Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik kenyataan "gelap tidak nampak" tadi. *[Dewan riuh]* *[Dewan ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang di...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya pun gelap, tidak nampak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang ini...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Racist.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa *different* nya? *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Racist.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat pun gelap. Gelap tak ada jadi isu... *[Pembesar suara dimatikan]* *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa mari kita bahaskan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak, saya paling gelap, takkan gelap hendak jadi isu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Mari kita bahaskan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Tidak jelas]* ...Saya paling gelap. Jadi apa masalah gelap sekarang ini?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua... *[Tidak jelas]* the Dewan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik, minta ditarik sahaja. Itu sahaja itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Tidak jelas] ...It is unparliamentary language...*

Tuan Yang di-Pertua: Mari kita bahaskan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Macam mana saya hendak tarik, saya gelap. Mana boleh saya tarik saya kata saya gelap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik kenyataan itu. *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Saya... *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No Tuan Yang di-Pertua, beliau tidak nafikan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa beliau gelap. Saya tidak kata Yang Berhormat ini, Yang Berhormat ini gelap. Saya kata gelap, saya pun gelap, pakailah bedak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Selesai masalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, *you cannot allow that kind of language. [Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Pencuri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mulakan bahas untuk usul yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, *ruling* untuk Yang Berhormat Baling.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua *please*. Tuan Yang di-Pertua, *you are the newly minted Speaker, you must have some order. You cannot allow him to use such language.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *I like to raise Point of Order.*

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Tidak jelas] [Dewan riuh]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: ...Yang Berhormat Shah Alam keluar, pergi tukar...

Tuan Yang di-Pertua: Saya buka untuk...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sekarang Yang Berhormat Baling. Kena buat pada Yang Berhormat Baling.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kita buat *ruling* fasal benda ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya buka perbahasan untuk usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dari...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No, tapi..

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya hendak bangkitkan *Point of Order.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Atas *Point of Order* saya minta maaf. Saya dengan segala hormatnya memohon Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* minta Yang Berhormat Baling tarik balik dan minta maaf. *You cannot allow him to use such language.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan *Point of Order.*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini, peraturan... *[Tidak jelas]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Point of Order* Yang Berhormat Batu Kawan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of Order...*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia kena peraturan berapa? Yang Berhormat Jelutong telah sebut, peraturan berapa? Buatlah secara betul. Tolong sebut...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya bagi peraturan mesyuarat sekarang, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebutlah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sabar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Peraturan Mesyuarat 36(4), dengan izin. *"It shall be out of order for Members of the House to use offensive language or make a sexist remark"*. Tadi Yang Berhormat Baling bukan sahaja kata saya ini gelap akan tetapi dia minta saya pakai bedak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. *He is a racist!*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hei! Saya kata saya pakai bedak, tengok...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Apa? *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita kena buat *ruling*, perkara ini tidak boleh diterima.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, buat *ruling*...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Ahli Parlimen sebelah sana itu, yang wanita Perikatan Nasional, semua diam kah? Sokong pakai bedak? Sokong pakai bedak? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tapah, Yang Berhormat Tapah, *can you allow him to use such language?*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bukan kah Ahli Parlimen, kami ini diundi oleh rakyat?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dia kata... *[Pembesar suara dimatikan]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Yang Berhormat Tapah, what is your stand? Don't smile!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong duduk. Saya buka usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang tadi...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya minta *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tolonglah minta dia tarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya minta *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua. *I ask for a ruling from you!*

Seorang Ahli: Tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *We are asking you...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah. Kita ini besar hati, kita hendak teruskan urusan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. [*Dewan riuh*]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Besar...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Besar hati kepala otak kau.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini adalah satu *racist*, tidak adil kepada wanita

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tidak mengatakan pada dia pun saya. Saya kata gelap, saya pun gelap...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tapah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tarik balik, minta maaf.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tarik balik. Selesai masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sudah ditarik balik. Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tarik balik, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ditarik balik.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tarik balik, minta maaf. [*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ditarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You insulted all the women here in this House.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You said that!* Yang Berhormat Batu Kawan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You said that to* Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You insulted all the women* Yang Berhormat Baling... *Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Baling *racist.* [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dikatakan ditarik balik. So, bolehkah kita mulakan bahas usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri? [*Dewan riuh*]

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Belum tarik balik. Minta dia tarik balik dahulu!

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: *You* kena buat satu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Adakah mulai hari ini...

Seorang Ahli: *No, no, no,* Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Adakah mulai hari ini...

Seorang Ahli: *Speaker, you have to make your ruling on it...*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Adakah mulai hari ini perkataan "gelap" itu dianggap sebagai *unparliamentary*? Saya hendak tanya, adakah mulai hari ini sesiapa sahaja cakap "gelap" merupakan *unparliamentary*?

Beberapa Ahli: *No.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *No!* Apa niat? Apa niat untuk berkata... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan P. Prabakaran [Batu]: *Racist remark. [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Yang di-Pertua, *you have to make your ruling on that...* [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah ditarik balik.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, *you have to make your ruling...*

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah ditarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You must make a ruling* Tuan Yang di-Pertua. *Are you not the Speaker of the House?*

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, *you have to make a ruling.*

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah ditarik balik ya. [Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *Sexist is remark!*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *Speaker, you have to make a ruling.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Minta saya pakai bedak. *What does that mean?*

Seorang Ahli: *It is a sexist remark!*

Seorang Ahli: *Please make a ruling.*

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Minta dia keluar Dewan.

Seorang Ahli: *Be impartial* Tuan Yang di-Pertua. *Make a ruling. [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah ditarik balik. [Dewan riuh] Bolehkah kita jalankan bahas sekarang?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You are the Speaker of the House. You claim to be a Speaker of the House. [Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

Seorang Ahli: *How could you decide? Make a ruling.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua, bila ada satu perkataan digunakan di bawah Peraturan 36(4) Tuan Yang di-Pertua patut buat *ruling*, adakah *unparliamentary* atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya buat *ruling* tadi telah ditarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, bukan Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua baru, belajarliah, jangan sombong sangat. [Dewan riuh] Sekejap. [Dewan riuh] Tuan Yang di-Pertua, *I respect you* akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua...

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]: Yang sombong itu Yang Berhormat Sepang, bukan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, tidak apa. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu tadi ada minta *ruling*, Tuan Yang di-Pertua tidak mahu membuat *ruling*. Selepas tarik balik, Tuan Yang di-Pertua kata sudah tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, patutnya buat *ruling* dahulu.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Tarik baliklah, sombong itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana telah ditarik balik maka saya tidak perlulah buat *ruling*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No, before that. [Dewan riuh] You're just silent, you don't want to make any ruling. Before, he is...*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You need to keep decorum in the House. [Pembesar suara dimatikan] You claim this is your House...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Must make a ruling!*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ditarik balik. Hendak *ruling* lagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara di sini. Pertamanya, buat *ruling*...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Tuan Ramkarpal Singh a/ Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, pertama... *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *Insulted* Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah ditarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan Tuan Yang di-Pertua, dengar dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan memulakan bahas mengenai isu Yang Berhormat Menteri Undang-undang sekarang. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak bolehlah begini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya tidak setuju. Saya telah dianiayai di Dewan Rakyat ini tanpa keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli-ahli yang di sebelah sini untuk membahaskan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Speaker tidak adil.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *There is no justice towards women in the House. [Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *we amended the Standing Order to make sure there is no sexist remark in the House. We amended the Standing Order to protect the women in the House.*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada perbahasan untuk usul yang saya bawakan ini, saya mohon... *[Pembesar suara dimatikan]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Kami meminda...

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Oleh kerana perbahasan untuk usul yang saya bentangkan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei! Mana boleh tidak ada perbahasan, belum lagi... *[Tidak jelas]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat undian...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, apa ini Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Nombor 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Dewan riuh]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of Order.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Bad performance on the first day, Tuan Yang di-Pertua.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of Order Tuan Yang di-Pertua. [Dewan riuh]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *That is a very good Speaker.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua macam tidak mahu dengarlah, masalah lah Tuan Yang di-Pertua ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of Order Tuan Yang di-Pertua...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You don't want to listen first.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *I have been raising, Point of Order is my right in this House. Ini adalah hak saya dalam Dewan Rakyat ini.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You are being unfair on us... [Dewan riuh]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini adalah hak saya dalam Dewan Rakyat, peraturan mesyuarat...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengikut peraturan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya mengikut dan mohon kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk hanya memutuskan secara umum kenyataan-kenyataan *sexist* tidak harus diizinkan, itu. *[Tepuk]* Saya faham Yang Berhormat Baling telah minta maaf dan tarik balik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pakai bedak pun *sexist* kah?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Akan tetapi itu sahaja.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, pakai bedak pun *sexist* kah?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jangan menghina.

Seorang Ahli: Ini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pasir Salak dari dahulu lagi tidak bertaubat langsung. Tidak malu!

Tuan P. Prabakaran [Batu]: *Ini discrimination. [Dewan riuh]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pakai bedak pun *sexist* kah?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling tidak tuju kepada sesiapa. Saya ingat esok tengok *Hansard*, esok tengok *Hansard* kalau Yang Berhormat Baling sebut pada sesuatu perkara umum...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *No, make a ruling now, no Hansard. Make the ruling now, Yang Berhormat Tanjong Karang.*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

3.30 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang dan selepas itu Mesyuarat akan disambung pada pukul 10 pagi, hari Selasa, 14 Julai 2020.”

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. [*Dewan riuh*]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of Order Speaker, shame on you!*

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Seorang Ahli: Jangan takut. [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Balik rumah pakai bedak. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 14 Julai 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.31 petang]

LAMPIRAN

PARLIMEN

MALAYSIA

**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH**

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
18 MEI 2020**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassolaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiyaai Wal Mursaliin, Wa'ala Aalihi Wa Sohbihi Ajma'in. Rabbish rahli sadri, Wayassirli amri, Wahlul uqdatan min lisaani, Yafqahu qauli.

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur Beta ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana telah melimpahkan kurnia dan keizinan-Nya kepada kita semua pada hari ini untuk bersama-sama dalam Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14. Lebih bermakna apabila istiadat ini berlangsung dalam bulan Ramadan, yakni bulan yang penuh keberkatan dan menjadi penghulu kepada sekalian bulan.

2. Istiadat pada pagi ini diadakan dalam suasana yang agak berbeza dari norma dan kelazimannya. Ketika ini, negara kita masih lagi dalam usaha memerangi penularan wabak COVID-19 yang telah mula-mula dikesan menjangkiti rakyat Malaysia pada awal bulan Februari yang lalu. Namun demikian, kita telah menghadapi dan menangani wabak ini dengan bersatu padu sebagai sebuah bangsa Malaysia yang kuat, cekal dan berdisiplin. Dalam saat getir ini, petugas barisan hadapan negara terutamanya perkhidmatan kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan lain-lain agensi yang turut terlibat telah tampil dengan penuh dedikasi yang tinggi menghadapi serangan wabak ini. Pengorbanan mereka tidak pernah mengenal erti penat mahupun takut hinggakan nyawa dan keselamatan diri sendiri menjadi taruhan demi menjaga kemaslahatan dan kepentingan orang ramai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

3. Pada 24 Februari 2020 yang lalu, naratif landskap politik negara telah sekali lagi digegarkan menerusi peletakan jawatan Perdana Menteri Malaysia yang ke-7. Sekitar jam 5.00 petang pada hari yang sama, Beta telah berkenan menerima menghadap Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Dalam pertemuan tersebut, Beta telah meminta Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad untuk tidak meletak jawatan. Namun beliau tetap dengan keputusannya.

4. Oleh yang demikian, Beta bertanggungjawab untuk melantik seorang Perdana Menteri yang baharu seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan. Perkara 43 memberi kuasa budi bicara kepada Beta untuk melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Beta mendapat kepercayaan majoriti Ahli-Ahli Dewan Rakyat.

5. Lantaran itu, pada 25 dan 26 Februari 2020, Beta telah mengadakan sesi pertemuan secara berseorangan dengan Ahli-Ahli Dewan Rakyat untuk menilai sendiri sokongan kepercayaan mereka. Pada 29 Februari 2020, Beta telah menitahkan semua parti-parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat untuk mencalonkan nama seorang ahli Dewan Rakyat sebagai bakal Perdana Menteri. Atas permintaan beberapa ketua parti politik, Beta telah berkenan pula untuk melanjutkan tempoh masa bagi parti-parti politik mengemukakan pencalonan mereka agar masa yang cukup diberikan dalam mereka membuat perhitungan secara demokrasi.

6. Sudah tentu setiap pertandingan pasti akan ada penamatnya. Kemelut politik negara tidak boleh dibiarkan berlarutan dan berpanjangan dengan tanpa ada penghujungnya. Lantaran itu, setelah melalui semua proses tersebut dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Beta telah mendapati Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Haji Yassin telah mendapat kepercayaan majoriti Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan dengan demikian selayaknya dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-8.

7. Sesungguhnya, Beta telah menggalas amanah dengan telus dan adil selaras dengan konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang menjadi tunjang amalan negara kita. Pada masa yang sama, Beta juga menghargai kematangan dan kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata yang telah memainkan peranan dengan penuh berhemah dan beretika sehingga membolehkan Beta menggalas amanah ini. Kepada Kerajaan Beta di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Haji Yassin, Beta menaruh keyakinan bahawa usaha-usaha membawa negara untuk terus mendaki persada kejayaan yang lebih tinggi akan menjadi kenyataan. Nasihat Beta, laksanakan amanah ini dengan jujur

dan penuh tanggungjawab, serta jangan sekali-kali mengabaikan kesejahteraan rakyat jelata.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Sesungguhnya cabaran yang dihadapi negara datang daripada pelbagai sudut. Negara kini berhadapan dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kejatuhan harga minyak, perang perdagangan khususnya antara Amerika Syarikat dan China, halangan dan sekatan perdagangan oleh negara tertentu, komoditi yang dikaitkan dengan isu alam sekitar, pergolakan politik di beberapa negara dan yang terbaharu penularan wabak COVID-19. Semua cabaran ini telah memberi kesan kepada Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka. Beta berkeyakinan Kerajaan Beta akan terus berusaha meminimumkan kesan buruk kepada rakyat dan negara.

9. Kedatangan wabak virus COVID-19 yang melanda dunia dan negara, telah turut memberi kesan kepada ekonomi serta kesihatan dan kehidupan rakyat jelata. Belum pernah negara berhadapan dengan wabak yang sebegini serius sebelum ini. Dalam menghadapi wabak ini, fokus utama Kerajaan Beta adalah untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat jelata sentiasa terjamin dan terbela. Ini termasuk dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dan membantu membawa pulang rakyat Malaysia yang terperangkap di luar negara.

10. Beta memahami banyak industri dan perniagaan terjejas akibat wabak ini. Namun, Beta menyeru kepada para majikan untuk tidak membuang pekerja dengan sewenang-wenangnya. Semua pihak diharap bersedia melakukan pengorbanan demi meringankan bebanan rakyat jelata dan juga menyelamatkan ekonomi negara. Beta turut berharap Kerajaan memberi tumpuan untuk membantu syarikat dan perniagaan yang terkesan teruk seperti industri pelancongan dan perusahaan kecil dan sederhana.

11. Beta berharap inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi termasuk memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, berjumlah RM260 bilion bagi melindungi kebajikan rakyat dan menyokong industri serta perusahaan kecil dan sederhana negara akan segera dirasai impaknya. Pakej tersebut adalah suatu yang amat besar dan luar biasa. Justeru, ia perlu disokong sepenuhnya oleh semua pihak. Beta yakin dengan kerjasama dan kesepakatan yang jitu, cabaran yang kita hadapi ini akan dapat kita tangani bersama, Insya-Allah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Di sebalik usaha-usaha Kerajaan, Beta juga berasa bimbang melihat polarisasi kaum yang masih wujud ketika ini. Pada hemat Beta, sebarang bentuk tindakan provokasi dan fahaman serta nilai yang bertentangan dengan norma, adat dan undang-undang, biarpun dilakukan oleh segelintir pihak, perlu dibendung sebelum ia merebak dan menjadi barah kepada kestabilan negara.

13. Setiap kaum perlu menunjukkan sikap dan tauladan yang jujur untuk mengeratkan hubungan. Dalam usaha mengukuhkan lagi kesepaduan sosial dan integrasi nasional, Beta menyambut baik pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara bagi memastikan agenda perpaduan nasional dapat diterapkan secara menyeluruh menerusi elemen-elemen kepercayaan dan jati diri yang teguh berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara.

14. Kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan terus dipertahankan. Selaras dengan ajaran Islam yang syumul dan dengan dipacu oleh prinsip Maqasid Syariah, Beta mahu Kerajaan mewujudkan pentadbiran agama Islam yang inklusif, progresif, membentuk hubungan etnik dan agama yang harmoni, menyantuni kemanusiaan dan peradaban ke arah kesejahteraan sejagat. Pada masa yang sama, Kerajaan Beta akan terus mempertahankan hak-hak penganut agama lain untuk terus bebas mengamalkan agama mereka secara berhemah dan aman.

15. Menyentuh aspek keselamatan negara, Beta berharap kerangka strategi dan dasar pertahanan masa depan negara perlu mengambil kira kepentingan diplomasi pertahanan, dasar luar negara yang pragmatik, triti antarabangsa dan kedudukan geopolitik negara di rantau Asia Pasifik. Peningkatan aktiviti ketenteraan dua kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China di Laut Cina Selatan mutakhir ini wajar diberikan perhatian. Oleh kerana itu, Malaysia hendaklah sentiasa peka kepada domain maritim negara di samping terus merangka strategi untuk mendukung aspirasi geopolitik negara. Pada masa yang sama, tahap keselamatan dalam negara hendaklah

terus dipertingkatkan terutamanya dalam menangani pelbagai jenayah, penyalahgunaan dadah, penyeludupan dan juga pemerdagangan manusia. Selain itu, Kerajaan hendaklah juga merangka pendekatan yang komprehensif dalam menangani kemasukan pendatang asing tanpa izin yang boleh menimbulkan pelbagai masalah dari aspek ekonomi, sosial dan keselamatan negara. Sempadan negara yang terbuka luas perlu terus diperkukuhkan dalam usaha mengekang laluan rentas sempadan pendatang asing tanpa izin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Kerajaan Beta akan terus merancang, memperkenalkan serta melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi merencanakan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat. Ke arah ini, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, akan menjadi pencetus kepada hala tuju baharu pembangunan negara. Wawasan ini bermatlamat supaya segenap lapisan rakyat dapat mengecap taraf hidup wajar dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama serta inklusif. Selain itu, jurang ekonomi dan pembangunan antara kelas pendapatan, wilayah, etnik dan rantaian bekalan akan dirapatkan.

17. Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan di dewan yang mulia ini adalah merupakan fasa pertama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Beta yakin dasar dan strategi rancangan tersebut yang dirangka melalui penglibatan pelbagai pihak akan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara yang akhirnya akan dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

18. Menyedari pentingnya suntikan pelaburan bagi merencanakan ekonomi negara, Kerajaan Beta akan terus mempermudah urusan perniagaan bagi meningkatkan aktiviti pelaburan. Hal ini termasuk keperluan mengemas kini undang-undang, proses kelulusan dan insentif sedia ada. Beta menyeru agar proses kelulusan terutamanya projek berimpak tinggi hendaklah ditambah baik agar ianya cekap dan pantas bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti.

19. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0, Beta menyambut baik dasar untuk mewujudkan ekosistem yang menyokong industri melalui penyediaan dana dan insentif, pembangunan prasarana sokongan serta rangka kerja kawal selia. Sumber pertumbuhan baharu yang berkembang pesat seperti teknologi 5G, kecerdasan buatan, *Internet of Things* dan analitis data raya akan diperhebatkan. Beta menggesa pemain industri agar turut sama mempergiat usaha sebagai pelengkap kepada inisiatif yang dibawa oleh Kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat, termasuk dalam bidang keusahawanan yang menjadi antara nadi utama pembangunan ekonomi negara. Beta menyambut baik strategi dan inisiatif bagi membangunkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030.

21. Untuk memastikan negara sentiasa di hadapan dalam pelbagai bidang, kemajuan Revolusi Industri 4.0 hendaklah dimanfaatkan untuk meningkatkan akses dan kesaksamaan pendidikan, selain penekanan kepada pembentukan ilmu, kemahiran serta sahsiah. Pendidikan di era pasca COVID-19 akan berhadapan dengan kelaziman baharu, atau *the new normal*. Justeru, kolaborasi institusi pendidikan dengan pelbagai pihak yang terlibat juga perlu dipergiat bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

22. Beta berharap pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi akan terus dipertingkatkan agar dapat menyediakan modal insan yang diperlukan bagi mendepani perkembangan semasa khususnya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Beta juga amat menyokong pemerksaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, atau TVET untuk mempersiapkan golongan belia menghadapi cabaran baharu alam pekerjaan.

23. Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk merapatkan jurang pembangunan dan ekonomi antara negeri dan wilayah. Ia merangkumi usaha untuk meningkatkan mobiliti rakyat dengan menambah baik rangkaian dan infrastruktur asas serta pengangkutan termasuk memantapkan lagi sistem pengangkutan awam sekali gus menyokong industri logistik negara.

24. Bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang pembangunan di Sabah dan Sarawak, Kerajaan Beta telah mengambil langkah menerusi pelaksanaan projek-projek infrastruktur kritikal di kedua-dua negeri tersebut. Beta berharap rakyat di Sabah dan Sarawak akan dapat menikmati jaringan perhubungan dan kemudahan yang berkualiti dan lebih baik. Kawasan pedalaman di Semenanjung juga akan terus diberi perhatian yang sama terutamanya di penempatan masyarakat Orang Asli.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Perkembangan terkini menunjukkan lebih dua pertiga rakyat Malaysia tinggal di bandar. Serentak dengan itu, kesejahteraan masyarakat bandar akan terus dipertingkatkan. Bagi meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan Beta telah merangka Dasar Perumahan Mampu Milik Negara dan mewujudkan Skim Sewa Milik. Melalui inisiatif tersebut diharap lebih ramai golongan B40 dan M40 serta golongan belia yang berkelayakan dapat memiliki kediaman sendiri.

26. Sebagai Kerajaan yang prihatin, masalah kos sara hidup rakyat akan terus ditangani dengan sebaik mungkin. Langkah telah diambil bagi mencegah unsur monopoli, mewujudkan persaingan yang sihat, meningkatkan penghasilan produk berkualiti dengan harga yang munasabah serta kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta. Inisiatif seperti Program Penyeragaman Harga, Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia dan subsidi bersasar akan terus ditambah baik untuk membantu rakyat menangani isu kos sara hidup.

27. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata terutamanya kanak-kanak, wanita, warga emas yang rentan, orang kurang upaya dan golongan yang memerlukan. Bagi memperkukuh perlindungan dan hak kanak-kanak pula, usaha diambil bagi memastikan mereka tidak dieksploitasi dalam apa-apa bentuk dan pada masa yang sama potensi penuh mereka dapat direalisasikan. Beta juga menyambut baik penggabungan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial yang akan memberi dimensi baharu kepada landskap sosial negara. Dalam pada itu, belia pula perlu terus dibimbing agar tidak terlibat dengan gejala negatif. Sebagai pemimpin masa depan, mereka wajar digalakkan untuk turut terlibat dalam membuat keputusan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha untuk membangunkan industri komoditi berasaskan pertanian secara lestari dengan sokongan penyelidikan dan pembangunan berkualiti, di samping meningkatkan permintaan pasaran termasuk di peringkat antarabangsa. Bagi meningkatkan lagi hasil pertanian dan jaminan sekuriti makanan negara, penekanan perlu diberikan kepada automasi, penggunaan teknologi moden, benih berkualiti, pembajaan dan pengairan, kawalan penyakit serta konsolidasi kawasan pertanian.

29. Kerajaan Beta turut beriltizam untuk terus meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan yang saksama kepada rakyat. Perkhidmatan kesihatan akan diperkasa dengan menjurus kepada pencegahan dan perawatan secara holistik termasuk kepada masyarakat luar bandar, Orang Asli serta pribumi di Sabah dan Sarawak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

30. Kemosrotan alam sekitar dan kesannya kepada kesejahteraan negara dan sejagat tidak boleh lagi dipandang remeh. Oleh itu, Beta menyeru supaya Malaysia terus komited dalam usaha mengetengahkan isu alam sekitar dan perubahan iklim, termasuk mempergiatkan usaha untuk memulihara sungai, hutan, hidupan liar dan mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca serta meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu. Pemeraksanaan undang-undang alam sekitar, aktiviti penguatkuasaan dan kerjasama erat semua pihak termasuk negara serantau perlu terus dilaksanakan.

31. Sungguhpun Tahun Melawat Malaysia 2020 telah dibatalkan ekoran penularan wabak COVID-19, usaha-usaha bagi memulihkan sektor pelancongan negara hendaklah diteruskan. Pada masa yang sama, pemain industri pelancongan hendaklah berusaha untuk memperkukuhkan produk dan pakej pelancongan serta menjaga infrastruktur sedia ada bagi mengembalikan semula kecemerlangan sektor pelancongan negara.

32. Sebagai tuan rumah Persidangan APEC 2020, Malaysia akan menggalas tanggungjawab besar dalam menentukan hala tuju APEC khususnya dalam membentuk landasan baru kerjasama ekonomi serantau pasca COVID-19. Beta percaya Kerajaan Beta akan dapat memberikan kepimpinan yang berkesan ke arah usaha tersebut dan juga merencana wawasan baharu APEC bagi menggantikan Matlamat Bogor yang akan berakhir pada tahun ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

33. Natijahnya, apa juga pelan dan program ke arah pembentukan sebuah negara maju yang stabil lagi makmur tidak akan tercapai jika negara terus dibelenggu dengan amalan rasuah. Justeru, pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara. Beta menggesa agar Kerajaan Beta untuk terus komited dalam melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional. Beta menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

34. Beta amat menghargai taat setia dan sumbangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta agensi-agensi Kerajaan yang telah mencurahkan khidmat bakti dalam usaha memajukan negara sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur dan disegani. Beta menyeru agar amanah dan tanggungjawab yang dijunjung dalam berbakti kepada negara dan rakyat jelata hendaklah terus dilaksanakan dengan sebaiknya secara profesional dan neutral tanpa mengira kaum, agama mahupun kedudukan. Pada masa yang sama, Beta menyeru agar rakyat jelata terus memberikan kerjasama kepada Kerajaan Beta bagi meneruskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara. Beta yakin, hanya melalui kesepaduan antara rakyat dengan Kerajaan sahaja, yang mampu melahirkan Malaysia yang stabil, aman dan sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

35. Sebelum Beta mengakhiri titah ini, Beta ingin berpesan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekaliannya. Sebagai seorang pemimpin, Ahli-Ahli Yang Berhormat menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat. Perbezaan pendapat tidak seharusnya diakhiri dengan permusuhan dan caci mencaci. Sebaliknya, perbezaan pendapat seharusnya menjadi landasan kepada pencetus idea-idea baharu untuk membangun dan menyatupadukan negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa mempamerkan kematangan dalam berpolitik. Ini termasuklah menjiwai keluh kesah rakyat, membela nasib rakyat, berpegang kepada prinsip keadilan, membudayakan politik yang bersih, tidak menyentuh sensitiviti agama dan bangsa mahupun kedaulatan serta kedudukan Raja-Raja Melayu. Jangan mengheret negara sekali lagi ke kancang politik yang tidak menentu ketika rakyat jelata masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan masa depan yang sukar akibat pandemik COVID-19. Sesungguhnya, perpaduan dan keharmonian bermula di dalam dewan yang mulia ini. Beta yakin, rakyat akan terus erat bersatu-padu dan sepakat dalam membangunkan negara jika rakyat tidak disogok dengan api permusuhan dan perpecahan. Justeru, berbahaslah dengan penuh tanggungjawab dan sentiasalah menunjukkan kematangan politik yang positif untuk dicontohi oleh rakyat jelata. Kepada rakyat jelata sekalian, teruskan menjaga kesihatan diri dan keluarga serta persekitaran setempat. Hindari daripada berhimpun secara ramai, dan teruskan mengamal penjarakan sosial. Mudah-mudahan Malaysia akan berjaya menangani pandemik COVID-19 ini dengan jayanya.

36. Mengakhiri titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga Malaysia serta rakyatnya akan terus diberkati dan dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan taufik dan hidayah, aman sentosa serta hidup bersatu padu di bawah lindungan-Nya. Selamat berpuasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin, ikhlas daripada Beta, Raja Permaisuri Agong dan keluarga.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.